



PERANG SAUDARA DI-SELANGOR

67

Aug 17

41

# Perang Saudara Di-Selangor

OLEH:

A. TALIB BIN HAJI AHMAD



PENERBITAN PUSTAKA ANTARA  
KUALA LUMPUR  
1962

Di-terbitkan oleh  
PUSTAKA ANTARA  
531, Batu Road,  
KUALA LUMPUR

COPYRIGHT HAK PENERBIT

310954

M  
959 5115  
A

Di-chitak oleh:  
Q A L A M  
356 & 358, Geylang Road,  
Singapore 14.

22 MAY 1974  
Perpustakaan Negara  
Malaya

## PENDAHULUAN

Para pembacha yang budiman,

Sa-belum tanah ayer kita terjajah, banyak peristiwa<sup>z</sup> yang berlaku. Peristiwa<sup>z</sup> itu ada pula yang merupakan sejarah yang harus kita ketahui.

Salah satu peristiwa<sup>z</sup>, yang saya pilih mengikut penyiasatan saya untuk tatapan para pembacha, ia-lah kesah perang saudara atau pemberontakan yang berlaku di-negeri Selangor dalam tahun 1866 - 1874. Peperangan tersebut saya sajikan di-sini dengan nama "Perang Saudara di-Selangor."

Harus saya tegaskan di-sini bahawa buku ini saya persembahkan kapada para pembacha yang budiman dengan niat yang jujur dan hasrat untuk memberikan kebajikan kapada tanah ayer kita.

Saya uchapkan terima kasih kepada seluroh para pembacha.

Kuala Lumpur,

Wassalam  
Pengarang  
A. Talib Bin Haji Ahmad

Second finding is  
that also after about  
indicated initial basal  
skin sliding seems to  
occur more rapidly  
and more deeply  
than in the first

method  
of

II  
x

## K A N D O N G A N

1.	Pengaroh Lukut	...	...	...	...	1
<del>2.</del>	Zaman Kema'amoran	...	...	...	...	9
<del>3.</del>	Pemberontakan	...	...	...	...	15
4.	Pehak <sup>2</sup> Yang Bertelagah	...	...	...	...	28
<del>5.</del>	Chatatan Perang	...	...	...	...	39
<del>6.</del>	Raja Mahadi	...	...	...	...	45
<del>7.</del>	Peranan Sultan Abdul Samad	...	...	...	...	54
8.	Bantuan Sultan Pahang	...	...	...	...	57
9.	Péjuangan Askar <sup>2</sup> Pahang	...	...	...	...	79
10.	Angkatan Imam Perang Rasul	...	...	...	...	85
11.	Angkatan Dato' Shah Jidin	...	...	...	...	89
<del>12.</del>	Dasar Pintu Terbuka	...	...	...	...	94
<del>13.</del>	Yap Ah Loy	...	...	...	...	106
<del>14.</del>	Penutup: Selangor Terbelenggu	...	...	...	...	115

41

11

6

9

11  
— 10

7

9

8

## I. PENGAROH LUKUT

(**L**UKUT ia-lah kawasan perlombongan yang pertama sa-kali di-usahakan oleh orang<sup>2</sup> Melayu di-Selangor. Oleh kerana daerah ini kaya raya dengan hasil bijih, maka pelombong<sup>2</sup> China telah berlumba<sup>2</sup> datang ka-sini pada akhir tahun 1820. Modal membuka lombong<sup>2</sup> di-beri oleh saudagar<sup>2</sup> China di-Melaka yang mengendalikan kongsi gelap "Ghi Hin". Pertubohan sulit ini berpusat di-bandar Melaka, dan mempunyai sa-buah pejabat chawangan-nya di-Lukut.

( Pelombong<sup>2</sup> China itu bebas membuka lombong di mana saja mereka suka dengan sharat membayar chukai yang di-tetapkan kapada Sultan. Kebebasan melombong telah menjadikan daerah Lukut sa-bagai sa-buah daerah yang terkaya sa-kali dalam negeri Selangor.)

Pendudok<sup>2</sup> Lukut bertambah dari kira<sup>2</sup> sa-ratus orang pala akhir tahun 1820 menjadi kira<sup>2</sup> sa-ribu orang, dua tahun kemudian. Saudagar<sup>2</sup> China kemudian berebut<sup>2</sup> mencari tanah lombong, dan beberapa perkelahian telah berlaku.

( Persengketaan di-antara saudagar<sup>2</sup> itu telah memberi kesempatan kepada pelombong<sup>2</sup> China melarikan chukai bijih yang telah di-tetapkan mesti di bayar kapada Sultan. Dalam suasana yang huruhara itu, Sultan Selangor (Sultan Mohamad) telah melantek anak buah-nya, Tengku Bongsu menjadi orang besar Lukut dan di-beri kuasa penoh untok memungut chukai serta mengendalikan daerah itu dengan kebijaksanaan-nya sendiri.

Sa-telah saja di-lantek menjadi orang besar, Tengku Bongsu mengadakan satu undang<sup>2</sup> yang melarang pelombong<sup>2</sup> China membuka lombong dengan sewenang<sup>2</sup>, kechuali mendapat izin daripada-nya. Peratoran ini telah berjaya menghentikan perebutan tanah lombong di-antara saudagar<sup>2</sup> China yang bertentangan. Ketenteraman puleh sa-mula, dan usaha melombong bijeh berjalan dengan baik sa-hingga kekayaan bumi Lukut mashhor ka-negeri<sup>2</sup> Selat.

Sa-lain dari meni'mati kekayaan dari hasil bijeh, Saudagar<sup>2</sup> China di-Melaka mendapat keuntongan yang tidak sadikit dari memerah pendapatan pelombong<sup>2</sup> China di-Lukut dengan menjual chandu dan arak kepada mereka. Pelachor<sup>2</sup> juga telah di-bawa masok ka-Lukut dari Negeri<sup>2</sup> Selat. Penjualan chandu dan arak, dan rumah<sup>2</sup> pelachor di-kendalikan oleh kongsi<sup>2</sup> gelap.

Untuk menghentikan perbuatan melarikan chukai, maka Tengku Bongsu telah membena sa-buah pejabat kastam yang di-perbuat daripada batu. Saudagar<sup>2</sup> China di-larang membawa keluar bijeh<sup>2</sup> yang di-keluarkan dari lombong<sup>2</sup> Lukut. Semua bijeh<sup>2</sup> dari lembong<sup>2</sup> Lukut di-beli-nya dengan harga yang berpatutan, dan di-kumpulkan dalam pejabat kastam. Sa-telah semua bijeh<sup>2</sup> terkumpul, Tengku Bongsu sendiri menguruskan penjualan bijeh<sup>2</sup> itu di-luar negeri. Sa-lain dari ini, orang besar daerah itu mengadakan pula satu peratoran yang mengenakan chukai ka-atas semua barang<sup>2</sup> yang di-bawa masok ka-Lukut dari luar negeri. Kemasukan perempuan<sup>2</sup> lachor di-sekat.

Apabila saja undang<sup>2</sup> baru itu di-laksanakan maka Tengku Bongsu telah berjaya memungut chukai yang berlipat ganda dari masa yang sudah<sup>2</sup>. Sa-bahagian dari hasil chukai itu di-beri kepada Sultan yang bersemayam di-Klang.

Baki-nya menjadi milek Tengku Bongsu sa-hingga dalam masa yang singkat saja ia menjadi sa-orang yang paling kaya sa-kali di-Selangor.

Undang<sup>2</sup> yang di-jalankan di-Lukut itu, walau pun tidak merugikan saudagar<sup>2</sup> China, tetapi mereka tidak menerima keuntongan yang lumayan lagi. Keadaan ini telah menjadikan saudagar<sup>2</sup> tersebut berasa gelisah, dan mereka telah mengirim wakil<sup>2</sup> mengadap Sultan, dan anak buah baginda yang lain supaya menyingkirkan Tengku Bongsu.

Dalam pada itu, beberapa kejadian samun telah berlaku ka-atas orang<sup>2</sup> Melayu di-Lukut. Bunoh membunoh, dan pencholekan gadis<sup>2</sup> Melayu sering kali terjadi. Akibat dari satu perompakan dan pembunuhan yang berlaku ka-atas keluarga sa-orang hartawan Melayu, maka sa-kumpulan orang<sup>2</sup> Melayu telah menyerang sarang kongsi gelap "Ghi Hin" di-Lukut. Kebetulan puia, di-dalam sarang itu bertempat pejabat kewangan saudagar<sup>2</sup> China. Beberapa orang samseng<sup>2</sup> "Ghi Hin" yang mengawal sarang itu telah di-bunoh, dan segala wang serta harta benda yang ada di-situ di-rampas.

Berapa-kah jumlah wang atau emas yang telah di-rampas dari sarang kongsi gelap itu tidak di-ketahui, tetapi akibat-nya ada-lah sangat haibat sa-kali. Ramai saudagar<sup>2</sup> China di-Melaka jatoh bengkrap, dar. hampir<sup>2</sup> menjadikan seluroh Melaka menderita krisis kewangan.

Ekoran dari serangan ka-atas sorang kongsi gelap di-Lukut itu telah menimbulkan beberapa serangan balas. Dan pada suatu malam, dalam bulan September 1834 sa-kumpulan pelombong<sup>2</sup> China telah menyerang dan membunuh beramai<sup>2</sup> sa-tiap orang Melayu di-Lukut; tidak kira besar

kecil, lelaki atau perempuan, semua-nya di-bunoh. Tengku Bongsu sendiri telah di-kapak mati, dan isteri serta anak<sup>2</sup> nya telah di-champakkan ka-dalam rumah mereka yang sedang terbakar.

Sa-lain dari membunoh, mereka telah merampas emas, abok emas, dan perkakas<sup>2</sup> intan berlian.

Harta benda, emas, abok emas, dan intan berlian yang di-kumpulkan dari mayat perempuan<sup>2</sup> dan gadis<sup>2</sup> yang dibunoh berjumlah lebih dari \$20,000. Harta rampasan berdarah ini di-serahkan kepada saudagar<sup>2</sup> China di-Melaka, untuk memperkuatkan lagi kedudukan kongsi gelap "Ghi Hin".

Ketibaan harta berdarah dari Lukut itu telah di-sambut dengan tarian naga, dan bakaran merchun. Jamuan<sup>2</sup> besar telah di-adakan. Pehak berkuasa Inggeris memejamkan mata. Pada hal pada ketika pembunuhan beramai<sup>2</sup> itu terjadi, Inggeris sedang sibok menyusun rancangan untuk "melindungi" orang<sup>2</sup> Melayu dan negeri-nya. Dan sa-kiranya pada masa itu, ada sa-orang yang mengakui raayat Inggeris mengadu bahawa ia telah di-samun atau di-rompak di-kawasan perayeran atau di-dalam negeri<sup>2</sup> Melayu, maka pehak berkuasa Inggeris tidak akan berlengah<sup>2</sup> menghantar kapalperang untuk mengugut Raja<sup>2</sup> Melayu supaya membayar ganti rugi.

Pembunuhan beramai<sup>2</sup> di-Lukut itu tidak terhenti disitu saja. Berita Lukut telah jatoh ka-tangan pelombong<sup>2</sup> China telah tersebar luas, terutama sa-kali ka-Riau. Daeng Hussein, sa-orang hulubalang yang ulong di-Riau apabila mendapat kabar itu telah mengambil ketegasan sikap untuk membela kehormatan orang<sup>2</sup> Melayu. Bersama<sup>2</sup> dengan pengikut<sup>2</sup>-nya ia belayar ka-Selangor.

Tidak lama kemudian, satu angkatan bersatu orang<sup>2</sup> Melayu dari Klang, orang<sup>2</sup> Melayu dari kawasan perdaleman negeri Selangor, dan dari beberapa daerah yang sekarang menjadi Negeri Sembilan dengan pimpinan Daeng Hussein telah menyerang Lukut. Sa-tiap pelombong<sup>2</sup> di-Lukut masa itu, berjumlah kira<sup>2</sup> sa-ribu orang telah di-kenyapkan dari muka bumi.

Pertemporan antara angkatan Daeng Hussein dengan pelombong<sup>2</sup> China di-Lukut yang di-pimpin oleh panglimanya bernama Ah Chong ia-lah satu pertemporan yang paling haibat dalam sejarah negeri Selangor.

Saperti buku bertemu dengan ruas, Daeng Hussein telah berhadapan muka dengan Ah Chong. Kedua<sup>2</sup>-nya telah bertempor satu hari suntok sa-hingga berjela hingga ka-dalam sa-buah kedai.

Dalam pertemporan di-kedai itu, Daeng Hussein telah menyusup ka-bawah sa-buah meja untuk mengelakkan hanyuan kapak Panglima Ah Chong.

Sambil menyusup di-bawah meja, Daeng Hussein dengan pantas telah menikam panglima kongsi gelap itu dengan sa-bilah keris. Tikaman Daeng Hussein itu singgah di-kemaluan Panglima Ah Chong. Ketua kongsi gelap itu rebah dengan serta merta lalu di-tikam lagi hingga mati oleh Daeng Hussein.

Menurut cherita-nya, Daeng Hussein telah mengambil kapak panglima Ah Chong itu lalu di-lurut-nya hingga menjadi sa-bilah keris sa-hingga di-kenal dengan nama keris kapak China.

Sa-telah Lukut kembali aman, orang<sup>2</sup> Melayu telah masok sa-mula ka-Lukut membawa anak buah masing<sup>2</sup>,

dan kerkaung halaman di-situ. Di-antara-nya ia-lah Raja Jaafar yang datang dari Riau. Ia di-benarkan oleh Sultan membuka lombong<sup>2</sup>, tetapi tidak mempunyai tarap sa-bagai orang besar daerah. Apabila keadaan aman sa-mula, Sultan telah membenarkan saudagar<sup>2</sup> bukan saja dari Melaka, malahan dari Pulau Pinang dan Singapura membuka lombong<sup>2</sup>. Sa-kali ini saudagar China yang mengendalikan kongsi gelap "Hai San" berlumba<sup>2</sup> dengan saudagar<sup>2</sup> kompolan "Ghi Hin" masok ka-Lukut.

Sementara itu Sultan Mohamad telah mengalami kerugian<sup>2</sup> besar dalam beberapa perusahaan lombong baginda di-lembah Klang. Baginda meminjam wang dari saudagar<sup>2</sup> China di-Melaka untuk membuka lombong<sup>2</sup> itu.

Dalam tahun 1839, Sultan Mohamad singgah di-Melaka dalam pelayaran baginda ka-Selangor dari menziarah saudara mara baginda di-Riau. Saudagar<sup>2</sup> datang menageh hutang, dan mengugut akan menggunakan kuasa undang<sup>2</sup> Inggeris untuk menangkap baginda sa-hingga hutang dibayar. Hutang baginda pada masa itu berjumlah \$169,000.

Sultan Mohamad telah di-selamatkan dari di-perhinakan oleh Raja Jumat, anak kepada Raja Jaafar, sa-orang hartawan Lukut. Raja Jumat atas nama diri-nya, dan juga nama bapa-nya, menjamin akan menjelaskan semua hutang piutang itu. Ini-lah tingkat permulaan Raja Jumat menerima kekuasaan di-Selangor.

Tidak berapa lama kemudian, Raja Jumat kahwin dengan puteri Sultan Selangor. Dan beberapa tahun pulsa-lepas itu (1846), Raja Jumat mengambil aleh semua hutang piutang Sultan Mohamad, dan sa-bagai ganti-nya, ia telah di-kurniakan darjah kebesaran, dan di-beri kuasa

sa-bagai orang besar daerah Lukut untuk mentadbirkan kawasan itu.

Sa-bagai orang besar, Raja Jumat telah mentadbirkan Lukut dengan bijaksana, dan mengadakan satu kerajaan tempatan yang chekap sa-kali. Ia mengadakan sa-buah mahkamah untuk mengadili segala perselisihan atau kesalahan, satu pasukan polis untuk menjaga keamanan, pejabat kastam, dan sa-buah pejabat pos.

Raja Jumat menetapkan chukai bijeh sa-banyak 10 peratus bagi sa-tiap bijeh yang hendak di-bawa keluar dari Lukut, dan menetapkan chukai Farang<sup>2</sup> dagangan dari luar negeri sa-banyak 20 peratus.

Pelumbong<sup>2</sup> China di-bebaskan mengerjakan lombong mengikut undang<sup>2</sup> negeri. Dan dengan pertadbiran yang chekap ini serta pemungutan chukai yang adil, maka Lukut kembali menjadi tumpuan pelombongan. Dalam masa yang singkat sa-buah bandar telah terdiri di-Lukut yang mempunyai beberapa kedai yang menjual beraneka jenis barang<sup>2</sup> dagangan.

Dalam masa kemewahan-nya Raja Jumat telah memungut chukai bijeh sa-banyak \$10,000 sa-hulan.

Raja Jumaat meninggal dunia dalam tahun 1864. Tempat-nya di-gantikan oleh anak-nya, Raja Bot. Dalam pada itu, lombong<sup>2</sup> di-Lukut tidak lagi mengeluarkan hasil. Pelumbong<sup>2</sup> sa-makin ramai yang pindah ka-lain kawasan perlombongan. Akhir-nya lombong<sup>2</sup> di-Lukut telah terbiar bagitu saja, dan pekan-nya yang sibok telah sunyi. Kemegahan Lukut sa-bagai sa-buah pusat perlombongan yang kaya raya pudar hingga menjadi kenangan saja. Akhir-nya sa-telah Inggeris menjajah Selangor, Lukut di-serahkan kepada Negeri Sembilan mengikut perjanjian penyusunan

sempadan antara Selangor dan Negeri Sembilan dalam tahun 1880.

Raja Bot dan keluarga-nya pindah ka-Kuala Lumpur.

\*

\*

\*

Sa-bagaimana yang telah kita ketahui, pelombongan<sup>2</sup> China di-Lukut sejak kawasan itu mula di-buka tahun 1820 ada-lah di-kendalikan dan ta'alok di-bawah kongsi<sup>2</sup> gelap. Keadaan itu berlanjutan hingga ka-zamian pemerentah Raja Jumat. Dan pada tahun 1860 telah berlaku perkelahian kongsi gelap yang dahshat sa-kali di-Lukut hingga menyebabkan kira<sup>2</sup> sa-ribu orang pelombongan<sup>2</sup> China mati terkorban. Dan pelombongan<sup>2</sup> yang selamat telah lari ka-kawasan<sup>2</sup> perlombongan yang baru di-buka di-perdalaman negeri Selangor, ia-itu di-Kuala Lumpur, Jinjang, Petaling atau Ampang.

Sa-telah perang kongsi gelap itu tamat, maka banyak lombongan<sup>2</sup> di-Lukut telah tidak di-usahakan lagi. Hasil<sup>2</sup> bijeh yang terbenam dalam bumi Lukut kebetulan puja pada masa itu telah habis di-bongkar, dan lombongan<sup>2</sup> yang maseh di-kerjakan, tidak mengeluarkan hasil yang menguntungkan.

Walau pun banyak yang mati akibat dari perkelahian sama sendiri, dan mati kerana penyakit, tetapi saudagar<sup>2</sup> China dari Negeri<sup>2</sup> Selat dengan galakan British terus menerus membawa kuli<sup>2</sup> murah dari Negeri China untuk bekerja di-lombongan<sup>2</sup>.

## 2. ZAMAN KEMA'AMORAN

Dalam tahun 1857, apabila Sultan Mohamad mangkat, maka Sultan Abdul Samad telah di-tabalkan menjadi Sultan memerentah negeri Selangor. Dalam masa pemerentahan baginda, negeri Selangor beransor maju. Penduduk<sup>2</sup> negeri bertambah ramai. Kawasan perlombongan sa-makin banyak di-buka.

Usaha melombong bijih — nyawa ekonomi negeri yang tunggal di-masa itu — di-kerjakan sa-chara besar-an. Sa-lain dari Lukut, lombong<sup>2</sup> telah di-buka dengan banyaknya di-Kuala Lumpur, Kanching, Ampang, dan Petaling.

Kemajuan perusahaan bijih itu telah menyebabkan orang<sup>2</sup> dagang terutama sa-kali pelombong<sup>2</sup> China berduyun<sup>2</sup> datang ka-Selangor menchari penghidupan baru, dan mangaut kekayaan.

Sa-lain dari kemasukan pelombong<sup>2</sup> China, orang<sup>2</sup> Melayu dari Sumatera, Minangkabau, Mendiling, Rawa, Batu Bara dan lain<sup>2</sup> — juga telah datang beramai<sup>2</sup>. Ke-banyakannya daripada mereka berkampong, membuka sawah ladang, berniaga dan membuka lombong<sup>2</sup> di-kawasan<sup>2</sup> yang berdekatan dengan tepi<sup>2</sup> sungai di-perdalaman negeri Selangor.

Saudagar<sup>2</sup> yang ada modal baik China atau orang<sup>2</sup> Melayu dari Sumatera di-benarkan membuka lombong di-mana<sup>2</sup> saja dengan sharat membayar sa-jumlah chukat bijih yang telah di-tetapkan kapada Sultan atau kapada

orang<sup>2</sup> besar daerah. Anak<sup>2</sup> raja juga turut membuka lombong. Modal<sup>2</sup> pelombongan China di-datangkan dari Negeri<sup>2</sup> Selat, terutama sa-kali dari Melaka.

Pada tahun 1866 negeri Selangor telah menempoh satu zaman kema'moran. Lombong<sup>2</sup> di-pinggir Kuala Lumpur saja telah mengeluarkan hasil bijeh sa-banyak lima kaii ganda lebeh banyak dari lain<sup>2</sup> daerah.

Di-sa-balek zaman kema'amoran itu, gejala<sup>2</sup> yang mē-nimbulkan persengketaan di-antara orang<sup>2</sup> besar negeri mula bertunas. Gejala<sup>2</sup> ini-lah yang membangkitkan perang saudara dari tahun 1866 hingga tahun 1874 yang memberi kesempatan kapada Inggeris menggunakan diplomasi kapal-perang lalu mengembangkan sayap penjajahan-nya serentak di-Selangor, Perak dan Sungai Ujong (kemudian Negeri Sembilan), sa-hingga akhir-nya semua kerajaan<sup>2</sup> Melayu yang merdeka terbelenggu.

\* \* \*

Sejak Raja Lumu, sa-orang kerabat di-raja Riau keturunan Bugis membuka negeri, dan menjadi Sultan negeri Selangor yang pertama, bergelar Sultan Salehuddin pada tahun 1742, sa-hingga ka-zaman Sultan Abdul Samad, sistem pemerentahan negeri ada-lah mengikut chara pemerentahan kerajaan<sup>2</sup> fuedalis Melayu yang lain.

Menjelang perang saudara, bijeh ia-lah urat nadi ekonomi negeri. Hasil bumi yang lain belum ada, dan perdagangan pun tiada sa-berapa. Sultan, atau orang<sup>2</sup> besar daerah yang menguasai hasil bumi yang tunggal ini-lah menjadi orang yang paling berkuasa sa-kali dalam negeri.

Selangor maseh belum mempunyai perlumbagaan, kechuali adat lembaga yang di-pusakai turun temurun. Tidak

ada kerajaan pusat yang boleh menegakkan kekuasaan-nya di-seluroh negeri. Semua alat<sup>2</sup> kekuasaan dan politik kengaraan terletak bulat<sup>2</sup> dalam tangan sultan. Kemudian mengikut peredaran zaman kekuasaan Sultan mengalir pula ka-tangan orang<sup>2</sup> besar daerah. Orang<sup>2</sup> besar ini-lah akhirnya yang bertanggong jawab dan berkuasa penoh dalam daerah masing<sup>2</sup>. Pada hakikat-nya orang<sup>2</sup> besar ini-lah menjadi "raja" yang berkuasaa penoh dalam daerah-nya. Akhir-nya Sultan bertarap hanya sa-bagai orang yang di-rajakan menurut adat saja. Kuasa baginda terbatas dalam daerah tempat baginda bersemayam. Kehidupan baginda ada-lah bergantong pada hasil chukai daerah-nya sahaja, dan kuasa baginda kalau pun ada, hanya-lah sa-bagai sa-orang besar sa-tempat saja. Namun demikian, orang<sup>2</sup> besar yang berkuasa penoh di-daerah masing<sup>2</sup> menjalankan kekuasaan mereka, burok atau baik, semua-nya atas nama Sultan.

Sultan Negeri Selangor yang mula<sup>2</sup> sa-kali terperangkap oleh proses kemerosotan kuasa ia-lah Almarhum Sultan Mohamad (1826-1857), dan Sultan Abdul Samad (1857-1898), kemudian di-warisi oleh lain<sup>2</sup> Sultan.

Dalam zaman kesultanan Sallehuddin (1742-1780), dan Sultan Ibrahim (1780-1826), seluroh negeri Selangor di-kuasai penoh oleh baginda berdua. Baginda<sup>2</sup> berjaya menegakkan kekuasaan masing<sup>2</sup>, dan memerentah selaku Sultan yang berdaulat kerana pemerentahan berorang besar belum lagi terbentok. Di-zaman pemerentahan kedua<sup>2</sup> orang Sultan tersebut, kawasan perlombongan berpusat di-Kuala Selangor, dan di-Klang. Keadaan ini memudahkan baginda menguasai penoh segala hasil bijeh<sup>2</sup> yang di-keluarkan dari lombong<sup>2</sup> di-situ.

Keadaan tersebut mula berubah apabila kawasan lombong yang baru di-buka di-Lukut (1820) dalam masa pemerentah Al-marhum Sultan Ibrahim. Baginda mula<sup>2</sup> mentadbirkan langsung pelombongan<sup>2</sup> China yang membuka lombong di-Lukut dari Klang. Sa-telah terjadi huruhara di-kalangan pelombongan<sup>2</sup> China yang berebut<sup>2</sup> tanah lombong, dan penggelapan chukai, maka Sultan Ibrahim telah melantek Raja Bongsu, sa-orang anak buah baginda menjadi orang besar Lukut untuk mentadbirkan daerah itu selaku wakil peribadi baginda. Segala hasil dari chukai bijeh disitu di-bahagi dua, separoh kapada Sultan, dan separoh lagi kapada Raja Bongsu sa-bagai biaya mentadbirkan Lukut serta menanggong anak buah, dan juak-nya.

Keadaan tersebut berubah lagi dengan pesat-nya sa-telah kawasan<sup>2</sup> perlombongan yang baru di-buka di-pinggir Kuala Lumpur. Sa-telah Sultan Ibrahim mangkat, anak<sup>2</sup> raja yang telah bertambah rainai di-Selangor merumitkan pula pemerentahan Sultan Mohamad. Sa-tiap anak raja menda'awa bahawa sa-bagai anak atau chuchu chichit Sultan, maka mereka ada-lah berhak mendapat bahagian dari segala hasil negara. Pada hemah mereka pemungutan chukai atau kekuasaan sa-tempat ia-lah urusan kekeluargaan di-raja, dan mereka sa-bagai anak raja mesti menerima hak masing<sup>2</sup> dari segala hasil negeri atau daerah.

Untuk memudahkan pekerjaan memungut chukai, dan mengawal ketenteraman di-kalangan orang<sup>2</sup> dagang, tersutama sa-kali pelombongan<sup>2</sup> China, maka Sultan, dan orang<sup>2</sup> besar saperti yang telah teradat telah melantek orang<sup>2</sup> yang berpengaroh di-kalangan kaum China, dan orang<sup>2</sup> Sumatera menjadi ketua kaum masing<sup>2</sup>. Ketua orang<sup>2</sup> China sa-tempat bergelar Kapitan China, dan ketua orang<sup>2</sup> Sumatera pula bergelar Dato' Dagang. Kapitan China dan Dato'

Dagang berkuasa penoh di atas kaum masing<sup>2</sup>. Dengan chara ini, kedua<sup>2</sup> kaum itu hidup mengikut adat resam masing<sup>2</sup>. Segala titah Sultan, atau perentah orang<sup>2</sup> besar sa-tempat yang di-keluarkan atas nama Sultan di-kerjakan oleh kedua<sup>2</sup> kaum itu, melalui ketua masing<sup>2</sup>.

Sa-jurus sa-belum Sultan Mohamad mangkat, kuasa orang<sup>2</sup> besar telah bertambah kuat, dan dalam banyak perkara melebahi kuasa baginda. Segala hasil daerah mengalir ka-dalam kantong orang besar. Orang<sup>2</sup> besar-lah yang berkuasa penoh dalam daerah masing<sup>2</sup>. Jawatan orang besar mulai jadi rebutan. Orang besar yang berpengaroh dan kaya raya dari hasil bijeh telah boleh menunjokkan kapada Sultan siapa yang harus di-lantek menjadi orang besar daerah yang telah mati dengan mengenepikan waris yang menurut adat kebiasaan sa-harus-nya memegang jawatan itu.

Penyingkiran waris bekas orang<sup>2</sup> besar daerah menghidupkan suatu unsor yang membangkitkan persengketaan di-antara anak<sup>2</sup> raja Selangor. Sultan terpaksa mengikut telnjok orang<sup>2</sup> besar, andai-nya baginda hendak selamat di-atas takhta-nya.

Bijeh tetap menjadi nyawa ekonomi negeri, tegas-nya sumber kekuatan dan kekuasaan orang<sup>2</sup> besar. Siapa yang menguasai puncha ini, dia-lah yang berkuasa. Jumlah anak<sup>2</sup> raja yang sa-makin ramai bertambah merumitkan keadaan. Hasil chukai bijeh yang pada hemah anak<sup>2</sup> raja itu, milek kerabat di-raja sekarang telah mengalir ka-dalam banyak tangan. Hanya dua matapencharian saja yang terbuka kapada anak<sup>2</sup> raja yang hendak naik, ia-itu menjadi saudagar atau membuka lombong. Dan kedua<sup>2</sup> lapangan ini pula tiada terbuka luas kapada mereka, kerana meng-

hadapi persaingan yang haibat sa-kali dengan pelombong<sup>2</sup> China, dan saudagar<sup>2</sup> dari orang<sup>2</sup> Sumatera.

Sementara negeri ma'amor, Sultan Abdul Samad mendapati diri baginda bukan saja miskin, malahan tidak berkuasa langsung. Walau pun baginda bersemayam di-Klang, kekuasaan di-daerah itu terletak dalam tangan orang besarnya, Raja Abdullah (saudara Raja Jumat orang besar Lukut. Ia telah di-lantek dalam masa pemerentahan Sultan Mohamad menggantikan Raja Sulaiman, putera Sultan Mohamad sendiri).

Kedudukan Sultan Abdul Samad, bukan saja lemah di-seluroh negeri, malahan tiada berdaya hendak menentukan sa-suatu atau mendamaikan persengketaan di-antara anak<sup>2</sup> raja. Mengikut keadaan ketika itu, maka tiada-lah jalan lain bagi baginda, melainkan menurut saja kemahuhan orang<sup>2</sup> besar yang berpengaroh. Sementara itu, persengketaan di-antara anak<sup>2</sup> raja sa-makin merunching, dan akhirnya meletus-lah perang saudara dalam tahun 1866 hingga tahun 1874, yang memberi kesempatan kepada Inggeris champor tangan menjajah negeri ini.

### 3. PEMBERONTAKAN

(Menjelang perang saudara ineletus, Raja Abdullah orang besar daerah Klang, ia-lah orang yang paling kaya, dan berkuasa di-seluroh negeri Selangor. Daerah kekuasaan-nya meliputi semua kawasan perlombongan di-Kuala Lumpur, Petaling, Kanching, dan Ampang. Ia lebeh berkuasa dan berpengaroh dari Sultan Abdul Samad yang bersemayam di-Klang.

Pemerentahan berorang besar di-Selangor ada-lah sama kaedah-nya dengan sistem kerajaan fuadalis Melayu di-lain<sup>2</sup> negeri di-Semenanjong Tanah Melayu di-zaman itu. Orang<sup>2</sup> besar-lah yang berkuasa peroh dalam serba serbi urusan di-daerah masing<sup>2</sup>. Dan segala pekerjaan di-seleng-garakan atas nama sultan, walau pun kuasa baginda hanya sa-takat di-kawasan istana saja.

Raja Abdullah mempunyai anak buah yang tidak sa-dikit jumlah-nya terdiri dari anak<sup>2</sup> raja. Anak buah-nya itu bergelar, juak orang<sup>2</sup> besar, Mereka di-lengkapkan alat senjata, dan bertugas sa-bagai askar atau polis untuk mem-pertahankan kekuasaan orang besar. Makan dan pakaijan mereka semua-nya di-tanggong oleh Raja Abdullah.

Dalam masa Raja Abdullah menjadi orang besar daerah Klang, kawasan perlombongan di-Lukut tiada lagi mengeluarkan hasil yang menguntongkan. Kebanyakan daripada pelombong<sup>2</sup> di-Lukut telah pindah membuka ka-wasan<sup>2</sup> perlombongan yang lebeh kaya di-sa-kitar kawasan Kuala Lumpur, Kanching, Petaling dan Ampang.

Sungai Klang menjadi jalan yang terpenting sa-kali untuk membawa masok barang<sup>2</sup> dagangan dari Negeri<sup>2</sup> Selat ka-kawasan<sup>2</sup> lombong yang sedang di-usahakan dengan giat-nya itu, dan membawa bijeh<sup>2</sup> untuk di-jual ka-Negeri<sup>2</sup> Selat.

Raja Abdullah membena sa-buah pejabat kastam yang kuat di-Kuala Lumpur yang di-kawal kuat oleh juak<sup>2</sup>-nya. Di-sini-lah pelombong<sup>2</sup> China membayar chukai sa-behun bijeh<sup>2</sup> di-benarkan di-anggkut ka-Klang. Dan di-sini-lah juga saudagar<sup>2</sup> membayar chukai atas segala barang<sup>2</sup> dagangan yang di-bawa dari Negeri<sup>2</sup> Selat, terutama sa-kali dari Melaka untuk di-jual kepada pelombong<sup>2</sup>. Orang<sup>2</sup> Sumatera sa-makin ramai membuka kampong halaman, dan bersawah di-perdalaman kawasan Sungai Klang.

Penganiayaan dan tindakan<sup>2</sup> bermaharajalela yang dilakukan oleh sa-tengah<sup>2</sup> juak<sup>2</sup> orang besar Raja Abdullah telah menggelisahkan orang<sup>2</sup> Sumatera yang bemastautin di-ulu<sup>2</sup> Sungai Klang. Sering kali saudagar<sup>2</sup> dari orang<sup>2</sup> Sumatera telah di-bunoh oleh juak<sup>2</sup> orang besar dengan alasan yang tipis sa-kali. Misal-nya engkar membayar chukai, atau membantah jika chukai yang di-kenakan melebeli dari adat yang sa-patut-nya. Tidak sadikit pula orang<sup>2</sup> yang berasal dari Sumatera itu menderita kerugian apabila juak<sup>2</sup> orang besar itu masok ka-kampong merampas padi atau ternakan atas nama Sultan. Sa-lain dari ini, ramai juga anak<sup>2</sup> gadis orang<sup>2</sup> dagang itu telah teriniaya angkara juak orang<sup>2</sup> besar, konon-nya untuk di-jadikan "isteri" Sultan. Tiada siapa yang berani menghalang rampasan atau perbuatan mencheraikan anak gadis dari keluarga-nya yang di-lakukan atas nama Sultan. Menggalang atau membantah perentah sa-umpama itu ada-lah bererti menderhaka kapada

raja. Hukum-nya di-bunoh dengan serta merta dengan tiada banyak bichara.

Kegelisahan itu menjadi<sup>2</sup> sa-telah pedagang<sup>2</sup> yang kembali dari Melaka mendapati anak<sup>2</sup> gadis yang konon-nya hendak "di-peristerikan" oleh Sultan itu di-jumpai di-Melaka menjadi perempuan<sup>2</sup> simpanan saudagar<sup>2</sup> China dan pegawai<sup>2</sup> Inggeris. Nyata-lah sudah bahawa juak<sup>2</sup> orang besar itu telah menggunakan nama Sultan sa-bagai alat memperniagakan gadis<sup>2</sup> kampong untuk menuaskan nafsu saudagar<sup>2</sup> di-Melaka. Kemarahan orang<sup>2</sup> dagang dari Sumatera ini telah memunchak sa-jungga mereka terpaksa mengangkat senjata sa-telah sa-orang dari anak buah Dato' Dagang di-bunoh oleh juak Raja Abdullah di-pejabat kastam Kuala Lumpur.

Pembunuhan itu terjadi sa-jurus sa-belum perang saudara meletus pada tahun 1866. Dato' Dagang telah menghantar utusan-nya ka-Klang meminta Raja Abdullah membayar ganti rugi, dan bertindak menghentikan kechurangan<sup>2</sup> yang di-lakukan oleh juak<sup>2</sup>-nya di-kawasan Kuala Lumpur,

Raja Abdullah enggan membayar ganti rugi. Berkenaan dengan kemaharajaleaan juak<sup>2</sup>-nya di-kawasan Kuala Lumpur, Raja Abdullah tidak sadikit pun menyalahkan pekerjaan anak buah-nya yang hina itu. Malahan Raja Abdullah mengatakan bahawa segala yang di-lakukan oleh anak buah-nya itu, walau pun dalam sa-tengah<sup>2</sup> perkara, tidak manis di-kerjakan atas nama-nya sa-laku wakil Sultan yang berkuasa penoh, tapi hendak-lah di-ertikan sa-bagai titah perantah Sultan yang mesti di-turut, dan di-taati.

Utusan Dato' Dagang kembali dengan hati hampa. Kemarahan orang<sup>2</sup> Sumatera meluap<sup>2</sup>. Dato' Dagang bermeshuarat dengan sakalian anak buah-nya. Keputusan telah

di-ambil. Kechurangan tidak boleh di-biarkan berlaku lagi. Sakalian orang<sup>2</sup> Sumatera di-ulu Sungai Klang telah mengangkat senjata.

\*

\*

\*

Kita telah membacha kebesaran Raja Jumaat, orang besar Lukut, ketika daerah itu berada di-merchu keagongan-nya. Raja Jumaat sa-bagai sa-orang saudagar yang bijaksana mempunyai banyak hubungan dengan saudagar<sup>2</sup> China di-Melaka dan Singapura. Di-antara-nya ia-lah J.G. Davidson (peguam dan saudagar Singapura), Baba Kim Cheng, dan lain<sup>2</sup> saudagar<sup>2</sup> yang kaya di-Melaka.

Sa-waktu Raja Jumat berkuasa di-Lukut, orang besar daerah Klang ia-lah Raja Sulaiman, putera Sultan Mohammed. Apabila Raja Sulaiman meninggal dunia dalam tahun 1854, Raja Jumaat telah berjaya mempengarohi Sultan Mohammed yang banyak terhutang budi kapadanya supaya melantek saudara-nya sendiri (saudara Raja Jumat), bernama Raja Abdullah menjadi orang besar Klang. Dengan kebijaksanaan Raja Jumat-lah, maka Raja Mahadi, anak mendiang Raja Sulaiman yang menurut 'adil kebiasaan berhak menjadi orang besar Klang telah di-ketepikan.

Sa-telah Sultan Mohammed memberi keputusan-nya, maka Raja Mahadi walau pun dalam hati kecil-nya tersinggong, telah mentaati keputusan Sultan. Dari sa-orang anak orang besar yang hidup lumayan, Raja Mahadi terpaksa menchari mata pencharian-nya dengan bermiaga membawa barang<sup>2</sup> dagangan dari negeri<sup>2</sup> Selat untuk di-jual di-Klang dan di-sekitar kawasan pelombongan Kuala Lumpur.

Ketika kawasan perlombongan di-sekitar Kuala Lumpur sedang maju dengan pesat-nya, keagongan Lukut sa-bagai pusat perlombongan yang terkaya sa-kali di-Selangor telah pudar. Saudagar<sup>2</sup> Negeri<sup>2</sup> Selat yang dulu menyokong dan bersahabat dengan Raja Jumat sekarang berlumba<sup>2</sup> mendampingi Raja Abdullah, orang besar Klang. Persahabatan itu menguntungkan saudagar<sup>2</sup> itu dengan mendapat keistimewaan tanah<sup>2</sup> lombong. Dalam pada itu, Raja Abdullah sering kali mengunjungi Melaka dan Singapura.

Di-Singapura dan di-Melaka, Raja Abdullah telah dibujok oleh sahabat-nya sa-hingga ia terpengaroh oleh kesenangan hidup, dan kebesaran gabnor dan orang<sup>2</sup> besar Inggeris. Di-Singapura, Raja Abdullah telah di-pengarohi oleh J.G. Davidson dan pegawai<sup>2</sup> pentadbir Inggeris supaya "menchontohi" Gabnor Singapura yang bukan saja berkuasa penoh, lebeh dari Raja<sup>2</sup> Melayu, tetapi kaya raya dengan tidak perlu berdayong ka-hulu ka-hilir memungut chukai.

Oleh kerana Raja Abdullah tidak sa-bijak Raja Jumat, tambahan pula kesedaran politik-nya hampir tiada, melainkan hendak hidup lumayan dan berkuasa, maka pada tahun 1866 Raja Abdullah telah mengikat satu perjanjian dengan W.H. Reed dan baba Tan Kim Cheng, saudagar<sup>2</sup> Singapura. Perjanjian ini memberi kuasa penoh kapada kedua<sup>2</sup> orang saudagar tersebut untuk memungut segala chukai dalam daerah kekuasaan-nya. Chukai<sup>2</sup> yang di-pungut oleh kedua<sup>2</sup> orang saudagar itu di-bahagi dua. Sa-bahagian kapada W.H. Reed dan Baba Tan Kim Cheng, dan sa-bahagian lagi kapada Raja Abdullah. Dengan chara ini, Raja Abdullah tidak perlu bersusah payah lagi me-mungut sendiri chukai dari dalam daerah kekuasaan-nya.

Ia hanya mengadakan beberapa orang juak<sup>2</sup>nya untuk mengiringi kedua<sup>2</sup> orang pemungut chukai yang baru itu.

Pemungutan chukai di-jalankan dengan chekap seperti perotoran kerajaan Negeri<sup>2</sup> Selat. Sa-makin kurang pelombong<sup>2</sup> China yang berjaya mlarikan chukai. Dan dalam masa yang singkat, hasil pemungutan chukai walau pun telah di-bahagi dua, tetapi Raja Abdullah menerima bahagian-nya berganda<sup>2</sup> lebeh dari masa ia sendiri menjalankan pemungutan chukai itu.

Kegiatan<sup>2</sup> pemungut<sup>2</sup> chukai yang baru itu (Reed dan Tan Kim Cheng) yang lebeh menguntongkan dari memiliki seluroh lombong<sup>2</sup> di-Kuala Lumpur telah memberi pukulan yang berat sa-kali kapada juak<sup>2</sup> Raja Abdullah yang salama ini turut merasa ni'mat chukai yang mereka gelapkan. Sekarang segala hasil chukai di-masokkan langsung ka-dalam kantong Raja Abdullah dengan pengawasan pemungut chukai Reed dan Tan Kim Cheng. Keadaan ini menjadikan juak<sup>2</sup> orang besar tersekat dari hidup Jumayan, dan hanya menerima makanan dan pakaian perchuma saja. Ini-lah juga yang telah menyebabkan juak orang<sup>2</sup> besar itu menggunakan kesempatan sa-bagai anak buah orang besar bertindak sewenang<sup>2</sup> terhadap orang<sup>2</sup> Sumatera demi kepentingan diri sendiri.

Menurut adat, kaum hartawan Melayu atau anak<sup>2</sup> raja Selangor di-kechualikan dari membayar chukai. Tetapi kedua<sup>2</sup> orang pemungut chukai Raja Abdullah kerana terlalu tamak, telah memaksa semua orang membayar chukai, dan tidak ada orang yang terkechuali.

Kebanyakan daripada anak<sup>2</sup> raja tidak berasa senang dengan penyukaian itu, tetapi oleh kerana bimbang atau takut mahu tidak mahu terpaksa membayar chukai.

Pada waktu peratoran chukai baru itu di-laksanakan, Raja Mahadi berada di-Melaka kerana bermiaga. Apabila kembali ka-Selangor kira<sup>2</sup> sa-bulan sa-telah peratoran itu berjalan (tahun 1866), Raja Mahadi membawa dua peti chandu untok di-jualkan kapada pelombong<sup>2</sup> China di-Kuala Lumpur. Ia enggan membayar chukai. Dagangan-nya di-rampas. Raja Mahadi merasa orang yang telah menduduki jawatan-nya sa-chara tidak sah menurut adat, telah bertindak melampaui batas.

Raja Mahadi dengan mudah mendapati sokongan dari anak<sup>2</sup> raja yang sa-lama ini tidak berasa senang dengan pemungutan chukai yang di-kenakan oleh orang besar Klang itu. Tidak lama kemudian (tahun 1866 juga) dengan sokongan orang<sup>2</sup> Sumatera di-perdalaman sungai Klang yang telah mengangkat senjata, Raja Mahadi mengepong kubu orang besar Klang dan mengusir n.usoh bersama mereka, Raja Abdullah dari situ. Raja Abdullah serta juak<sup>2</sup>-nya sangat di-benchi orang ketika itu, dan pemberontakan Raja Mahadi itu merupakan satu pemberontakan yang popular sa-hingga dalam masa yang singkit saja Raja Abdullah telah dapat di-kalahkan. Dan dengan sendiri-nya Raja Mahadi menjadi orang besar Klang serta menguasai sa-luroh kawasan Kuala Lumpur, Kaching, Petaling dan Ampang.

Sultan Abdul Samad terpaksa mengakui Raja Mahadi sa-bagai orang besar Klang dengan sharat sa-tiap bulan Raja Mahadi hendaklah membayar \$500/- dari chukai<sup>2</sup> yang di-pungut dari daerah-nya kapada baginda. Tetapi Raja Mahadi kerana terlalu mabok dengan kemenangan-nya, dan dalam masa yang singkat menjadi orang yang paling berpengaroh di-Selangor telah tiada berapa mengendahkan sharat Sultan. Anak<sup>2</sup> Raja Abdullah tidak henti<sup>2</sup>

pula mendesak Sultan Abdul Samad supaya menyingkirkan Raja Mahadi. Oleh kerana kedudukan baginda terlalu lemah, Sultan Abdul Samad tidak terdaya untuk memaksa Raja Mahadi supaya membayar chukai yang telah ditetapkan sebanyak \$500 itu, dan tidak dapat berbuat apa<sup>2</sup> dengan desakan anak<sup>2</sup> Raja Abdullah.

Sultan Abdul Samad tidak mempunyai askar, dan kekuasaan baginda hanya sa-takat sa-orang yang di-rajaikan menurut adat saja. Seluruh kekuasaan negeri terletak dalam tangan orang<sup>2</sup> besar. Dan baginda terpaksa-lah mengikut keadaan yang wujud di-masa itu, sa-kira-nya hendak selamat di atas takhta-nya. Dengan bijaksana baginda berbuat baik dengan tidak memusohi pelik<sup>2</sup> yang terlibat dalam perembuatan jawatan orang besar Klang itu.

Dalam pada itu, J.G. Davidson, W.H. Read, Tan Kim Cheng, dan lain<sup>2</sup> saudagar<sup>2</sup> Negeri<sup>2</sup> Selat maseh mengharapkan anak<sup>2</sup> Raja Abdullah akan berkuasa sa-mula di-Klang. Saudagar<sup>2</sup> ini-lah yang memberi segala bantuan kapada anak<sup>2</sup> Raja Abdullah untuk menguasai sa-inula Klang dengan jaminan bahawa sa-kira-nya berjaya mereka akan mendapat hak monopolis di-seluruh lombong<sup>2</sup> dalam daerah kekuasaan Klang.

Sementara itu Raja Mahadi untuk mempertegoh kedudukan-nya mendapat sokongan pula dari sa-golongan saudagar<sup>2</sup> Melaka di-antara-nya Baba Teck Cheng, dan kaum kerabat di-Raja Johore.

Menimbang bahawa perebutan jawatan orang besar Klang itu mungkin akan membakar bumi Selangor, maka Sultan Abdul Samad chuba mententeramkan keadaan itu dengan melantek menantu baginda, Tengku Dza'uddin (bergelar Tengku Kudin), putera Sultan Kedah, menjadi wakil

Yam Tuam untuk menyelesaikan persengketaan "kekeluargaan" itu. Baginda juga mengharapkan dengan penyelesaian itu, dapatlah sadikit demi sadikit kekuasaan penoh yang ada di-tangan orang<sup>2</sup> besar di-luchutkan, dan sa-buah pemerentahan pusat yang kuat dapat di-wujudkan di-Negeri Selangor.

Ranchangan Sultan Abu Samad gagal. Raja Mahadi dan anak buah Raja Abdullah yang bertentangan itu, dan anak<sup>2</sup> raja Selangor semua-nya tidak mengakui perlantekan baginda. Anak<sup>2</sup> raja<sup>2</sup> itu terlalu menchurigai orang dagang yang champor tangan dalam urusan kekeluargaan di-raja Selangor.

Sa-telah usaha pertama itu gagal, Sultan Abu Samad melantek Tengku Kudin menjadi orang besar daerah Kuala Langat. Perlantekan itu telah menimbulkan kemarahan di-kalangan orang<sup>2</sup> Kuala Langat, dan mereka enggan mengakui kekuasaan Tengku Kudin di-situ. Pemberontakan ham-pir<sup>2</sup> berlaku di-Kuala Langat. Dan Tengku Kudin terpaksa berundor dari Selangor.

Tetapi sa-belum meninggalkan Selangor, Tengku Kudin telah pergi ka-Singapura, dan Melaka menemui pegawai<sup>2</sup> Inggeris menyatakan bahawa ia telah di-lantek menjadi wakil Yam Tuan Selangor, dan juga menjadi orang besar daerah Kuala Langat.

Saudagar<sup>2</sup> dan pegawai<sup>2</sup> Inggeris yang dulu menyokong Raja Abdullah dan anak<sup>2</sup>-nya tidak bertanggoh<sup>2</sup> lagi mem-beri bantuan kapada Tengku Kudin untuk menegakkan kekuasaan-nya di-Selangor. Sa-telah menerima bantuan wang, Tengku Kudin berangkat ka-Kedah kerana meng-hadiri permakaman ibu-nya, dan untuk mengumpulkan askar<sup>2</sup> yang akan di-bawa ka-Selangor.

Sa-telah Tengku Kudin berundor ka-Kedah (1868), persengketaan di-antara Raja Mahadi dengan anak buah Raja Abdullah sa-makin menjadi<sup>2</sup>. Apabila kedua pihak tiada juga mahu mengadakan penyelesaian, dan telah bersiap<sup>2</sup> sa-chara berterang<sup>2</sup> hendak beradu kekuatan maka Sultan Abdul Samad serta anak buah-nya pun pindah bersemayam dari Klang ka-Jugra, di-daerah Kuala Langat.

Walau pun bahaya perang Selangor sedang menyelubungi Negeri Selangor, dan musoh<sup>2</sup>-nya sedang bersiap, Raja Mahadi terus menerus menguasai seluroh daerah Klang, dan seluroh kawasan Kuala Lumpur, Jinjang, Petaling, dan Ampang. Dalam bulan June 1869, Raja Mahadi telah berangkat ka-Kuala Lumpur kerana melantek sa-chara rasmi Yap Ah Loy menjadi Kapitan China.

Pada masa perlantekan itu, persengketaan akibat dari berebut<sup>2</sup>an kawasan perlombongan sedang menjadi<sup>2</sup> di-antara kongsi gelap "Ghi Hin" dan "Hai San" di-Kuala Lumpur. Perlantekan itu memberi keseinpatan kapada Yap Ah Loy untuk membinasakan musoh-nya kongsi gelap "Ghi Hin". Yap Ah Loy benar<sup>2</sup> memerlukan sa-orang sahabat dari orang besar yang berkuasa di-Klang.

Raja Mahadi pula memerlukan juga sa-orang sahabat yang boleh di-harapkan untuk mempertegoh kedudukan-nya sa-bagai orang besar daerah. Tetapi sa-belum kekuasaannya dapat di-pertegap, perjuangan merebutkan Klang telah berlaku dua bulan kemudian, ia-itu dalam bulan August 1869.

Perlu di-sebutkan bahawa sejak Tengku Kudin mengunjungi Singapura dan Melaka, saudagar<sup>2</sup> yang dulu menyokong Raja Abdullah dan anak buah-nya sa-chara mu'tamad telah menghentikan segala bantuan mereka ka-

pada bekas orang besar Klang itu. Raja Abdullah dan anak<sup>2</sup>, nya sangat sulit untok meminjam wang untok membeli be-kalan atau senjata<sup>2</sup> dari saudagar<sup>2</sup> Negeri<sup>2</sup> Selat. Sa-balek-nya mereka di-suroh menyokong Tengku Kudin untok me-negakkan kekuasaan-nya di-Selangor sa-bagai wakil Yam Tuan.

Anak<sup>2</sup> raja Selangor itu yang dari mula telah men-churigai Tengku Kudin memandang menantu Sultan itu sa-bagai musoh. Anak<sup>2</sup> Raja Abdullah sa-makin gelisah kerana Tengku Kudin telah memotong jalan mereka men-dapat bantuan dari saudagar<sup>2</sup> Negeri<sup>2</sup> Selat. Dalam keadaan ini-lah Raja Ismail, salah sa-orang anak Raja Abdullah me-nyerang Klang dalam bulan August 1869 bersama<sup>2</sup> dengan satu pasukan pahlawan<sup>2</sup> Bugis.

Kebetulan pula dalam masa penyerangan itu, orang<sup>2</sup> Sumatera di-perdalaman kawasan Kuala Lumpur telah memberontak menentang kekuasaan Raja Mahadi kerana ia mengikuti kesalahan Raja Abdullah dan bersikap tidak adil serta menganiaya mereka. Pemberontakan ini telah me-lemahkan kuasa Raja Mahadi. Kcmudian dalam bulan October 1869, Tengku Kudin tiba sa-mula di-Selangor membawa satu angkatan askar<sup>2</sup> Kedah sa-ramai 500 orang. Separoh dari angkatan itu di-hantar ka-Kuala Langar untok menegakkan kekuasaan Tengku Kudin selaku orang besar daerah di-situ, dan sa-bahagian lagi di-gerakkan ka-Klang guna menegakkan kekuasaan-nya sa-laku Wakil Yam Tuan.

Sa-waktu tiba di-Klang, Tengku Kudin mendapati ke-dudukan Raja Mahadi terlalu lemah terkepong oleh pasukan Raja Ismail. Tengku Kudin dengan bijaksana bersekutuan dengan pasukan Raja Ismail untok membinasakan Raja Mahadi.

Sa-telah Tengku Kudin berundor ka-Kedah (1868), persengketaan di-antara Raja Mahadi dengan anak buah Raja Abdullah sa-makin menjadi<sup>2</sup>. Apabila kedua pihak tiada juga mahu mengadakan penyelesaian, dan telah bersiap<sup>2</sup> sa-chara berterang<sup>2</sup> hendak beradu kekuatan maka Sultan Abdul Samad serta anak buah-nya pun pindah bersemayam dari Klang ka-Jugra, di-daerah Kuala Langat.

Walau pun bahaya perang Seianganor sedang menyelubungi Negeri Selangor, dan musoh<sup>2</sup>-nya sedang bersiap, Raja Mahadi terus menerus menguasai seluroh daerah Klang, dan seluroh kawasan Kuala Lumpur, Jinjang, Petaling, dan Ampang. Dalam bulan June 1869, Raja Mahadi telah berangkat ka-Kuala Lumpur kerana melantek sa-chara rasmi Yap Ah Loy menjadi Kapitan China.

Pada masa perlantekan itu, persengketaan akibat dari berebut<sup>2</sup>an kawasan perlombongan sedang menjadi<sup>2</sup> di-antara kongsi gelap "Ghi Hin" dan "Hai San" di-Kuala Lumpur. Perlantekan itu memberi kesempatan kapada Yap Ah Loy untuk niembinasakan musoh-nya kongsi gelap "Ghi Hin". Yap Ah Loy benar<sup>2</sup> memerlukan sa-orang sahabat dari orang besar yang berkuasa di-Klang.

Raja Mahadi pula memerlukan juga sa-orang sahabat yang boleh di-harapkan untuk mempertegoh kedudukan-nya sa-bagai orang besar daerah. Tetapi sa-belum kekuasaannya dapat di-pertegap, perjuangan merebutkan Klang telah berlaku dua bulan kemudian, ia-itu dalam bulan August 1869.

Perlu di-sebutkan bahawa sejak Tengku Kudin mengunjungi Singapura dan Melaka, saudagar<sup>2</sup> yang dulu menyokong Raja Abdullah dan anak buah-nya sa-chara mu'tamad telah menghentikan segala bantuan mereka ka-

pada bekas orang besar Klang itu. Raja Abdullah dan anak<sup>2</sup>nya sangat sulit untok meminjam wang untok membeli bekalan atau senjata<sup>2</sup> dari saudagar<sup>2</sup> Negeri<sup>2</sup> Selat. Sa-baleknya mereka di-suroh menyokong Tengku Kudin untok menegakkan kekuasaan-nya di-Selangor sa-bagai wakil Yam Tuan.

Anak<sup>2</sup> raja Selangor itu yang dari mula telah menchurigai Tengku Kudin memandang menantu Sultan itu sa-bagai inusoh. Anak<sup>2</sup> Raja Abdullah sa-makin gelisah kerana Tengku Kudin telah memotong jalan mereka mendapat bantuan dari saudagar<sup>2</sup> Negeri<sup>2</sup> Selat. Dalam keadaan ini-lah Raja Ismail, salah sa-orang anak Raja Abdullah menyerang Klang dalam bulan August 1869 bersama<sup>2</sup> dengan satu pasukan pahlawan<sup>2</sup> Bugis.

Kebetulan pula dalam masa penyerangan itu, orang<sup>2</sup> Sumatera di-perdalaman kawasan Kuala Lumpur telah memberontak menentang kekuasaan Raja Mahadi kerana ia mengikuti kesalahan Raja Abdullah dan bersikap tidak adil serta menganiaya mereka. Pemberontakan ini telah melemahkan kuasa Raja Mahadi. Kcmudian dalam bulan October 1869, Tengku Kudin tiba sa-mula di-Selangor membawa satu angkatan askar<sup>2</sup> Kedah sa-ramai 500 orang. Separoh dari angkatan itu di-hantar ka-Kuala Langar untok menegakkan kekuasaan Tengku Kudin selaku orang besar daerah di-situ, dan sa-bahagian lagi di-gerakkan ka-Klang guna menegakkan kekuasaan-nya sa-laku Wakil Yam Tuan.

Sa-waktu tiba di-Klang, Tengku Kudin mendapati kedudukan Raja Mahadi terlalu lemah terkepong oleh pasukan Raja Ismail. Tengku Kudin dengan bijaksana bersekutuan dengan pasukan Raja Ismail untok membinasakan Raja Mahadi.

Dalam pada itu, pelombongan<sup>2</sup> China di-daerah Kuala Lumpur telah di-kerah supaya jangan membawa bijeh kluar melalui Sungai Klang. Bijeh<sup>2</sup> dari kawasan perlombongan itu kemudian di-bawa melalui lembah Langat. Pengalehan jalan keluar timah itu telah menyebabkan kan-tong Raja Mahadi di-Klang merosot sa-hingga harga barang<sup>2</sup> makanan melambong naik. Harga beras saja sudah naik sa-ringgit sa-chupak pada masa itu.

Serang menyerang berlaku sa-lama kira<sup>2</sup> enam bulan. Kedudukan Raja Mahadi sa-makin lemah, dan bersama<sup>2</sup> pengikut<sup>2</sup>-nya, ia meninggalkan Klang untuk menyusun barisan. Dengan kedatangan Tengku Kudin, Raja Ismail mendapati kedudukan-nya bertambah lemah dan terpaksa menyerahkan Klang kepada Tengku Kudin. Raja Ismail dan pengikut<sup>2</sup>-nya kemudian pergi ka-Pahang membuka lombong.

Sa-telah Tengku Kudin berkuasa di-Klang, maka Yap Ah Loy, Kapitan China Kuala Lumpur menukar taat setia-nya dari Raja Mahadi kepada Tengku Kudin demi kepen-tingan perdagangan dan lombong<sup>2</sup>-nya.

Raja Mahadi yang telah terusir dari Klang menerima sokongan pula dari taukey Chong Chong, pemimpin<sup>2</sup> kongsi gelap "Ghi Hin" yang mendendam kongsi gelap "Hai San" yang di-pimpin oleh Yap Ah Loy kerana ahli<sup>2</sup> kongsi gelap "Ghi Hin" telah di-usir dengan kejam-nya dari kawasan perlombongan Kuala Lumpur, dan di-seluroh kawasan ke-liling-nya kechuali di-Kanching.


Sejak dari itu perang saudara Selangor pun bergelora bertahun<sup>2</sup> lama-nya sa-hingga Inggeris champor tangan dalam tahun 1874 di-sabelah pehak Tengku Kudin sa-hingga membelenggu negeri Selangor khusus-nya, dan lain<sup>2</sup> negeri<sup>2</sup> Melayu umum-nya.

Sa-benar-nya dari bukti<sup>2</sup> yang terdapat, Raja Mahadi tidak-lah alah dalam perang saudara itu. Hanyasa-nya ia tiada dapat lagi bantuan<sup>2</sup> wang dari saudagar<sup>2</sup> Singapura sejak akhir tahun 1873, kerana pihak berkuasa Inggeris melarang saudagar<sup>2</sup> dalam jajahan-nya menolong pihak<sup>2</sup> yang menentang Tengku Kudin demi kepentingan penjajahan.

Andai-nya Inggeris tiada champor tangan demi kepentingan politik penjajahan-nya, Raja Mahadi serta pengikut<sup>2</sup>-nya tetap akan terus menerus berperang. Lambat laun peperangan itu, seperti lain<sup>2</sup> peperangan tentu-lah akan selesai juga. Champor tangan Inggeris dalam perang saudara ini akan kita kaji selanjut-nya.

## PERANG SAUDARA SELANGOR

#### 4. Pehak<sup>2</sup> yang bertelagah



## 5. CHATATAN PERANG

1866

Perang saudara Meletus. Menjelang perang orang besar Klang ia-lah Raja Abdullah. Ia telah diangkat oleh Sultan Mohamad menjadi orang besar menggantikan Raja Sulaiman yang telah meninggal dunia. Perlantekan-nya ia-lah dengan kebijaksanaan Raja Jumat orang besar Lukut dengan membela kangkan Raja Mahadi, anak Raja Sulaiman yang berhak menurut 'adat untok mewarisi jawatan itu. Bibit perangan timbul dari perebutan jawatan orang besar ini.

Dalam tahun ini juga, Raja Abdullah melantek dua orang saudagar Singapura W.H. Read, dan Baba Tan Kim Cheng menjadi pemungut chukai rasmi di-daerah Klang, dan di-seluroh kawasan yang di-bawah kekuasaan Raja Abdullah ia-itu Kuala Lumpur, Fetaling, Kanching, dan Ampang. Menurut adat anak<sup>2</sup> raja di-bebaskan dari membayar chukai. 'Adat kebiasaan ini di-hapuskan.

Orang<sup>2</sup> Sumatera yang berkampong di-ulu<sup>2</sup> Sungai Klang gelisah kerana angkara juak orang<sup>2</sup> besar Raja Abdullah sejak beberapa lama. Kemarahan mereka memuncak sa-telah sa-orang anak buah Dato' Dagang di-bunoh dengan kejam-nya oleh juak orang<sup>2</sup> besar di-pejabat kastam di-Kuala Lumpur. Orang<sup>2</sup> Sumatera mengangkat senjata.

Raja Mahadi membawa barang<sup>2</sup> dagangan untuk di-jual kapada pelombong<sup>2</sup> China di-kawasan Kuala Lumpur. Ia berpegang kepada 'adat kebiasaan, dan enggan membayar chukai. Barang<sup>2</sup> dagangan-nya di-rampas. Raja Mahadi bersama<sup>2</sup> dengan pengikut<sup>2</sup>-nya menyusun barisan pemberontakan.

Dengan bantuan orang<sup>2</sup> Sumatera, Raja Mahadi menyerang kubu Raja Abdullah di-Klang. Per temporan<sup>2</sup> sengit terjadi. Dengan mudah, Raja Mahadi mengusir Raja Abdullah dari Klang, dan dengan sendiri menjadi orang besar daerah itu dan menguasai seluruh kawasan kekuasaan Raja Abdullah.

1867. Sultan Abdul Samad terpaksa mengakui kekuasaan Raja Mahadi di-Klang dengan sharat orang besar itu membayar \$500/- sa-tiap bulan kepada istana baginda, ia-itu hasil chukai yang di-pungut dari daerah kekuasaan Klang. Raja Mahadi kerana mabok dengan kemenangan tiada memunaikan kernahan Sultan Abdul Samad.

Kaum kerabat, dan anak<sup>2</sup> Raja Abdullah mendesak Sultan supaya memecahkan Raja Mahadi dari jawatan orang besar. Sultan tiada terdaya berlaku sa-suatu kerana tiada alat<sup>2</sup> kenegaraan yang boleh di-gunakan melaksanakan titah baginda. Semua alat<sup>2</sup> kekuasaan negara terletak dalam tangan orang<sup>2</sup> besar. Persengketaan berebut<sup>2</sup>kan jawatan orang besar Klang di-antara anak<sup>2</sup> Raja Abdullah dengan Raja Mahadi menjadi<sup>2</sup>.

Tengku Dza'uddin, putera Sultan Kedah, terkenan dengan gelaran Tengku Kudin, kahwin dengan salah sa-orang puteri Sultan Abdul Samad. Perkahwin berlangsung dalam bulan June.

Tengku Kudin yang selalu berulang alek ka-Pulau Pinang, dan tertarek dengan kemajuan<sup>2</sup> pertadbiran di-situ meminta Sultan Selangor agar memberi ia tanggong jawab untuk bersama<sup>2</sup> mentadbirkan negeri Selangor.

Oleh kerana semua tanggong jawab kenegaraan sudah terserah ka-tangan orang<sup>2</sup> besar daerah, baginda Sultan melantek Tengku Kudin menjadi orang besar daerah Kuala Langat. Sabelum Tengku Kudin pergi ka-Kuala Langat, baginda telah melantek-nya menjadi Wakil Yam Tuan untuk menyelesaikan perselisihan di-antara anak<sup>2</sup> Raja Abdullah dengan Raja Mahadi. Baginda berharap dengan kebijaksanaan menantu-nya, dapat-lah di-chabut sadikit demi sadikit, kuasa<sup>2</sup> yang sekarang terletak bulat<sup>2</sup> dalam tangan orang<sup>2</sup> besar daerah. Ranchangan baginda gagal. Anak<sup>2</sup> raja Selangor tidak mengendahkan perlantekan Wakil Yam Tuan itu kerana mereka menchurigai orang<sup>2</sup> dagang chimportangan.

Sa-telah gagal di-Klang, Tengku Kudin pergi ka-Kuala Langat. Di-Kuala Langat hampir<sup>2</sup> terjadi pemberontakan kerana orang<sup>2</sup> di-daerah itu enggan mengakui kekuasaan-nya. Tengku Kudin berundor buat sementara dari Selangor kerana menziarah ibu-nya yang telah mangkat di-Kedah. Tetapi sa-belum pergi ka-

Kedah, ia telah singgah dulu ka-Singapura, dan Melaka kerana menemui sahabat<sup>2</sup>-nya untuk mendapatkan bantuan<sup>2</sup> guna menegakkan kekuasaan-nya di-Selangor sa-laku Wakil Yam Tuan, dan Orang Besar Daerah Kuala Langat.

Sultan Abdul Samad meninggalkan Klang lalu bersemayam pula di-Jugra sa-telah nyata anak<sup>2</sup> raja di-Klang sedang bersiap<sup>2</sup> hendak beramok untuk menyelesaikan persengketaan.

June  
1869

Raja Mahadi melawat Kuala Lumpur, dan me-lantek Yap Ah Loy menjadi Kapitan China. Yap Ah Loy, saudagar yang baru naik di-Kuala Lumpur mempergunakan perlantekan itu untuk memperkuat kedudukan-nya, dan mengusir semua musoh<sup>2</sup>-nya dari puak "Ghi Hin" dari kawasan perlombongan Kuala Lumpur. Ahli<sup>2</sup> puak "Ghi Hin" lari berkubu di-Kanching. Yap Ah Loy memimpin kongsi gelap "Hai san". Bunoh membunoh di-antara Kedua<sup>2</sup> golongan kongsi gelap itu terjadi sa-tiap<sup>2</sup> hari dalam kawasan perlombongan.

August  
1869

Raja Ismail, salah sa-orang anak Raja Abdullah menyerang Klang. Raja Mahadi terkepong. Orang<sup>2</sup> Sumatera yang bermastautin di-ulu<sup>2</sup> Sungai Klang turut memberontak kerana Raja Mahadi yang mereka tolong tidak sampai tiga tahun yang lalu tidak berlaku adil kapada mereka. Serang menyerang berlaku dengan haibat-nya sa-lama kira<sup>2</sup> dua bulan. Keduduk-an Raja Mahadi sa-makin bertambah lemah.

- Oktober**  
**1869** Tengku Kudin tiba di-Selangor membawa 500 orang askar dari Kedah. Separoh dari askar itu di-hantar ka-daerah Kuala Langat, dan sa-bahagian lagi di-gerakkan ka-Klang. Tengku Kudin juga membawa ka-Klang sa-orang tentera upahan Eropah, sa-orang pakar meriam bernama de Fontaine. Pasukan Tengku Kudin bersekutu dengan pasukan Raja Ismail menggempur Raja Mahadi. Serang menyerang berlaku dengan haibat-nya sa-lama kira<sup>2</sup> lima bulan.
- Pelombong<sup>2</sup> China di-sekitar kawasan Kuala Lumpur yang di-pimpin oleh Kapitan Yap Ah Loy di-paksa supaya membawa keluar bijeh<sup>2</sup> melalui Lembah Langat. Tengku Kudin dan pasukan-nya menyekat perjalanan melalui Sungai Klang.
- November & Pasukan Tengku bersama<sup>2</sup> dengan pasukan Raja Ismail terus menerus mengepong Tengku Mahadi di-Klang. Penutupan Sungai Klang telah menimbulkan kesusahan<sup>2</sup> kapada pelombong<sup>2</sup> China di-Kuala Lumpur. Raja Mahadi juga mengalami kesusahan<sup>2</sup> yang amat terok sa-kali kerana tidak dapat lagi memungut chikai yang di-perlukan guna belanja peperangan. Klang mengalami kekurangan barang<sup>2</sup> makanan. Harga beras dan lain<sup>2</sup> barang melambong naik. Sa-chupak beras masa itu berharga saranggit.**
- March**  
**1870** Raja Mahadi tidak dapat bertahan lagi di-Klang. Kedudukan musoh<sup>2</sup>-nya bertambah kuat. Ja

April  
1870

bersama<sup>2</sup> pengikut<sup>2</sup>-nya undor ka-Sungai Buloh melalui pantai. Tengku Kudin menguasai seluroh daerah Klang. Raja Ismail mendapati kedudukan-nya bertambah lemah terpaksa pula menyerahkan jawatan yang di-rebut-nya dari Raja Mahadi kapada Tengku Kudin. Raja Ismail kemudian pergi membuka lombong ka-negeri Pahang.

Raja Mahadi menyusun pasukan-nya di-Sungai Buloh, Kuala Kubu, dan Kuala Selangor.

Pegawai<sup>2</sup> kerajaan Negeri<sup>2</sup> Selat yang menunggu<sup>2</sup> kesempatan memulakan penjajahan di-Tanah Melayu menggalakkan saudagar<sup>2</sup> membantu pihak<sup>2</sup> yang sedang berperang di-Selangor.

Tengku Kudin melalui penyokong<sup>2</sup>-nya di-Singapura terutama sa-kali J.G. Davidson telah menulis surat kepada gabnor Negeri<sup>2</sup> Selat, Sir Harry Ord meminta pihak berkuasa Inggeris memberi sokongan sa-chara langsong kapada-nya. Gabnor Ord hanya sanggup memberi sokongan kapada pihak yang telah terbukti berkuasa di-seluroh negeri, dan bersedia menerima nasihat Inggeris mentadbirkan negeri.

Kapitan Yap Ah Loy mengubah taat setia-nya dan bekerjasama dengan Tengku Kudin untuk menentang Raja Mahadi. Kapitan China ini memerlukan sa-orang sahabat yang menguasai jalan Sungai Klang demi kepentingan membawa keluar bijeh<sup>2</sup> dari lombong<sup>2</sup>-nya di-Kuala Lumpur. Tengku Kudin memberi kuasa penoh

kepala Yap Ah Loy untuk menguasai seluruh kawasan perlombongan di-sekitar kawasan Kuala Lumpur, dan Kapitan China itu menyerahkan semua pelombongan<sup>2</sup> China yang dibawahi kuasa-nya ia-itu ahli<sup>2</sup> kongsi gelap "Hai San" untuk menentang angkatan Raja Mahadi.

- May - June 1870 Kapitan Yap Ah Loy bertindak mengusir semua ahli<sup>2</sup> kongsi gelap "Ghi Hin" yang membuka lombongan<sup>2</sup> di-sekitar kawasan Kuala Lumpur. Bunoh membunoh terjadi di-lombongan<sup>2</sup>. Pelombongan<sup>2</sup> yang di-shaki menjadi ahli kumpulan "Ghi Hin" telah di-bunoh dengan tidak banyak bichara. Kepala pelombongan<sup>2</sup> itu di-serahkan kepada Kapitan Yap Ah Loy, dan orang yang membawa-nya di-beri hadiah \$100/. Pelombongan<sup>2</sup> puak "Ghi Hin" lari berlindong ka-Kanching, sa-buah kawasan perlombongan yang di-kuasai oleh musoh Yap Ah Loy.
- July 1870 Kapitan Yap Ah Loy menyerang dan membina-sakan pelombongan<sup>2</sup> puak "Ghi Hin" di-Kan-ching. Panglima "Ghi Hin", bernama Chong Chong, bersama<sup>2</sup> dengan pengikut<sup>2</sup>-nya yang selamat lari ka-Kuala Langat.
- Panglima Mashor, orang kuat Raja Mahadi se-dang menyusun barisan di-Kuala Langat. De-nungan persetujuan Raja Mahadi pasokan pang-lima Mashor dan Panglima Chong Chong di-satukan untuk membina-sakan Kapitan Yap Ah Loi yang telah bersahabat baik dengan Tengku Kudin.
- August 1870 Angkatan Raja Mahadi bergerak dari Sungai Buloh Jalu menguasai Kuala Selangor. Raja

Muda Musa yang bersemayam di-situ seperti Sultan Abdul Samad yang bersemayam di Jugra bersikap berkechualи dalam perang saudara.

- September 1870      Angkatan bersatu Panglima Mashor — Chong Chong menyerang Ampang telah di-kalahkan oleh pasukan Yap Ah Loy sa-hingga terpaksa undor mula<sup>2</sup> ka-Kuala Langat, kemudian ka-Kuala Kubu.
- October 1870 hingga April 1871      Raja Mahadi menjadikan Kuala Selangor sebagai ibu negeri yang menguasai hampir semua kawasan perdalaman negeri Selangor. Serang menyerang sering berlaku di-antara kedua pihak, Kedudukan Kapitan Yap Ah Loy di-kawasan Kuala Lumpur mulai lemah. Tengku Kudin mengirim satu pasukan tentera upahan yang di-pimpin oleh sa-orang tentera upahan bangsa Belanda bernama Van Hagen guna menolong Yap Ah Loy.
- Kedudukan Raja Mahadi yang bertambah kuat di-Kuala Selangor, dan sikap Sultan Abdul Samad yang maseh berkechualи dalam perang saudara itu telah membingkan saudagar<sup>2</sup> Singapura yang menyokong Tengku Kudin. Melalui J.G. Davidson, peguam Singapura, Tengku Kudin telah mengutus surat kapada Gabenor Singapura, Sir Harry Ord meminta jasa baik beliau agar menasihatkan Sultan Pahang supaya menghantar askar<sup>2</sup> ka-Selangor. Tengku Kudin membuat perintintaan ini sa-laku WAKIL YAM TUAN SELANGOR. Jawatan Tengku Kudin sa-bagai

Wakil Yam Tuan masih lagi sahi, dan tidak di-batalkan oleh Sultan. Sa-bagai Wakil Yam Tuan Selangor Tengsu Kudin menyatakan kesanggupan-nya sa-telah perang selesai kelak, maka ia bersedia menerima pegawai<sup>2</sup> Inggeris sa-bagai penasihat mentadbirkan negeri.

Gabnor Ord mengakui Tengku Kudin sa-bagai wakil Yam Tuan Selangor yang berkuasa penuh bagi pehak Sultan di-seluruh negeri. Utusan Gabnor di-hantar ka-Pahang meminta baginda menghantar tentera menolong Tengku Kudin untuk memulehkan keamanan negeri bagi pehak Sultan Abdul Samad yang bersemayam di-Jugra, Kuala Langat.

May  
1871

Angkatan Bersatu Panglima Mashor-Chong Chong menyerang Kuala Lumpur. Tetapi telah di-kalahkan dekat Rawang oleh Angkatan Yap Ah Loy — Van Hagen.

Yap Ah Loi bersama<sup>2</sup> Tengku Kudin ber-chadang menggunakan kekalahan angkatan Panglima Mashor-Chong Chong di-Rawang itu untuk membinasakan Raja Mahadi yang telah berkubu kuat di-Kuala Selangor. Dari Rawang, angkatan Yap Ah Loi-Tengku Kudin hanya berjaya mara *ta-hingga ka-Ulu Yam*. Perjuangan sengit berlaku kira<sup>2</sup> sa-bulan lama-nya. Angkatan ini menerima kekalahan terok di-Kuala Kubu di-tangan angkatan Panglima Mashor-Chong Chong.

4 July  
1871

Ketika Tengku Kudin-Yap Ah Loy sedang mengalami kebinasaan dekat Kuala Kubu, sa-

buah kapalperang Inggeris, "Rinaldo" telah mengempor Kuala Selangor dengan alasan hendak memburu sa-kumpulan lanun<sup>2</sup> China yang menggunakan Kuala Selangor sa-bagai pangkalan-nya. Satu pasukan askar<sup>2</sup> Inggeris telah mendarat dan di-tentang haibat oleh hulubalang<sup>2</sup> Raja Mahadi. Bedilan<sup>2</sup> kapalperang "Rinaldo" telah membinasakan kubu Raja Mahadi, dan ia bersama<sup>2</sup> hulubalang<sup>2</sup>-nya terpaksa berundur.

Tengku Kudin kemudian membenarkan Kuala Selangor di-gunakan oleh Inggeris sa-bagai pangkalan askar<sup>2</sup>-nya. Pasukan Inggeris di-situ di-ketuai oleh sa-orang pegawai Inggeris bernama Pennefather.

Akhir July Sa-telah kapalperang "Rinaldo" membedil Kuala Selangor dan tentera<sup>2</sup> Inggeris berjaya menduduki tempat itu, maka gabnor Negeri<sup>2</sup> Selat telah mengutus J.W.W. Birch, setiausaha jajahan Negeri<sup>2</sup> Selat membawa satu pasukan tentera untok mempengarohi Sultan Abdul Samad di-Jugra supaya menerima naungan Inggeris.

Sultan Abdul Samad enggan. Baginda juga enggan memberi kuasa penoh kapada Tengku Kudin mentadbirkan negeri dengan bantuan pegawai<sup>2</sup> Inggeris. Birch mengugut baginda bahawa Inggeris akan terus berhubong dengan Tengku Kudin kerana dia-lah yang kelihatan lebih berkuasa dari baginda.

Menimbang bahawa kedudukan baginda sendiri sangat lemah, maka akhirnya Sultan Abdul

Samad bersetuju mengangkat sa-buah majlis di-Raja yang akan mentadbirkan seluruh negeri. Majlis di-Raja itu menurut chadangan baginda di-anggotai oleh Tengku Kudin, Raja Bot, orang besar Luakut, dan Raja Yahya, saudara baginda.

April  
1872

Kapitan Yap Ah Loy menerima kekalahan terok dalam perchubaan-nya hendak menawan Kuala Kubu. Ia dan pasukan-nya di-buru oleh angkatan Raja Mahadi — Mashei sa-hingga ka-Rawang. Di-Rawang pasukan Yap Ah Loy di-gempur dengan tidak henti<sup>2</sup>.

Sementara itu Raja Mahadi dan Panglima Mashor menyusun barisan dan mengumpulkan askar<sup>2</sup> di-Ulu Klang, dan Ulu Langat. Tidak lama kemudian angkatan Raja Mahadi — Panglima Mashor menyerang Kuala Lumpur dari tiga penjuru, Utara, Timor dan Selatan.

Dalam masa perjuangan berebutkan Kuala Lumpur sedang berlaku dengan sengit, askar<sup>2</sup> Pahang yang di-hantar membantu Tengku Kudin melawan pemberontak<sup>2</sup> atas nama Sultan Abdul Samad tiba di-Ulu Klang, dan Kepong. Ketibaan askar<sup>2</sup> ini tidak di-ketahui oleh penglima<sup>2</sup> Tengku Kudin yang mempertahankan Kuala Lumpur.

Askar<sup>2</sup> upahan Tengku Kudin telah di-kalahkan oleh angkatan Raja Mahadi-Panglima Mashor, dan berundor ka-Klang melalui lembah Klang. Penglima askar<sup>2</sup> upahan itu, Van Hagen bersama<sup>2</sup> dengan askar<sup>2</sup>-nya dan ahli<sup>2</sup> kongsi gelap

"Hai San" telah terperangkap di-Petaling, dan semua-nya di-bunoh.

Yap Ah Loy bersama<sup>2</sup> pengawal<sup>2</sup> peribadi-nya lari ka-Klang melalui hutan rimba.

**August 1872** Kuala Lumpur jatoh ka-tangan Raja Mahadi. Tidak berapa lama kemudian Raja Mahadi menawan sa-mula Kuala Selangor dari Inggeris. Sa-paroh dari askar<sup>2</sup> yang mempertahankan kubu di-situ telah mati di-bunoh.

**November 1872** Satu pasukan Tengku Kudin-Yap Ah Loy menyerang dan menawan Petaling. Sa-telah menguasai Petaling, Tengku Kudin membawa lagi askar<sup>2</sup>-nya yang terdiri dari ahli<sup>2</sup> Kongsi Gelap "Hai San" dan askar<sup>2</sup> upahan yang telah di-kumpulkan di-Klang untuk menyerang Kuala Lumpur.

Serangan ka-atas Kuala Lumpur di-bantu oleh dua pasukan yang datang dari Pahang. Panglima Mashor telah mempertahankan Kuala Lumpur dengan segala daya upaya-nya, tetapi akhir-nya ia dan pengikut<sup>2</sup>-nya terpaksa undor hingga ka-ulu Selangor.

**August 1873 hingga November 1873** Kerana kekurangan bantuan dalam serba serbi Panglima Mashor telah di-usir dari kawasan Ulu Selangor, dan bersekutu dengan Raja Mahadi di-Kuala Selangor.

Pada 4 November gabenor baru Negeri<sup>2</sup> Selat, Sir Andrew Clarke tiba di-Singapura membawa direkutive Lord Kimberley, setiausaha pejabat

tanah<sup>2</sup> jajahan British untuk memulakan penjajahan Inggeris di-Malaya.

Direktive itu bertarikh 20 September 1873, yang ditandatangani oleh Lord Kimberley, setiausaha pejabat tanah<sup>2</sup> jajahan Inggeris, di London berbunyi: "Saya terpaksa meminta tuan supaya dengan bijakasana menentukan sendiri, sa-berapa yang boleh, keadaan yang sa-benar<sup>2</sup>-nya berlaku dalam sa-tiap negeri<sup>2</sup> Melayu, dan tuan hendak-lah memberi laporan kapada saya ada-kah pada fikiran tuan, apa<sup>2</sup> langkah yang boleh di-ambil untuk memulihkan keamanan, dan keselamatan umum, dan untuk melindungi perdagangan. Saya berharap tuan menimbangkan ada-kah molek di-lantek sa-orang Pegawai British tinggal dalam salah sa-buah negeri<sup>2</sup> Melayu itu".

Berpandu pada direktive itu, dan berpegang kapada akuan yang di-beri oleh bekas Gabenor Sir Harry Ord kapada Tengku Kudin, maka Sir Andrew Clarke telah memerentahkan kapada saudagar<sup>2</sup> di-negara<sup>2</sup> Selat supaya jangan membantu Raja Mahadi dalam perang saudara Selangor.

Kesan dari perentah ini, maka saudagar<sup>2</sup> China di-Negeri<sup>2</sup> Selat yang sa-lama ini memberi bantuan kapada Raja Mahadi dengan serta merta menghentikan pertolongan kerana bimbangkan bencana yang buruk dari pihak Inggeris kapada perdagangan mereka jika perentah itu tidak di-turut.

Dengan terhenti-nya bantuan<sup>2</sup> itu, di-saat Raja Mahadi sedang terdesak oleh serang balas Tengku Kudin, maka sa-makin sukar-lah bagi-nya untok meneruskan perjuangan. Bekalan<sup>2</sup> dari Negeri<sup>2</sup> Selat sa-unpama makanan dan senjata<sup>2</sup> sekarang terpaksa di-bayar dengan wang tunai.

- December 1873 Dengan desakan Gabnor Andrew Clarke, maka satu lagi askar<sup>2</sup> Pahang telah di-bawa ka-Selangor melalui jalan laut untok membantu wakil Yam Tuan Selangor, Tengku Kudin menghapuskan pemberontak<sup>2</sup> dari Kuala Selangor. Kerana keadaan mereka terlalu terdesak terutama sa-kali bekalan<sup>2</sup> yang di-harapkan datang dari Melaka tidak sampai, maka Raja Mahadi telah di-kalahkan, dan berundor ka-Kuala Langkat, dan kemudian ka-Lukut. Panglima Mashor berundor ka-Perak. Menjelang tahun 1874, seluroh Kuala Selangor telah jatoh ka-tangan Tengku Kudin.
- January 1874 Inggeris mula memainkan peranan yang cergas untok menaklok negeri<sup>2</sup> Melayu.  
Sumbar kewangan Raja Mahadi dari saudagar<sup>2</sup> Negeri<sup>2</sup> Selat telah tertutup sama sa-kali. Sebalik-nya saudagar<sup>2</sup> yang menyokong Tengku Kudin dalam perang saudara sa-makin giat membantu memperkuat kedudukan Tengku Kudin di-Selangor. Kegiatan ini di-izinkan oleh pehak berkuasa Inggeris.  
Raja Mahadi bersama<sup>2</sup> dengan pengikut<sup>2</sup>-nya berkumpul di-Lukut, dan menjadikan kawasan

ini sebagai pangkalan mereka untuk menghadapi Tengku Kudin, dan penjajahan Inggeris.

Kedudukan Sultan Abdul Samad di-Jugra semakin bertambah lemah. Tengku Kudin semakin berpengaroh. Raja Mahadi sering kali mendampingi baginda meminta pertolongan baginda mengusir menantu-nya, dan untuk mempertahankan tahta kerajaan sa-kira-nya Inggeris masok menjajah. Sultan Abdul Samad walaupun sekarang hidup dalam kebingungan maseh terus bersikap berkechual. Tidak ada jalan lain yang lebih bijaksana dari sikap ini yang boleh dipakai oleh baginda ketika itu.

February 1873 Gabnor Singapura, Sir Andrew Clarke membawa satu angkatan kapalperang<sup>2</sup> Inggeris mengepung Kuala Sungai Jugra. Kapalperang<sup>2</sup> itu telah membedil pantai bertalu<sup>2</sup> sa-bagai menunjukkan kekuatan. Wakil<sup>2</sup> Gabnor mendarat di-iringi oleh tentera<sup>2</sup> Inggeris yang lengkap dengan senjata.

Sa-jurus sa-telah Gabnor mendarat, Tengku Kudin tiba di-Jugra bersama<sup>2</sup> dengan J. G. Davidson, (peguam dan saudagar Singapura, orang yang menolong Tengku Kudin dalam perang saudara), dari Klang.

Kedatangan arinada Inggeris itu bertujuan memaksa Sultan Abdul Samad menerima nauangan Inggeris. Baginda gempar kerana sa-kira-nya tersalah langkah. Inggeris tetap menurunkan baginda dari takhta kerajaan-nya, dan mengangkat anak Raja yang lain menjadi Sultan

Selangor. Sultan Abdul Samad terpaksa tun-dok, dan dari saat ini negeri Selangor sa-chara rasmi di-naungi oleh Inggeris.

Sultan Abdul Samad terpaksa setuju meneruskan perlantekan Tengku Kudin sa-bagai Wakil Yam Tuan mentadbirkan seluroh negeri Selangor bersama<sup>2</sup> dengan sa-orang British Resident yang bertempat di-Klang. Dan Ba-ginda bersemayam terus di-Jugra, dengan me-nerima wang persaraan sa-tiap bulan.

Sa-telah di-plomasi kapalperang ini menchapai maksud-nya, maka armada Inggeris itu pun balek ka-Singapura. Dan Tengku Kudin pun mempertegohkan kekuasaan-nya di-seluroh ne-geri dengan sokongan Inggeris.

March  
1874

Perang saudara selesai, Pengaroh Raja Mahadi mulai malap. Walau pun bagitu perasaan den-dam mendendam di-kalangan anak<sup>2</sup> raja Selangor maseh ada terhadap Tengku Kudin. Anak buah Sultan sendiri tidak berasa senang dengan tarap Sultan. Tetapi Sultan Abdul Samad dengan bijaksana telah berjaya mene-nangkan perasaan anak<sup>2</sup> buah-nya.

## 6. RAJA MAHADI

Raja Mahadi ia-lah anak saudara kapada Sultan Abdul Samad.

Mengikut sala-sila Sultan Abdul Samad dan Raja Mahadi ia-lah sa-bagai berikut:

Daeng Chelak  
(Yang di-Pertuan Muda Riau-Lingga)

Raja Lumun atau Raja Lumu  
(Sultan Salehuddin Shah I negeri Selangor)  
(1742 - 1780)

Sultan Ibrahim  
(1780 - 1826)

Sultan Mohamad  
(1226 - 1857)

Raja Abdullah

Raja Sulaiman

Sultan Abdul Samad  
(1857 - 1898)

Raja Mahdi.

Saperti yang telah kita ketahui, sa-telah tersingkir mewarisi jawatan bapa-nya, Raja Sulaiman, orang besar Klang yang meninggal dunia dalam tahun 1854, maka Raja Mahadi serta keluarga-nya, walau pun berasa tersinggong, terpaksa patoh kapada keputusan Sultan Mohamad yang berlaku terus sa-hingga ka-zaman

Sultan Abdul Samad. (Ganti Raja Sulaiman ia-lah Raja Abdullah, saudara kepada Raja Jumat, orang besar Lukut. Dalam masa perlantekan ini di-lakukan, Raja Jumat ia-lah orang yang paling berpengaroh sa-kali dalam negeri, tambahan pula Sultan telah banyak terhutang budi kapadanya).

Raja Mahadi kemudian menjadi sa-orang saudagar. Dalam lapangan perdagangan ini, ia telah berhubong dengan saudagar<sup>2</sup> di-Negeri<sup>2</sup> Selat, terutama sa-kali di-Melaka. Salah sa-orang daripada saudagar<sup>2</sup> itu ia-lah baba Teck Cheng, sa-orang tawkey lombong. Raja Mahadi juga sering kali pergi ka-Singapura kerana membeli barang<sup>2</sup> dagangan untuk di-jual di-Klang, atau menjualkan bijeh<sup>2</sup> yang dibeli-nya di-Klang kepada saudagar<sup>2</sup> Negeri<sup>2</sup> Selat.

Penghapusan hak istimewa anak<sup>2</sup> raja dari membayar chukai yang di-lakukan oleh Raja Abdullah dalam semua daerah kekuasaan-nya (1866) telah menyebabkan sengketa di-antara anak<sup>2</sup> raja sa-makin menyala<sup>2</sup>. Sa-gulongan anak<sup>2</sup> raja yang merasa diri mereka teraniaya, dan tidak menerima pembahagian chukai yang adil hanya menunggu muncul-nya sa-orang pemimpin yang akan inemulihkan apa yang di-katakan hak mereka itu

Di-tengah<sup>2</sup> gelora persengketaan itu, orang<sup>2</sup> Sumatera di-perdalaman Kuala Lumpur pula yang telah gelisah sejak beberapa lama kerana peaniayaan juak<sup>2</sup> Raja Abdullah telah mengangkat sénjata, dan memunggu<sup>2</sup> masa pula untuk membinaaskan kekuasaan orang besar itu.

Di-saat yang genting ini-lah Raja Mahadi tampil kahadapan sa-bagai pemimpin sa-telah barang<sup>2</sup> dagangan-nya di-rampas oleh pemungut<sup>2</sup> chukai Raja Abdullah di-Kuala Lumpur, sa-jurus sa-telah penghapusan hak istimewa anak<sup>2</sup>

raja itu dilakukan. Ranchangan Raja Mahadi hendak mengusir Raja Abdullah dari Klang mendapat sokongan kuat dari anak<sup>2</sup> raja, dan juga dari orang<sup>2</sup> Sumatera. Dalam masa beberapa hari saja telah terkumpul satu pasukan bersenjata yang besar jumlah-nya lalu menchetuskan perang saudara pada tahun itu juga (1866).

Klang dengan mudah jatoh ka-tangan Raja Mahadi. Raja Abdullah terpaksa meminta gencatan senjata, dan menyerahkan jawatan-nya kepada Raja Mahadi. Sultan Abdul Samad yang bersemayam di-Klang terpaksa pula mengakui Raja Mahadi sa-bagai orang besar yang menguasai semua daerah kekuasaan Klang, dengan sharat menyembahkan \$500 sa-tiap bulan ka-istana.

Raja Mahadi menguasai Klang sa-lama tiga tahun dari tahun 1867 hingga 1870. Kuasa-nya menjalar luas sa-hingga ka-kawasan<sup>2</sup> perlombongan yang kaya di-Kuala Lumpur, Petaling, Ampang, dan Kanching. Kawasan perlombongan tersebut bergantong kapada Sungai Klang untuk membawa keluar bijih<sup>2</sup>, dan terpaksa tundok kepada orang besar yang menguasai Klang.

Dalam pada itu, keluarga Raja Abdullah mendampingi Sultan Abdul Samad sambil mendesak baginda supaya menyingkirkan Raja Mahadi. Beberapa usaha baginda untuk mendamaikan sengketa di-antara kedua<sup>2</sup> puak anak raja itu telah gagal. Raja Mahadi tidak berapa mengendahkan sharat yang di-kenakan oleh Sultan. Oleh kerana kedudukan-nya teranchar oleh keluarga Raja Abdullah yang maseh menghendaki jawatan orang besar Klang itu, maka Raja Mahadi mengadakan persiapan<sup>2</sup> mempertahankan jawatan-nya.

Kuasa Raja Mahadi mulai benar<sup>2</sup> teranchar sejak pertengahan tahun 1868. Dalam bulan June tahun ini,

Tengku Dza'uddin (bergelar Tengku Kudin), putera Sultan Kedah telah kahwin dengan salah sa-orang putera Sultan Abdul Samad.

Tengku Kudin ia-lah sa-orang yang berpelajaran tinggi, dan berpengalaman luas di-zaman itu. Sa-masa di-Kedah, ia selalu berulang aleg ka-Pulau Pinang, dan tertarek dengan kemajuan serta peradaban barat. Telatah Tengku Kudin yang kebarat<sup>2</sup>an itu telah di-churigai oleh orang Kedah sendiri. Namun demikian dia ia-lah sa-orang yang cherdek dan berkebolehan. Tengku Kudin telah meminta Sultan Abdul Samad supaya memberi-nya tanggong jawab mentadbirkan negeri. Baginda tidak dapat memberi apa<sup>2</sup> tanggong jawab kerana pada masa itu semua kekuasaan negeri dalam tangan orang<sup>2</sup> besar daerah.

Kerana sentiasa di-desak oleh kaum kerabat Raja Abdullah, baginda melantek Tengku Kudin menjadi Wakil Yam Tuan, khusus untuk menyelesaikan persengketaan mengenai jawatan orang besar Klang, dan mendapatkan chukaa \$500 sa-bulan dari Raja Mahadi. Perlantekan itu yang dilakukan sa-jurus sa-telah Tengku Kudin bernikah dengan puteri baginda telah gagal. Anak<sup>2</sup> raja yang sedang bermusoh<sup>2</sup>an itu menchurigai champor tangan anak raja asing dalam urusan rumah tangga mereka. Sa-telah perlantekan itu gagal, dan anak<sup>2</sup> raja itu tiada juga mahu berdamai, tambahan pula kedua<sup>2</sup> pehak sedang bersiap<sup>2</sup> hendak beradu kekuatan, maka baginda pun meninggalkan Klang (1869) bersama<sup>2</sup> kaum kerabat-nya lalu bersemayam di-Jugra, Kuada Langat. Baginda tidak mempunyai balatentera yang boleh mendindingkan kedua<sup>2</sup> pehak dari bertempor.

Sultan Abdul kemudian melantek Tengku Kudin menjadi orang besar daerah Kuala Langat. Perlantekan ini

juga gagal. Orang<sup>2</sup> Kuala Langat hampir<sup>2</sup> memberontak. Mereka enggan mengakui Tengku Kudin sa-bagai orang besar daerah. Tengku Kudin balek ka-Kedah dengan alasan hendak menghadiri permakaman bonda-nya. Tetapi terlebih dulu ia pergi ka-Melaka kerana meminjam wang dari sa-orang saudagar China di-situ untuk menegakkan kekuasaannya sa-bagai wakil Yam Tuan, dan orang besar Kuala Langat.

Sa-telah Sultan Abdul Samad meninggalkan Klang, bunga api perang saudara telah menyala sa-mula. Persiapan perang sa-makin haibat di-lakukan oleh kedua pehak. Di-saat yang genting itu, Raja Mahadi pergi ka-Kuala Lumpur lalu melantek Yap Ah Loy, sa-orang saudagar yang sedang naik menjadi Kapitan China, menggantikan tawkey Liu Ngium Kong yang telah mati. Perlantekan ini di-lakukan dalam bulan June 1869. Tiga bulan kemudian, Raja Ismail sa-orang anak Raja Abdullah dengan bantuan pahlawan<sup>2</sup> Bugis telah melancharkan satu serangan kilat ka-atas kubu Raja Mahadi di-Klang. Raja Ismail bertindak sa-telah menerima risek<sup>2</sup> bahawa Tengku Kudin sedang mengumpulkan askar<sup>2</sup> di-Kedah untuk menawan Klang.

Jawatan orang besar Klang, satu jawatan menguasai hasil chukai bijeh dari semua lombong<sup>2</sup> di-lembah Klang sa-hingga ka-pingir Kuala Lumpur sekarang menjadi rebutan tiga pehak. Raja Ismail bertindak merebut jawatan itu sa-belum Tengku Kudin tiba. Serang menyerang berlaku tidak henti<sup>2</sup> sa-jama dua bulan. Raja Mahadi walau pun terkepong maseh kuat mempertahankan kedudokannya. Satu bulan kemudian (October 1869) Tengku Kudin tiba di-Selangor dengan membawa lima ratus orang askar Kedah. Pasukan itu di-pimpin oleh bekas pegawai<sup>2</sup> tentera Eropah. Separoh dari askar<sup>2</sup> Kedah itu di-hantar ka-Kuala

Langat, dan sa-bahagian lagi yang di-ketuai oleh sa-orang ahli meriam Eropah, de Fontaine menuju ka-Klang. Raja Ismail sa-telah mendapati kedudukan-nya tidak berapa kuat terpaksa bekerjasama dengan Tengku Kudin menyerang Raja Mahadi. Klang kemudian di-bedel dengan meriam, dan di-serang dengan haibat-nya. Dalam bulan March 1870 (sa-telah bertahan tujoh bulan), Raja Mahadi dan pengikut<sup>2</sup>-nya tidak berdaya lagi menentang serangan musoh. Ia bersama<sup>2</sup> beberapa orang pengikut<sup>2</sup>-nya kemudian terpaksa undor ka-Sungai Buloh melalui tepi pantai.

Sa-telah pertahanan Raja Mahadi di-hanchorkan, Raja Ismail mendapati kedudukan-nya sangat lemah, dan terpaksa menyerahkan jawatan orang besar Klang kapada Tengku Kudin, dan pergi ka-Pahang membuka lombong. Tengku Kudin sekarang memegang tiga jawatan di-negeri Selangor — Wakil Yam Tuan, orang besar Kuala Langat, dan orang besar Klang.

Sejak Klang dan seluroh daerah kekuasaan-nya jatoh ka-tangan Tengku Kudin, keadaan perang saudara itu telah bertukar chorak. Peperangan itu lebih merupakan pertentangan di-antara Raja Mahadi dengan Tengku Kudin, dari perang saudara. Pengikut<sup>2</sup> Raja Ismail yang telah kechewa kerana gagal-nya ketua mereka menjadi orang besar, ditambah dengan kechurigaan terhadap kuasa Tengku Kudin yang sedang bertambah<sup>2</sup>, banyak yang menyebelahi Raja Mahadi.

Sa-lama empat tahun sa-lepas Raja Mahadi menawan Klang (1870-1874) pertempuran maseh berlaku di-Selangor. Serang menyerang terjadi sa-tiap hari. Tidak ada pehak yang boleh di-katakan betul<sup>2</sup> menang. Raja Mahadi berkubu di-Kuala Selangor, dan Tengku Kudin menggunakan Klang sa-bagai pangkalan-nya.

Sa-lain daripada anak<sup>2</sup> Raja yang menchurigai kekuasaan Tengku Kudin, Raja Mahadi mempunyai pengikut<sup>2</sup> yang ramai jumlah-nya di-kalangan rakyat di-kawasan perdalaman negeri Selangor, dan juga di-kalangan orang<sup>2</sup> Sumatera yang telah terhimpit oleh angkara saudagar<sup>2</sup> China berikutan dari dasar Tengku Kudin yang memejamkan mata kapada segala penyekatan perdagangan yang di-lakukan oleh orang<sup>2</sup> China.

Di-antara orang<sup>2</sup> besar atau orang<sup>2</sup> yang berpengaroh yang meyebelahi Raja Mahadi ia-lah: Ja Asai (bergelar Raja Rawa) yang menjadi sa-bagai Panglima Perang pemerintahan Raja Mahadi di-kawasan Kuala Selangor hingga ka-Ulu Selngor dan Kuala Kubu. Syed Mashor (atau Sohor) yang menjadi Panglima Perang bagi daerah Ulu Klang, Kuala Lumpur sa-hingga ka-Klang. Panglima Mashor menyokong Raja Mahadi kerana Tengku Kudin bertanggong jawab membunuh sa-orang saudara-nya di-Klang. Sutan Berimun, To' Panglima Kutin, Imam Perang Berantai, Panglima Tunggang, dan lain<sup>2</sup>.

Tengku Kudin tidak mempunyai pengikut<sup>2</sup> di-Selangor, dan terpaksa membawa askar<sup>2</sup> dari Kedah. Sa-telah askar<sup>2</sup> Kedah di-undorkan, ia terpaksa membentuk pula tentera upahan yang di-anggotai berbagai<sup>2</sup> bangsa, terutama sa-kali orang<sup>2</sup> India dan Arab. Tentera upahan ini di-ambil di-kalangan kelasi<sup>2</sup> kapal yang singgah di-Negeri<sup>2</sup> Selat. Tentera<sup>2</sup> upahan ini di-pimpin oleh pegawai<sup>2</sup> dari bekas askar<sup>2</sup> Eropah yang hidup sa-bagai petualang.

Tidak berapa lama sa-telah menjadi orang besar Klang, Tengku Kudin dengan tidak di-sangka-nya telah menerima sa-orang sahabat yang kemudian memainkan peranan yang penting dalam tipu muslihat perang-nya. Sahabat-nya itu

ia-lah Kapitan Yap Ah Loy, dari puak kongsi gelap "Hai San" yang menguasai lombong<sup>2</sup> di-pinggir Kuala Lumpur. Sabelum ini, Kapitan China itu ia-lah "orang kuat" Raja Mahadi. Tetapi sa-telah kawan-nya itu terusir dari Klang, Yap Ah Loy memilih sahabat baru demi kepentingan perusahaan-nya.

Sa-telah persahabatan Yap Ah Loy-Tengku Kudin terikat kuat, Yap Ah Loy melancharkan pula perang-nya di-Kuala Lumpur dengan memburu pelombong<sup>2</sup> puak "Ghi Hin" dari kawasan perlombongan di-situ. Sementara orang<sup>2</sup> Melayu sedang bunoh membunoh sama sendiri, bunoh membunoh yang amat dashat sa-kali telah terjadi di-kalangan pelombong<sup>2</sup> China di-Kuala Lumpur. Akhir-nya pelombong<sup>2</sup> puak "Ghi Hin" yang di-ketuai oleh panglimanya, bernama Chong Chong telah lari ka-Kanching.

Panglima Chong Chong demi kepentingan puak-nya terpaksa pula menchari sahabat dari orang<sup>2</sup> Melayu. (Oleh kerana Kapitan Yap Ah Loy dan puak-nya telah berpaling tadah menyokong langkah perang Tengku Kudin, maka sa-umpama orang mengantok di-sorongkan bantal, apabila Panglima Chong Chong menawarkan persahabatan-nya kepada Raja Mahadi.

Sa-lain dari sokongan kongsis<sup>2</sup> gelap yang bertentangan itu, Raja Mahadi dan Tengku Kudin juga mempunyai penyokong<sup>2</sup> di-kalangan saudagar<sup>2</sup> di-Negeri<sup>2</sup> Selat. Saudagar<sup>2</sup> itu berlumba<sup>2</sup> memberi pinjaman wang atau bekalan kapada pehak yang mereka sokong dengan harapan apabila pehak yang di-sokong-nya menang, mereka akan menerima keistimewaan atau menopoli mengaut kekayaan dari lombong<sup>2</sup> negeri Selangor. Pehak berkuasa Inggeris di-Negeri<sup>2</sup> Selat mula<sup>2</sup> menggalakkan saudagar<sup>2</sup> itu menchurahkan minyak

ka-dalam api yang sedang membakar negeri Selangor. Hanya sa-telah Inggeris memberi sokongan tegas kapada Tengku Kudin dalam pertengahan tahun 1862, dan sa-telah ketibaan askar<sup>2</sup> Pahang, maka Inggeris pun melarang saudagar<sup>2</sup> menyokong Raja Mahadi. Dengan tiada-nya sokongan itu, maka langkah perang Raja Mahadi menjadi lumpoh, dan sejak tahun 1873 bantuan<sup>2</sup> yang di-perlukan oleh-nya tiada tiba dari Singapura. Penentangan yang berkesan sudah tidak dapat di-lakukan lagi, dan sa-telah Inggeris champor tangan sa-chara langsung dalam tahun 1874, sesuai dengan dasar penjajalvin-nya, maka api peperangan itu telah padam dengan sendiri-nya.

## 7. PERANAN SULTAN ABDUL SAMAD

'Sa-waktu pertarongan di-antara Raja Mahadi dengan Tengku Kudin sedang memunchak membasahi bumi negeri Selangor dengan darah; harta benda binasa, dan kehidupan rayaat porak peranda, Sultan Abdul Samad bersemayam rukun damai bersama<sup>2</sup> kaum kerabat-nya di-Jugra, Kuala Langat.) Selayang pandang orang akan lantas menyangka bahawa baginda sa-orang yang tidak waras kerana berpelok tuboh melihat rayaat berbunoh<sup>2</sup>an. Tetapi sa-lain dari berpelok tuboh, dalam perang saudara itu, kita tidak dapat melihat apa-kah langkah lain yang boleh di-pakai oleh baginda pada waktu itu.

Semua alat<sup>2</sup> kekuasaan negara masa itu di-dalam tangan orang<sup>2</sup> besar daerah. Baginda tidak mempunyai tentera yang boleh di-pergunakan untuk memulehkan keamanan. Kuasa baginda, kalau pun ada, hanya-lah sa-takat melantek orang<sup>2</sup> besar, dan kuasa yang ada ini pun tiada berapa di-endahkan oleh orang<sup>2</sup> besar atau oleh anak<sup>2</sup> raja. Perebutan jawatan orang besar Klang, dan kegagalan baginda dalam perlantekan Tengku Kudin sa-bagai Wakil Yam Tuan untuk menyelesaikan persengketaan itu ada-lah satu bukti yang nyata menunjukkan Sultan Abdul Samad bertaraf hanya sa-bagai sa-orang yang di-rajakan menurut adat saja, tetapi tidak berkuasa apa<sup>2</sup> pun.

Dengan ketiadaan alat<sup>2</sup> kenegaraan yang boleh di-pergunakan untuk menegakkan kekuasaan-nya, maka Sultan Abdul Samad, mahu tidak mahu terpaksa-lah memilih jalan yang lebih selamat. Tambahan pula, sa-telah kedua<sup>2</sup> pihak

yang bertelagah terang<sup>2</sup> membelakangkan baginda, maka Sultan dengan bijaksana pula mengikuti nasihat pepatah Melayu supaya tidak menjadi saperi, kanchil mati tersepit bila gajah sama gajah beramok.

Kedua<sup>2</sup> pehak yang bertelagah sering kali mengunjungi Sultan Abdul Samad di-istana-nya di-Jugra. Walau pun kedudukan-nya lemah dan tidak berpengaroh baginda sentiasa bersikap tenang demi mempertahankan kesultanan baginda. Sultan Abdul Samad tidak menyokong mana<sup>2</sup> pehak pun, dan mengiakan saja perchakapan atau da'awan mereka. Kedua<sup>2</sup> pehak menda'awa mereka berjuang atas nama baginda. Jika satu pehak minta wang, maka baginda tidak keberatan memberi. Dan demikian juga bagi pehak yang lain. Di-samping itu baginda sentiasa pula menasihatkan kedua pehak supaya menchari jalan damai.

Kelemahan baginda di-ketahui oleh pehak berkuasa Inggeris di-Negeri<sup>2</sup> Selat, dan pegawai<sup>2</sup> Inggeris berasa hairan baginda tidak juga tersingkir. Kemusikan mereka kemudian telah di-siasat sendiri oleh Frank Swettenham, penolong British Resident yang di-tempatkan di-Jugra untuk mengawasi baginda dan Raja Mahadi supaya tidak mengadakan komplotan untuk memerangi sa-mula Tengku Kudin.

Frank Swettenham sa-telah mesra benar dengan Sultan Abdul Samad di-Jugra, telah berbual<sup>2</sup> dengan baginda hendak mengetahui apa-kah ilmu kalau ada yang di-pakai oleh baginda sa-hingga tidak terperangkap dalam huruhara yang berlaku.

Frang Swettenham dalam buku chatatan-nya menulis antara lain: .....baginda dengan senyum berkata bahawa apabila orang datang mengadap beta chuma berkata, "benar! benar!" supaya mereka nyah dari istana.

Dalam masa perang saudara sedang bergelora dengan haibat-nya sa-telah Tengku Kudin membawa askar<sup>2</sup> dari Kedah dalam bulan Oktober 1869, Raja Mahadi telah mengunjungi Sultan Abdul Samad di-Jugra. Tengku Mahadi menyembahkan kapada baginda bahawa pembawaan askar<sup>2</sup> dari Kedah itu molek-lah di-hentikan. Baginda hanya menggok<sup>2</sup>kan kepala kapada semua hujah<sup>2</sup> Raja Mahadi. Baginda hanya mendengar segala persembahan dengan tidak memberi apa<sup>2</sup> ulasan atau persetujuan kechualи berkata, "benar, benar kata kamu sakalian" supaya rombongan Raja Mahadi segera meninggalkan Istana.

Walau pun baginda tidak mengeluarkan apa<sup>2</sup> titah atau membuat apa<sup>2</sup> persetujuan, tetapi rombongan Raja Mahadi lantas mengadakan persiapan<sup>2</sup> mengutus perutusan ka-negeri Siam yang pergi atas nama Sultan. Perutusan Raja Mahadi itu menyembahkan kapada Raja Siam agar menggunakan pengaroh-nya supaya melarang askar<sup>2</sup> Kedah berperang di-Selangor. Negeri Kedah pada ketika itu tundok di-bawah pengaroh Siam. Kunjongan Raja Mahadi itu berjaya. Berkat tekanan pengaroh Raja Siam, maka Sultan Kedah mengeluarkan titah di-raja memanggil pulang orang<sup>2</sup> Kedah yang sedang berperang di-Selangor. Sa-lain dari ini, baginda juga melarang orang<sup>2</sup> Kedah pergi ka-Selangor.

Pengundoran askar<sup>2</sup> Kedah dari Selangor di-lakukan pada ketika Tengku Kudin sedang berusaha mempertegap kedudukan-nya sa-telah Raja Mahadi di-kalahkan di-Klang dalam bulan March 1870. Pengundoran itu sangat membahayakan kedudukan Tengku Kudin kerana ia tidak mempunyai pengikut<sup>2</sup> di-Selangor. Tengku Kudin terpaksa membentuk satu pasukan tentera<sup>2</sup> upahan yang terdiri dari berbagai<sup>2</sup> bangsa terutama sa-kali orang<sup>2</sup> India dan Arab. Tentera<sup>2</sup> upahan Kudin ini berjumlah kira<sup>2</sup> 500 orang.

Penglima<sup>2</sup> tentera<sup>2</sup> upahan itu ia-lah petualang<sup>2</sup> Eropah seperti de Fontaine, Pennefather, Van Hagen, dan Cavalieri. Anggota<sup>2</sup> tentera upahan itu diambil berkhidmat dari kelasi<sup>2</sup> kapal di-pelabuhan<sup>2</sup> Negeri<sup>2</sup> Selat.

Tentera<sup>2</sup> upahan ini yang di-pergunakan oleh Tengku Kudin untuk mengawal Klang, Kuala Lumpur, Kuala Selangor sa-hingga tentera<sup>2</sup> itu di-bubarkan sa-jurus sa-telah menjajah Selangor. Saki baki tentera<sup>2</sup> itu di-bubarkan Inggeris sa-telah Selangor tertakalok.

Pembentukan tentera<sup>2</sup> upahan yang berani mati ini menelan belanja yang amat besar. Penglima<sup>2</sup> mereka yang terdiri dari bekas tentera<sup>2</sup> Eropah itu berjaya menanamkan jiwa ketenteraan di-kalangan petualang<sup>2</sup> itu. Saperti kelasiman tentera<sup>2</sup> upahan yang menjualkan nyawa untuk membunuh, tentera<sup>2</sup> Kudin ini bukan saja berani mati, berperibadi kejam dan bengis dalam segala pekerjaan. Bila dilepaskan berperang, tentera<sup>2</sup> ini bertindak selaku harimau kebulor sa-hingga tidak sadikit raayat yang tidak berdosa teriniaya, dan kampong<sup>2</sup> terbakar.

Walau pun tentera<sup>2</sup> upahan itu berjaya mempertahankan kedudukan Tengku Kudin di-Klang dan Kuala Lumpur dalam tahun 1870-1871, tetapi kekuatan-nya tidak-lah sa-berapa sa-hingga boleh menghanchorkan kekuatan Raja Mahadi yang sa-makin berpengaroh di-kawasan perdalaman negeri Selangor, terutama sa-kali di-Kuala Selangor dan Ulu Selangor.

Menambah kekuatan tentera<sup>2</sup> upahan itu akan memberatkan lagi beban Tengku Kudin. Belanja memelihara pasukan itu ia-lah sa-puloh kali ganda dari belanja membawa askar<sup>2</sup> Kedah yang telah di-undorkan itu. Tengku Kudin memerlukan mendapatkan bantuan tentera. Soalnya dimana-kah bantuan itu hendak di-peroleh. Kapitan Yap Ah

Loy yang menguasai beribu<sup>2</sup> orang pelombong<sup>2</sup> China "Hai San" tidak berapa dapat di-harapkan kerana Kapitan China itu sendiri sedang sebok memerangi musoh-nya puak "Ghi Hin" yang bertapak di-Kanching.

Dari pehak Inggeris di-Negeri<sup>2</sup> Selat, Tengku Kudin, tiada harapkan mendatangkan bantuan tentera. Inggeris ketika itu (1870) memainkan peranan mengadu dombaikan pehak<sup>2</sup> yang bertentangan bukan saja di-Selangor, malahan di-Perak dan di-Sungai Ujong (Negeri Sembilan). Inggeris menggalakkan saudagar<sup>2</sup> dalam jajahan-nya supaya membantu pehak<sup>2</sup> yang berperang dengan harapan dapat memberi pukulan maut sa-telah kedua<sup>2</sup>-nya terlalu letek, atau sa-telah satu pehak yang berperang benar<sup>2</sup> akan mepaung, maka baru-lah Inggeris berterang<sup>2</sup> berdiri di-belakang pehak yang berjaya itu.

Sa-telah mendapat tahu pengundoran askar<sup>2</sup> Kedah ia-lah angkara dari tipu muslibat Raja Mahadi, maka Tengku Kudin, melalui sahabat-nya di-Singapura Mr. J.G. Davidson telah menulis surat kapada Gabnor Sir Harry Ord dalam bulan April 1870 (sa-bulan sa-telah Raja Mahadi berundor dari Klang ka-Sungai Buloh) meminta gabnor Inggeris itu menggunakan jasa baik-nya agar menasihatkan Sultan Ahmad Pahang mengirim askar<sup>2</sup>-nya ka-Selangor menolong memerangi Raja Mahadi.

Demi memotong jalan Raja Mahadi pergi ka-Pahang meminta bantuan pahlawan<sup>2</sup> Melayu di-negeri itu, maka Tengku Kudin telah mengunjungi Sultan Abdul Samad di-Jugra. Saperti biasa, Sultan Abdul Samad menerima kedatangan menantu-nya dengan hormat, dan mendengar dan mengiakan saja segala persesembahan-nya.

Tengku Kudin menyembahkan kesah orang<sup>2</sup> Kedah telah balek, dan Raja Mahadi serta gerombolan-nya maseh

lagi kuat, dan mengusulkan soal minta bantuan tentera dari negeri Pahang bagi menolong membolehkan keamanan. Saperti biasa, Sultan Abdul Samad hanya menganggok<sup>2</sup> kan kepala, sambil berkata, "benar! benar!" kata awak itu" agar Tengku Kudin serta rombongan-nya segera meninggalkan istana. Saperti yang kita ketahui, kedua tokoh yang berlaga kekuatan itu, masing<sup>2</sup> mendawa berjuang atas nama Sultan, maka sa-lepas kunjungan itu, Tengku Kudin pun lantas mengutus utusan-nya mengadap Sultan Ahmad yang berkuasa di-Pahang. Utusan Tengku Kudin itu di-kirim atas nama batang tuboh Sultan Abdul Samad.

Utusan yang di-kirim mengadap Sultan Ahmad di-Pahang ia-lah Dato' Orang Kaya Gombak, dan Dato' Orang Kaya Sungai Buloh. Kedua<sup>2</sup>-nya dengan di-iringi oleh hulubalang<sup>2</sup> telah meredas hutan rimba pergi ka-Pahang melalui Ulu Klang, kemudian memintas Genting Sempah. Dari sana rombongan itu menuju Ulu Benus, kemudian ka-hilir Sungai Bentong, sa-belum tiba ka-Sungai Semantan.

Perihal perang saudara Selangor telah di-ketahui oleh orang<sup>2</sup> Pahang dan Sultan Ahmad. Tetapi orang yang betul<sup>2</sup> mempelajari-nya dari segala sudut ia-lah Sir Harry Ord, Gabenor Negeri<sup>2</sup> Selat dan pegawai<sup>2</sup>-nya, Inggeris berhati<sup>2</sup> benar supaya tidak tersalah sokong pihak yang lemah; atau tersalah sokong pihak yang kemudian enggan menerima pengaroh Inggeris dalam pemerentahan negeri.

Tengku Kudin yang dari sa-mula bertujuan murni hendak menegakkan satu pemerentahan yang lebih maju di-Selangor bersedia menerima pengaroh Inggeris dalam pertadbiran negeri. Tetapi pihak Inggeris tidak berapa yakin bahawa kekuatan dan pengaroh-nya di-Selangor boleh menjamin pengaroh Inggeris berkekalan. Inggeris mengetahui Tengku Kudin tidak mempunyai pengikut di-kala-

ungan<sup>2</sup> anak<sup>2</sup> raja atau orang<sup>2</sup> besar Selangor. Di-kalangan raayat banyak pengaroh-nya belum ada. Inggeris juga tiada mengharapkan Raja Mahadi yang di-sokong oleh anak<sup>2</sup> raja dan sa-bilangan besar raayat di-kawasan per-dalamam boleh menerima chimpor tangan Inggeris dalam pertadbiran negeri. Raja Mahadi dan pengikut<sup>2</sup>-nya maseh kuat mempertahankan pemerintahan berorang besar. Sultan Abdul Samad yang tiada memegang apa<sup>2</sup> kuasa tidak boleh di-harapkan.

Oleh kerana belum ada mana<sup>2</sup> pehak yang boleh di-harap untuk memudahkan penjajahan-nya di-Selangor, maka pehak Inggeris sa-lain dari mengadu dombakan pehak<sup>2</sup> sedang berbunoh<sup>2</sup>an, berusaha pula membawakan satu anasir baru dalam perang saudara itu, ia-itu dengan menjerumuskan Sultan Abdul Samad serta penyokong<sup>2</sup>-nya ka-dalam kenchah peperangan. Gulongan yang berdiri di-belakang Sultan sa-lama ini berkechual. Sa-lain dari kaum kerabat di-Raja pehak yang berkechual tidak sadikit bilangan-nya. Di-antara yang berpengaroh ia-lah Raja Bot, orang besar Lukut, dan beberapa golongan orang<sup>2</sup> dagang dari Sumatera.

Dalam usaha-nya hendak melibatkan Sultan Abdul Samad, Gabnor Sir Harry Ord telah mempergunakan permintaan Tengku Kudin supaya menasihatkan Sultan Pahang supaya menolong memerangi Raja Mahadi. Gabnor Ord mengirim perutusan ka-Pahang, menyembahulkan permohonan supaya baginda Sultan Ahmad agar menolong Sultan Abdul Samad yang bersembunyi di-Jugra untuk memulihkan keamanan negeri Selangor.

Perutusan Gabnor Ord itu pergi ka-Pahang dalam bulan April 1870, dan dengan bijaksana di-persembahkan kepada Sultan Ahmad bahawa perang saudara itu jika tidak

di-hentikan, maka negeri Selangor bukan saja akan porak peranda, malahan peperangan mungkin pula menjalar ka-negeri Pahang sendiri. Orang<sup>2</sup> besar Pahang telah di-gemparkan oleh perutusan Inggeris itu bahawa pehak<sup>2</sup> yang bertentangan sedang berkira<sup>2</sup> hendak mengupah pahlawan<sup>2</sup> Pahang berjuang di-Selangor.

Sultan Ahmad dan orang<sup>2</sup> besar baginda menyedari bahawa andai-nya benar kata perutusan Inggeris itu, dan kebetulan pada masa itu berita<sup>2</sup> telah sampai ka-Pahang bahawa orang<sup>2</sup> Selangor ada mengambil orang<sup>2</sup> untuk berperang di-negeri<sup>2</sup> Selat (tentera upahan Kudin), maka perkara ini sudah tentu lambat laun akan membangkitkan perusuhan di-antara kedua negeri — Selangor dan Pahang. Demi membolehkan keamanan di-Selangor, Sultan Abdul Samad serta orang<sup>2</sup> besar baginda telah sa-pakat memberi pertolongan askar<sup>2</sup> Pahang membantu Sultan Abdul Samad. Sultan Ahmad hanya menunggu kedatangan utusan Sultan Selangor untuk menyembahkan permoholesan sa-belum menggerakkan pahlawan<sup>2</sup> baginda ka-Selangor.

Diplomasi dan tipu daya Inggeris meminta Sultan Pahang membantu Sultan Abdul Samad yang di-ketahuinya tiada berkuasa serta tidak pula terlibat dalam peperangan, pada hal orang yang benar<sup>2</sup> memerlukan askar<sup>2</sup> Pahang itu ia-lah Tengku Kudin, sudah nyata bertujuan:

- a) Menjerumuskan Sultan Abdul Samad bersama<sup>2</sup> dengan sakalian pengikut<sup>2</sup>-nya dalam kanchah peperangan. Dengan bantuan askar<sup>2</sup> Pahang, Inggeris menjangka bahawa Sultan Abdul Samad tentu akan merasa kedudokan-nya kuat. Inggeris yakin bahawa Sultan Abdul Samad yang sa-lama ini menunggu kesempatan untuk menegakkan kekuasaan-nya, tentu akan terpedaya dengan

sokongan tentera<sup>2</sup> Pahang itu sa-hingga mengérah sakalian pengikut<sup>2</sup> dan penyokong<sup>2</sup> baginda untuk merampas dan menindas Tengku Kudin dan Raja Mahadi.

- b) Inggeris yang mahir dalam lapangan mengadu doni-bukan pehak<sup>2</sup> yang bertentangan, dan muslihat peperangan yakin dengan masok-nya gulongan ketiga, maka keadaan perang Selangor tetap akan berubah. Gulongan Tengku Kudin dan Raja Mahadi masing<sup>2</sup> ni uda'awa berjuang atas nama Sultan, dan apabila Sultan masok champion, maka hanya gulongan yang merasa diri-nya lebeh kuat saja yang berani mementang Sultan, dan gulongan ini mudah di-hanchorkan. Sa-beleum hanchor, maka pembunuhan<sup>2</sup> dan kachau bilau yang amat dahsyat tentu-lah berlaku, dan dalam masa kachau bilau ini-lah, Inggeris akan mensarangkan tentera-nya membantu pehak yang sudah tentu akan menang, dan di-masa ini-lah Inggeris berchadang menasang jaring-nya, menanggok di-ayer keroh.
- c) Inggeris yakin dengan menjelma-nya anasir ketiga dalam perang, maka pehak yang merasakan diri-nya lebeh kuat ia-lah Tengku Kudin. Raja Mahadi yang memusohi Tengku Kudin kerana mengusir-nya dari Klang tentu akan mencapai titek pertemuan dengan Sultan untuk membina-sakan anak raja dagang itu. Walau pun Tengku Kudin sanggup menerima pengaroh Inggeris, pegawai<sup>2</sup> Inggeris di-Singapura menchurigai-nya kerana ia ternyata lebeh bijal dari lain<sup>2</sup> anak raja Selangor. Sadikit sa-banyak ia telah

mengetahui politik kerajaan, dan apabila ia menang kelak ada kemungkinan ia tidak akan sanggup menyerahkan kekuasaan-nya kepada Inggeris. Kekalahan Tengku Kudu di-tangan Sultan Raja Mahadi akan menjadi rahmat kepada Inggeris.

- d) Pihak yang menang kelik sudah barang tentu akan berasa terbutang budi dengan champor tangan Inggeris. Tetapi tiada apa yang heridak di-langgakan dengan kemewangan mereka itu. Negeri telah porak peranda, lombong<sup>2</sup> bijih terhenti mengeharkan basil. Ini-lah masa-nya Inggeris akan menunjukkan belang-nya. Pihak yang menang akan di-bujok supaya menerima naungan Inggeris, dan jika engkar, sekatan ekonomi akan di-jalankan. Pemodal<sup>2</sup> Negeri<sup>2</sup> Selat akan di-larang mengalirkan wang untuk membuka lombong<sup>2</sup> di-Selangor. Sekatan ekonomi ini jika di-lakukan akan membinaaskan dengan mudah pihak<sup>2</sup> yang menang, lebih senang dari peluru senapang atau obat bedil. Dan dengan tiada-nya modal, maka pelombong<sup>2</sup> dalam kawasan<sup>2</sup> pelombongan yang tergenda sejak perang akan lari ka-negeri lain. Dan dengan ketiadaan chukai bijih, maka anak<sup>2</sup> buah serta pengikut<sup>2</sup> pihak yang menang akan sengsara kebuloran, dan dengan sendiri-nya pula akan mengungsi ka-tempat lain. Sa-telah sekatan ekonomi mendatangkan binchana yang sudah tentu akan terjadi, maka Inggeris akan memilih salah sa-orang anak raja untuk menjadi patong-nya menjadi Sultan negeri Selangor.

- c) Inggeris berasa yakin bahawa ancaman sekatan ekonomi boleh memaksa siapa saja yang menang sa-lepas perang saudara itu, demi kepentingan menjaga kedudukan masing<sup>2</sup>, mahu tidak mahu, terpaksa tu'lok kepada Inggeris.

Diplomasi Inggeris yang bertujuan hendak mengubah suasana perang saudara demi kepentingan-nya telah di-kuatkan lagi dengan kunjongan setiausaha tanah<sup>2</sup> jajahan Negeri<sup>2</sup> Selat, J.W.W. Birch ka-Jugra dalam bulan July 1871 mendesak Sultan Abdul Samad menerima naungan Inggeris, dan berusaha menghentikan perang saudara dengan meminta bantuan dari Sultan Pahang. Beberapa hari sebelum Birch tiba di-Jugra, kapalperang Inggeris bernama "Rinaldo" telah membedil Kuala Selangor (masa itu di-kuasai oleh Raja Mahadi) konon-nya hendak menburu lanon<sup>2</sup> China yang merompak tongkang<sup>2</sup> dagangan saudagar<sup>2</sup> Singapura.

Sa-helum kapalperang Inggeris itu berlabuh di-Kuala Selangor, "Rinaldo" telah menurunkan sahabat Tengku Kudin, J.G. Davidson di-Klang. Keberangkatan "Rinaldo" ka-kubu Raja Mahadi di-beritahukan kepada Tengku Kudin bahawa kapalperang itu bertujuan hendak membina-sakan kubu lanon<sup>2</sup> China, dan orang besar itu memberi kesempatan kapada Inggeris menempatkan satu pasukan askar-nya di-situ. Penempatan askar<sup>2</sup> Inggeris di-Kuala Selangor memberi faedah kapada Tengku Kudin dalam usaha-nya menyekat pengaroh Raja Mahadi.

Sa-benar-nya tiada lanon<sup>2</sup> China yang berlindong di-Kuala Selangor pada masa itu. Bedilan meriam kapalperang "Rinaldo" yang membuta tuli, dan pendaratan askar<sup>2</sup> Inggeris telah di-tentang haibat oleh Raja Mahadi dan pengikut<sup>2</sup>-nya, Akhir-nya dalam masa beberapa hari saja pasukan

Raja Mahadi dapat di-musnahkan oleh Inggeris, dan Raja Mahadi lari ka-Ulu Selangor.

Kekuatan senjata yang telah di-perlihatkan oleh "Rinaldo" di-Kuala Selangor telah di-pergunakan juga untuk memujok baginda supaya berlindong di-bawah bendera Inggeris, dan "Rinaldo" boleh di-pergunakan pula untuk membina-sakan siapa saja orang besar, termasuk Tengku Kudin, sa-kira-nya engkar menurut itih baginda.

Segala perlinaan kapada darjat baginda, anchaman dan pujokan<sup>2</sup> itu tiada berjaya mengubah sikap<sup>3</sup> baginda dari berkechualu dalam perang atau menggil ketakutan sa-hingga terburu<sup>4</sup> menerima naungan Inggeris. Dengan bijaksana baginda mengeluarkan fikiran bahawa baginda sendiri suka melihat negeri aman dainai sa-mula, dan segala persengketaan selesai, dan semua gulongan hidup berbaik<sup>5</sup> sangka.

Birch memujok baginda supaya Tengku Kudin yang telah di-lantek oleh Baginda menjadi Wakil Yam Tuan di-beri kuasa penoh untuk mentadbirkan seluroh negeri Selangor. Sultan Abdul Samad tidak menolak mentah<sup>6</sup> bukan itu, malahan menyatakan kesanggupan-nya melantek a-buah Majlis Raja<sup>7</sup> yang terdiri dari Tengku Kudin, Raja Bot Orang Besar Lukut, dan Raja Yahya saudara baginda sendiri untuk mentadbirkan seluroh negeri. Menolak bujuk<sup>8</sup> itu berma'ana menandatangani surat mati peristiwaran baginda turun dari takhta. Inggeris telah terang<sup>9</sup> memperhina arjat baginda dengan berhubung langsung dengan Tengku Kudin untuk menduduki Kuala Selangor. Dan Inggeris entu-lah tiada segan<sup>10</sup> pula membelikangkan baginda, atau berusaha menalsalkan salah sa-orang daripada kerabat dia Selangor menjadi Sultan.

Kesanggupan Sultan Abdul Samad melantek majlis di-raja itu memberikan satu harapan kepada Birch sa-belum meninggalkan Jugra bahawa baginda sa-orang raja yang amat mudah di-tundukkan, dan Majlis Di-Raja yang dihadangkan itu dapat di-peralatkan oleh Inggeris dalam menjajah negeri Selangor, atau sa-kurangnya menguasai seluruh ekonomi dan hasil bijeh-nya.

Tetapi Sir Harry Ord, dan lain<sup>2</sup> pegawai<sup>2</sup> Inggeris mendapati kunjongan Birch ka-Jugra bukan saja telah gagal, malahan berasa terhina, sa-orang Sultan yang tidak berkuasa boleh mengecoh sa-orang pegawai Tanah Jajahan yang bijaksana. Galnor Ord mendapati bahawa sa-kira-nya kesanggupan Sultan Abdul Samad itu di-laksanakan maka baginda berjaya memperalatkan segala kekuasaan Negeri<sup>2</sup> Selat untuk meluchutkan satu demi satu kuasa<sup>2</sup> yang ada di-tangan Tengku Kudin, dan kuasa<sup>2</sup> Orang<sup>2</sup> Besar Negeri. Inggeris juga mendapati chadangan baginda sa-bagai satu usaha yang bijak untuk mengembalikan semua kuasa<sup>2</sup> yang ada di-tangan orang<sup>2</sup> besar ka-mahkota baginda sendiri. Sebab bimbangkan kuasa<sup>2</sup> itu mengalirkan ka-dalam genggaman Sultan Abdul Samad, maka Inggeris tidak mengendahkan langsung chadangan itu.

### 3. BANTUAN SULTAN PAHANG

Tipu muslikat Inggeris hendak melibatkan Sultan Abdul Samad dalam perang Selangor dengan tujuan menimbulkan keadaan baru dalam buru hara yang sedang berlaku dengan chara menasihatkam Sultan Ahmad mengirim askar<sup>2</sup> Pahang, dan meninjok Sultan Abdul Samad supaya meminta bantuan tentera dari Pahang ternyata pada akhirnya kechewa.

Sultan Abdul Samad terus menerus berkechuaui. Tetapi perutusan Inggeris ka-Pahang ada juga kesan-nya. Sultan Ahmad serta orang<sup>2</sup> besar Pahang telah bersiap<sup>2</sup> dengan senjata menunggu ketibaan utusan Sultan Abdul Samad meminta bantuan.

Rombongan yang di-utus oleh Tengku Kudin, di-sambut di-Pahang selaku utusan rasmi Sultan Abdul Samad yang memerentah Negeri Selangor. Dan rombongan itu sendiri masuk mengadap sa-bagai wakil peribadi Sultan Selangor. Ketibaan rombongan ini yang berkesudahan dengan pengiriman askar<sup>2</sup> Pahang ka-Selangor pada hakikat-nya telah memberi pertolongan yang maha besar untuk kemenangan Tengku Kudin.

Pengiriman askar<sup>2</sup> Pahang itu di-lakukan dengan ikhlas demi menolong Sultan Selangor. Utusan yang pergi ka-Pahang menyembahkan permohonan itu terdiri dari puak yang menyokoing Tengku Kudin, maka puak ini-lah yang di-sangka oleh orang<sup>2</sup> Pahang sa-bagai pihak yang mem-pertabarkan kedaulatan Sultan Abdul Samad. Dan puak Raja Mahadi dengan sendiri-nya pula pada kachia mata

perajurit? Pahang di-pandang sa-bagai pemberontak. Andai-nya rombongan Raja Mahadi yang tiba lebih dulu atas nama Sultan Selangor, maka sudah-lah tentu puak Tengku Kudin yang akan terchap sa-bagai pemberontak. Namun demikian kedatangan orang Pahang ada-lah khusus menolong Sultan Abdul Samad, dan hanya kebetulan saja Tengku Kudin yang mula<sup>2</sup> mengirim utusan atas nama Sultan Selangor ka-Pahang.

\* \* \*

#### MENGH.IID.IP SULT.EN

Di-balairong Seri Istana Pekan, orang<sup>2</sup> besar yang di-utus oleh Tengku Kudin atas nama Sultan Selangor telah mengangkat sembah — masing<sup>2</sup> mengator jari sa-puloh — kepada Sultan Ahmad.

Dato' Kaya Gombak, selaku juru chakap rombongan orang<sup>2</sup> besar Selangor, dalam sembah-nya kapada Sultan Ahmad menyatakan bahawa rombongan-nya datang menghadap ia-lah kerana negeri Selangor dalam keadaan huru-hara dengan pemberontakan, seperti yang pernah berlaku di-negeri Pahang.

"Sunggoh-lah benar bahawa Raja Mahadi, ketua pemberontak itu, ia-lah berasal dari titisan darah Almarhum Sultan Mohamad. Dengan demikian Raja Mahadi ada mempunyai hak, mengikut adat, untuk menjadi Yang di-Pertuan.

"Tetapi sa-balek-nya Raja Mahadi telah menjauhkan diri dari Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

"Segala ini telah berlaku, daulat tuanku, ia-lah semenjak Raja Mahadi berkawan dengan Raja Rawa Ja Asai." Tegas Dato' Kaya Gombak.

Raja Mahadi, kata Dato' Kaya Gombak lagi, telah di-dapati tidak lagi memegang tiga rukun adat resam Melayu — tingkah laku yang baik, budi dan tutor bahasa yang baik, dan akal fikiran yang baik,

"Dengan tidak ada-nya kesampurnaan tiga rukun itu, maka akan binasa-lah raayat dan negeri Selangor," tegas Dato' Kaya Gombak.

Kedua<sup>2</sup> orang<sup>2</sup> besar Selangor itu — Dato' Kaya Gombak dan Dato' Kaya Sungai Buloh — kemudian menyatakan pendapat<sup>2</sup> mereka bahawa Raja Mahadi telah terbukti tidak mempunyai fikiran waras.

Mereka mengambil kesimpulan demikian ia-lah kerana terbukti-nya Raja Mahadi dapat di-pengarohi oleh Ja Asai, "orang luar yang tiada mempunyai hubungan dalam hal chwal negeri Selangor."

Sultan Ahmad, sa-telah mendengar keterangan<sup>2</sup> orang<sup>2</sup> besar Selangor itu, telah termenong beberapa lama.

Sa-telah lama termenong dan mengingati peristiwa peperangan saudagar yang pernah berlaku di-negeri Pahang, Sultan Ahmad bertitah: "Apa yang sedang terjadi di-Selangor itu ada-lah sangat memilukan kalbu beta. Beta merasa diri beta saperti diri saudara beta Sultan Selangor sendiri,

"Ketahui-lah, wahai kedua orang<sup>2</sup> besar Selangor, beta ini ada-lah di-rajakan oleh orang<sup>2</sup> besar negeri. Dari itu segala perkara yang di-sembahkan kapada beta ada-lah beta serahkan kapada pengetahuan orang<sup>2</sup> besar negeri beta untuk memikirkan-nya.

"Sa-kira-nya Dato'<sup>2</sup> orang<sup>2</sup> besar negeri beta mempunyai kesanggupan, maka beta akan luluskan," titah Sultan

Ahmad sambil memujukan pandangan-nya ka-arah orang<sup>2</sup> besar Pahang.

Baginda kemudian menerentah Dato' Bahaman supaya mengadakan mazharat orang<sup>2</sup> besar dan pahlawan<sup>2</sup> Pahang.

Dato' Bahaman ia-lah di-antara orang<sup>2</sup> besar dan pahlawan negeri Pahang yang di-pandang tinggi dan mempunyai besar pengaroh. Di-samping beliau, yang juga mempunyai pengaroh ia-lah Imam Rasul (keinidian bergelar Dato' Gajah), dan Oang Kaya Haji.

Oleh kerana masaalah yang di-hadapi ita ia-lah hal ehwal negeri luar, maka orang<sup>2</sup> besar Pahang menyerahkan kapada Dato' Bahaman. Ini ia-lah kerana beliau di-anggap sa-bagai orang yang ahli dalam hal ehwal saperti itu.

Walau pun dalam hal tersebut segala<sup>2</sup>-nya terpulang kepada kebijaksanaan Dato' Bahaman, tetapi kata pemutus ada-lah terserah kapada Sultan Pahang sendiri. Khusus-nya kalau Sultan memperkenankan maka segala keputusan yang di-ambil itu akan di-laksanakan.

•

•

•

#### *PERSIDANGAN ORANG BESAR*

Dalam persidangan orang<sup>2</sup> besar Pahang, Dato' Kaya Sungai Buloh telah mengambil kesempatan untuk beruchap.

Dato' Kaya Sungai Buloh dalam uchapan-nya telah mencheritakan kesah bagaimana perperangan saudara di-negeri Selangor telah berlaku.

Dato' Kaya Sungai Buloh telah menganggap orang<sup>2</sup> Selangor yang bershubahat dengan Raja Mahadi dan Ja Asai sa-bagai golongan yang sanggup mengorbankan adat dan anak untuk mencapai kepentingan diri mereka sendiri.

"Kerana mereka sanggup berniati adat dan bermati anak, maka sekarang telah berlaku mala petaka yang mengorbankan ramai jiwa anak<sup>2</sup> Selangor, dibunuh oleh pahlawan<sup>2</sup> dari seberang," ujar Dato' Kaya Sungai Buloh.

Orang<sup>2</sup> besar Selangor itu kemudian menyerahkan kapada orang<sup>2</sup> besar Pahang tentang bagaimana anggapan orang<sup>2</sup> asing kelak terhadap kerajaan negeri<sup>2</sup> Melayu, kalau Selangor tertawan dan terjajah oleh orang<sup>2</sup> besar yang dari seberang untuk menchari kesempatan di-Selangor.

"Kerana memikirkan murtabat kerajaan raja<sup>2</sup> Melayu, dan kerana mengelakkan dari berlaku-nya perkara yang lebih buruk lagi, maka kami berharap sangat bantuan dari negeri Pahang ini.

"Kami meminta bantuan ada-lah bak kata orang, tinggi gunong, tinggi lagi harapan kami.

"Kami berharap bantuan daripada negeri Pahang ini ia-lah memandang pada asas-nya tentang tali persaudaraan Pahang dan Selangor yang berasal dari satu bangsa, satu darah, satu baka, satu rumpun, satu adat, satu istiadat, satu resam, satu faham, dan satu tujuan.

"Di atas asas itu-lah, kami mempunyai harapan penoh supaya Dato<sup>2</sup> semua sudi apa kira-nya memberi bantuan dan pertolongan kapada kami yang seperti ibarat sudah jatoh dan sedang hendak di-timpah tangga,

"Kami datang memohon bantuan dari negeri Pahang ia-lah juga kerana mengenangkan Pahang ia-lah negeri sejiran dan sa-sempadan, lebih<sup>2</sup> lagi kalau di-ingat pada masa<sup>2</sup> purba, bilamana Pahang selalu memberi bantuan bila kecemasan berlaku di-Selangor.

"Jasa dan budi Dato<sup>2</sup> sakalian akan kami junjong tinggi, dan akan menjadi chontoh dari zaman ka-zaman.

Segala<sup>2</sup>-nya itu akan menjadi tawarikh, dan sejarah kapada turun temurua Melayu di-masa yang akan datang," kata Dato' Kaya Sungai Buloh.

Persidangan itu di-adakan oleh Dato' Bahaman, dan di-hadiri oleh orang<sup>2</sup> besar Pahang yang berada di-Pekan,

Pahlawan<sup>2</sup> dan orang<sup>2</sup> besar Pahang yang turut hadir dalam persidangan itu ia-lah: Imam Mat Akil, Khatib Bahrin, Imam Perang Gendot, dan Imam<sup>2</sup> perang yang lain.

Orang<sup>2</sup> besar Pahang, terutama sa-kali pahlawan<sup>2</sup> nya sangat bersetuju dengan anjoran Dato' Bahaman supaya berangkat dan berperang mempertahankan Klang dan merebut kembali kawasan<sup>2</sup> Sultan Selangor yang telah di-tawan oleh pehak pemberontak.

Di-antara pahlawan<sup>2</sup> Pahang terdapat juga mereka yang dahulu-nya mengambil bahagian dalam peperangan saudara yang berlaku di-negeri Pahang sendiri. Pahlawan<sup>2</sup> tersebut berpendapat dengan mencheborkan diri berperang ka-Selangor, ada-lah bermaana mereka dapat menembus dosa mereka kerana memberontak terhadap Sultan Pahang — sa-waktu mereka mengikut pergerakan Tun Mutahir.

Pahlawan<sup>2</sup> tersebut berpendapat bahawa dengan pergi berperang membantu Sultan Abdul Samad, dengan sendiri bermaana mereka berjasa kapada Sultan Ahmad, Sultan mereka — Sultan Pahang.

Persidangan itu, sambil mengambil keputusan akan membantu Kerajaan Sultan Abdul Samad, telah mengadakan suatu sharat bahawa Selangor harus membayar wang sa-banyak \$600 sa-tiap tahun kapada Sultan Pahang, sebagai tanda mengenang jasa pahlawan<sup>2</sup> Pahang.

Keputusan persidangan itu kemudian telah di-persembahkan kepada Sultan Ahmad, untuk mendapat persetujuan.

\* \* \*

### *KITAI PEMUTUS*

Sultan Ahmad, sabelum memberi kata penutus untuk menyerentah pahlawan<sup>2</sup>-nya berangkat ke-Selangor telah berunding dengan orang<sup>2</sup> besar rombongan dari Selangor.

Dalam perundingan itu, Sultan Ahmad di-antara lain<sup>2</sup>, telah bertitah:

"Sanggup-kah orang<sup>2</sup> besar Selangor menuaikan kabendak pahlawan<sup>2</sup> dan orang<sup>2</sup> besar Pahang, ia-itu Kerajaan negeri Selangor hendak-lah menghantarkan wang tunai sebanyak \$600 sa-tiap tahun kapada kami, sa-bagai tanda mengenang budi dan jasa pahlawan<sup>2</sup> Pahang. Su-kira-nya Selangor dapat kembali aman dan kaum pemberontak itu menyerah diri atau tewas atau lari dari bumi Selangor?"

Mendengar titah Sultan Ahmad, orang<sup>2</sup> besar Selangor itu berdatang sembah: "Ampun tuanku.....segala titah perentalah" tuanku itu hamba<sup>2</sup> kedua junjong tinggi di-ubun<sup>2</sup> pachal patek yang hina.

"Ampun tuanku.....ada pun kahendak ka-bawah duli itu ada-lah tanggong jawab hamba<sup>2</sup> yang berdua ini-lah.

"Kedua<sup>2</sup> hamba telah mendapat keizinan dari ka-bawah duli Baginda Sultan Abdul Samad supaya sanggup pada segala apa juu yang di-kahendaki asal sahaja kahendak<sup>2</sup> itu ia-lah untuk tujuan kebaikan dan kebaikan semata<sup>2</sup>."

Sultan Ahmad, sa-telah mendengar sembah orang<sup>2</sup> besar Selangor itu, lalu bertitah: "Jika dan kalau sudah Orang-Kaya<sup>2</sup> Selangor sanggup, maka beta perkemahan-lah."

\* \* \*

## *PERSIAPAN PAHLAWAN PAHANG*

Sabelum melaksanakan perentah Sultan Ahmad, memperkenankan bala teptera Pahang berangkat ke Selangor untuk membantu Sultan Abdul Samad, pahlawan Pahang telah mengator langkah dan perbarisan mereka.

Barisan<sup>2</sup> itu telah di-ator seperti berikut:

Untuk pertahanan negeri, Dato' Orang Kaya Haji Lipis memikul tanggong jawab tentang keselamatan negeri di-sabelah utara, bahagian Raub dan sempadan Kuala Kubu terserah kapada Mat Kilau, anak Dato' Gajah.

Sementara urusan pertahanan laut pula, segalanya ada lah terserah kapada Dato' Shah Bandar Jidin.

Barisan untuk menyerang penyerontak di-negeri Selangor ada-lah terdiri dari tiga pasukan. Pasukan<sup>2</sup> ini kemudian akan di-pecah<sup>2</sup> untuk menjadi beberapa bahagian, tetapi ketua turus agong-nya ia-lah Dato' Bahaman.

Pasukan<sup>2</sup> itu ia-lah Pasukan Dato' Bahaman atau terkenal sa-bagai Pasukan Semantan, Pasukan Imam Perang Rasul atau terkenal sa-bagai Pasukan Pulau Tawar, dan Pasukan Dato' Shah Bandar atau terkenal sa-bagai pasukan Benta. Pasukan Benta hanya merupakan sa-bagai pasukan tambahan sahaja.

Dalam Pasukan Semantan, Dato' Bahaman menyerahkan kapada Imam Perang Mat Akil untuk menjadi panglima, dengan di-bantu oleh Imam Perang Gendot, Imam Perang Mahkota Che' Indot, Dato' Johari Perkasa Che' Hassan, Imam Perang Khatib Bahrin dan Imam Perang Besar Majid.

Pasukan yang di-ketuai oleh Imam Perang Mat Akil di-tugaskan bergerak menuju Kepong.

Sementara itu Dato' Bahaman telah membentuk suatu pasukan lain yang diarah olehnya sendiri. Pasukan ini bertugas untuk bergerak dari Ulu Klang kemudian terus ke Ampang, sabelum meneruskan serangan-nya ke Kuala Lumpur (di-masa itu Kuala Lumpur hanya di-kenal sebagai Gombak).

Pasukan tersebut, di-antara pembesar<sup>2</sup>-nya, sa-lain daripada Dato' Bahaman sendiri, ada-lah terdiri daripada; Long Jailani, To' Muda Yusof, To' Adam, To' Don, Panglima Kedu, Bilal Dris, Awang Satat, Che' Long Pak Lalah, To' Bawu (mertua Dato' Bahaman) dan To' Haji Adam.

Pasukan Pulau Tawar, yang panglima-nya ia-lah Imam Perang Rasul, dan ditugaskan untuk menyerang dari Kuala Kubu sa-behun meneruskan serangan ke-Kuala Selangor, mempimpin 600 orang askar dan 11 orang pahlawan<sup>2</sup> handal dari Pahang.

Pahlawan<sup>2</sup> pasukan Pulau Tawar, sa-lain daripada Imam Perang Rasul sendiri, ia-lah; Panglima Raja Wan Ishak, Imam Perang Yaman, Imam Perang Tajoh Lapis, Imam Perang Ibrahim, To' Muda Sulaiman, To' Muda Keria bin Ali Tebing, To' Muda Keria, Imam Adam bin Imam Omar, Imam Omar bin Imam Hamzah dan Pahlawan Lawi.

Sa-telah tersusun segala pasukan, masing<sup>2</sup> mengetahui tugas, maka kedengaranlah pekek sorak pahlawan<sup>2</sup> Pahang menyuarakan perkataan: "Kita tuju Klang". Maksud pahlawan<sup>2</sup> itu ia-lah Selangor, kerana Selangor di-masa itu di-kenal hanya sa-bagai Klang.

## 9. PERJUANGAN ASKAR<sup>2</sup> PAHANG

Pada saat angkatan perang Pahang yang di-pimpin oleh Dato' Bahaman menyeberang masok ka-dalam negeri Selangor pada awal bulan July 1872 dari tiga jurusan — pasukan Dato' Bahaman menuju Ulu Klang, Pasukan Imam Mat Akil bergerak ka-Kepong, dan pasukan Imam Perang Rasul mara ka-Kuala Kubu — perang saudara sedang bergelora dengan haibat-nya.

Raja Mahadi dan angkatan-nya sa-telah undor dari Kuala Selangor berikutan dari peristiwa kapalperang "Rinaldo" dalam bulan July 1871 telah menyusun dua pasukan yang handal untuk menyerang balas. Raja Mahadi sendiri memimpin satu pasukan menyerang Kuala Selangor dari arah Ulu Selangor, dan satu pasukan lagi di-pimpin oleh penglima Mashor dan penglima Chong Chong dari puak "Ghi Hin" yang berkubu di-Kanching untuk menawan Kuala Lumpur.

Ketiga<sup>2</sup> pasukan Pahang itu tiba di-tempat<sup>2</sup> yang mereka tuju pada ketika Raja Mahadi sedang memulakan serangan balas-nya. Oleh kerana perhubungan terlalu amat sukar di-waktu itu, maka ketibaan askar<sup>2</sup> Pahang itu tidak di-ketahui oleh pasukan<sup>2</sup> Tengku Kudin yang mempertahankan Kuala Lumpur dan Kuala Selangor.

Sementara menunggukan otusan rasmi Sultan Selangor, dan berjaga<sup>2</sup> supaya tidak terperangkap kerana belum mengenal dengan pasti mana satu pemberontak dan mana rakan, maka Dato' Bahaman telah memerentahkan askar<sup>2</sup>-rakan,

nya berkeinah di-Kepong dan Ulu Langat. Sementara menggunakan utusan rasmi Sultan Selangor yang akan membawa mereka ka-medan perang, pasukan panglima Mashor terus menerus menyerang Kuala Lumpur yang di-pertahankan pada masa itu oleh Kapitan Yap Ah Loy bersama<sup>2</sup> dengan pelombong<sup>2</sup> China puak "Hai San". Pertahanan Yap Ah Loy di-bantu oleh satu pasukan tentera<sup>2</sup> upahan Tengku Kudin yang di-pimpin oleh beberapa orang petualang<sup>2</sup> Eropah.

Pasukan panglima Mashor yang menguasai sekitar kawasan perdalaman Kuala Lumpur termasok Ulu Langat, dan Kepong tidak menentang kedatangan angkatan perang Pahang itu. Malahan sa-lama beberapa ketika terdapat perhubungan baik di-antara askar<sup>2</sup> Pahang dengan Hulu-balang<sup>2</sup> Panglima Mashor. Namun demikian penglima Mashor tidak berapa senang dengan keterangan Panglima<sup>2</sup> Pahang yang berterang<sup>2</sup> berkata bahawa kedatangan mereka ia-lah hendak membantu Sultan Selangor. Penglima Mashor tidak berjaya memujok penglima<sup>2</sup> Pahang itu untuk memperchayai bahwa ia dan Raja Mahadi ia-lah orang<sup>2</sup> Sultan yang menentang pengachau<sup>2</sup> di-Kuala Lumpur dan Klang. Dato' Bahaman tetap mahu kepastian dari Sultan atau dari utusan rasini yang telah mengadap Sultan Pahang sa-bilum menerentahikan askar<sup>2</sup>-nya berperang menentang "musoh" Sultan Selangor yang sa-benar-nya. Pendek kata Dato' Bahaman mahu mengenali lebih dulu, siapa musoh dan siapa kawan.

Penglima Mashor berasa khuatir bahawa sa-kira-nya angkatan perang Pahang itu membantu Tengku Kudin, maka rancharangan-nya menawan Kuala Lumpur tentu-lah gagal. Sementara askar<sup>2</sup> Pahang berkeinah di-Kepong dan Ulu Langat, Penglima Mashor telah menerima perentah

dari Raja Mahadi supaya segera menawan Kuala Lumpur. Raja Mahadi yang sedang menyerang Kuala Selangor telah menerima maalumat bahawa askar<sup>2</sup> Pahang telah tiba dan berkemah di-Kuala Kubu menunggu perentah dari penglima besar-nya Dato' Bahaman di-Ulu Klang. Raja Mahadi juga telah menerima maalumat angkatan perang Pahang itu masuk di-Selangor dengan tipu daya Tengku Kudin.

Raja Mahadi mengetahui kedudukan-nya amat merbahaya, dan mengutus satu rombongan untuk mengadap baginda Sultan Abdul Samad di-Jugra mendesak baginda menitahkan penglima<sup>2</sup> Pahang supaya berjuang di-selbelah pihak-nya menentang Tengku Kudin dan berasa yakin bahawa baginda tentu akan menerima persembahan-nya itu, kerana ia (Tengku Mahadi telah menerima risek<sup>2</sup> bahawa baginda berasa tidak senang dengan tingkah laku Tengku Kudin sa-lepas peristiwa kapalperang "Rinaldo", dan ke-datangan Birch ka-Jugra). Sa-lain dari ini, Raja Mahadi menyatakan kesanggupan-nya bahawa sa-lepas Selangor aman sa-mula, baginda-lah yang akan menentukan pem-bahagian chukai<sup>2</sup> di-Klang dan Kuala Lumpur.

Untuk memperkuat persembahan-nya, Raja Mahadi menggunakan tipu helah perang ia itu dengan memerentahkan Panglima Mashor menawan Kuala Lumpur. Dengan kemenangan ini, Raja Mahadi mengira rapkan baginda akan bertambah yakin kepada kekuatan-nya, dan dengan kemenangan itu baginda tentu dapat mengagak bahawa jika askar<sup>2</sup> Pahang di-gerakkai berjuang di-pihak-nya, maka kekuatan Tengku Kudin di-Klang boleh dengan mudah di-hilangkan.

Sa-telah menerima perentah dari Raja Mahadi itu, maka Panglima Mashor pun membuat persiapan<sup>2</sup> di-Ulu

Klang, dan Ulu Langat di-hadapan mata askar<sup>2</sup> Pahang. Dan dengan bantuan pelombong<sup>2</sup> puak "Ghi Hin" pimpinan Panglima Chong Chong, maka Panglima Mashor pun menerang Kuala Lumpur dari tiga penjuru — utara, timur dan selatan.

Beberapa hari kemudian, sa-telah terjadi perjuangan sengit, Kuala Lumpur jatoh ka-tangan Panglima Mashor dalam pertengahan bulan August 1871.

Pada masa Kuala Lumpur jatoh askar<sup>2</sup> Pahang yang tiba sejak akhir bulan July 1871 masih berkemah di-Ulu Klang, dan Kepong.

Pelombong<sup>2</sup> puak "Hai San" dan askar<sup>2</sup> upahan Tengku Kudin yang mempertahankan Kuala Lumpur lari ka-Klang tetapi telah di-perangkap oleh askar<sup>2</sup> Raja Mashor di-Petaling. Hampir semua anggota<sup>2</sup> pasukan yang terperangkap itu telah mati di-bunuh. Orang<sup>2</sup> yang terselamat telah melaporkan kapada Tengku Kudin tentang kekalahan Yap Ah Loy di-Kuala Lumpur. Yap Ah Loy sendiri telah lari ka-Klang bersama<sup>2</sup> pengawal<sup>2</sup> peribadi-nya melalui laut.

Kebetulan pada ketika Kuala Lumpur jatoh, Tengku Kudin telah menerima ma'alonmat dari pengakap<sup>1</sup>-nya di-Ulu Klang mengenai ketibaan angkatan perang Pahang.

Tidak berapa lama sa-telah Kuala Lumpur jatoh, Raja Mahadi berjaya menawan sa-mula Kuala Selangor, seluroh kawasan Ulu Selangor, dan seluroh kawasan Kuala Lumpur, sekarang terletak dalam genggaman-nya.

Sa-lama sa-bulan (September 1872) kedua<sup>2</sup> pihak menyusun barisan masing<sup>2</sup>. Raja Mahadi mengumpulkan segala kekuatan untuk melakukan penyerangan yang terakhir —

ka-Klang melalui jalan laut dari Kuala Selangor, dan melalui darat dari Kuala Lumpur. Sementara itu ia menunggu pula kejayaan rombongan-nya yang di-utus ka-Jugra meminta Sultan Abdul Samad menitahkan askar<sup>2</sup> Pahang berperang di-sabelah pehak-nya.

Harapan Raja Mahadi gagal. Sabelum rombongan-nya tiba di-Jugra, Tengku Kudin telah berjaya mengirim Utusan yang mula<sup>2</sup> mengadap Sultan Ahmad di-Pahang menemui Dato' Bahaman di-Ulu Klang. Angkatan perang Pahang sekarang telah mengenal musoh. Pada kacha mata mereka, angkatan Raja Mahadi ia-lah kaum pemberontak. Langkah perang selanjut-nya di-ranchangkin. Askar<sup>2</sup> Pahang di-kerah menyerang Kuala Lumpur dari arah Kepong dan Ulu Klang, sementara Tengku Kudin menggempor dari arah Klang.

Perjuangan merebutkan Kuala Lumpur di-mulakan pada awal bulan November 1872. Pertahanan panglima Mashor terlalu kuat. Askar<sup>2</sup> Pahang ramai yang terkorban di-serang hendap oleh pasukan Panglima Mashor yang telah memasang perangkap sejak beberapa lama di-beberapa tempat di-pingir Ampang, Ulu Klang, dan Kepong. Kema-raan Tengku Kudin yang membawa satu pasukan besar terdiri dari tentera<sup>2</sup> upahan dan pelombong<sup>2</sup> China puak "Hai San" telah terhenti di-Petaling. Bunuh membinoh berlaku amat dahshat di-sini. Beratus orang dari kedua belah pihak telah mati sa-tiap hari.

Dato' Bahaman sa-telah mendapati askar<sup>2</sup> Pahang ramai yang terkorban kerana termasuk ka-dalam perangkap musoh, telah mengundorkan sa-mula pasukan<sup>2</sup>-nya ka-Kepong dan Ulu Klang. Sementara angkatan perang Pahang ini undor, Panglima Mashor dan Panglima Chong Chong

puak "Ghi Hin" terus menerus menggempor dan mengundorkan pasukan Tengku Kudin sa-tapak demi sa-tapak dari Petaling. Kedudukan tentera<sup>2</sup> Kudin mulai kuchar kahir, dan ramai di-antara pelombong<sup>2</sup> "Hai San" telah membuang senjata lalu lari sa-mula ka-Klang.

Ketika tentera Tengku Kudin sedang mengalami kehanchoran-nya di-Petaling, Dato' Bahaman telah mengirim satu pasukan lasak yang kecil jumlah-nya membinasakan satu demikian perangkap<sup>2</sup> Panglima Mashor di-pinggir Kuala Lumpur. Sa-lain dari tindakan membinasakan ranjau<sup>2</sup> musoh itu, Dato' Bahaman juga menggunakan satu tipu helah perang menyerang Kuala Lumpur dari dalam.

Sa-bahagian dari askar<sup>2</sup> Pahang telah berjaya menyeludup masok ka-dalam kawasan Kuala Lumpur. Mereka masok menyamarkan diri sa-bagai keluarga orang<sup>2</sup> sakai atau orang<sup>2</sup> pelarian perang.

Sa-telah menyeludup, askar<sup>2</sup> Pahang itu segera bertindak menggempor benteng pertahanan Kuala Lumpur dari dalam. Perjuangan berlaku dengan haibat-nya, askar<sup>2</sup> Pahang telah membakar rumah<sup>2</sup> atau bangsal<sup>2</sup> Iombong. Sa-waktu hurohara serta keributan yang timbul dari kebakaran<sup>2</sup> yang sedang berlaku, maka angkatan perang Pahang menobros masok ka-Kuala Lumpur dari beberapa penjuru.

Pertahanan Penglima Mashor menjadi kelam kabut, akhir-nya lari ka-arah Petaling, di mana satu pasokannya yang di-pimpin oleh penglima Chong Chong sedang bertindak mengusir tentera<sup>2</sup> Tengku Kudin.

Penglima Mashor serta askar<sup>2</sup>-nya telah di-buru oleh pasukan Imam Mat Akil, sementara Dato' Bahaman dan bulubalang<sup>2</sup>-nya membinasakan saki baki tentera<sup>2</sup> Penglima

Mashor yang masih melawan di-beberapa kawasan perlombongan di-pigir Kuala Lumpur. Perlawanan itu dengan mudah dapat di-patahkan.

Kemenangan askar<sup>2</sup> Pahang di-Kuala Lumpur telah menaikkan semangat tentera<sup>2</sup> Tengku Kudin yang hampir<sup>2</sup> binasa di-Petaling. Pasukan Penglima Imam Mat Akil apabila saja tiba di-Petaling terus menggempur pertahanan musoh-nya di-situ. Penglima Chong Chong sekarang menghadapi musoh dari dua jurusan. Pasukan penglima Mashor yang tiba sa-telah melaikan diri dari Kuala Lumpur banyak yang luka<sup>2</sup> atau tidak terdaya lagi untok berjuang. Perjuangan bermatiaw<sup>2</sup> berlaku di-situ kira<sup>2</sup> tiga hari. Mayat bergelimpangan di-paya<sup>2</sup>, di-lumbong<sup>2</sup> dan terapong<sup>2</sup> hanyut dalam Sungai Klang. Akhir-nya pertahanan penglima Mashor - Chong Chong dapat di-patahkan sama sa-kali sa-telah pasukan Dato' Bahaman tiba. Penglima Mashor dan penglima Chong Chong serta pengikut<sup>2</sup> mereka yang terselamat lari ka-arah Sungai Buloh memintas jalan hutan. Dengan ini musnahlah kekuatan Raja Mahadi di-sekitar kawasan perlombongan Kuala Lumpur hingga ka-Klang (pertengahan November 1872).

Sa-telah kemenangan itu di-peroleh, Dato' Bahaman dengan panglima<sup>2</sup> dan pahlawan<sup>2</sup>-nya telah pergi ka-Kuala Langkat untok menghadap dan menguchapkan ta'at setia kapada Sultan.

Ketibaan pahlawan<sup>2</sup> Pahang itu telah di-sambut baik oleh baginda Sultan Abdul Samad dengan di-adakan januan dan majlis kebesaran negeri.

Dato' Bahaman telah berjanji kepada Sultan Abdul Samad bahawa dia akan berusaha untok menghapuskan pemberontak dari bumi Selangor, saperti yang telah dapat di-lakukan di-Kuala Lumpur.

Kerana mengenang jasa baik pahlawan<sup>2</sup> Pahang, Sultan Abdul Samad telah memberikan hadiah sa-persalinan kapada pahlawan<sup>2</sup> itu.

Persembahan ta'at setia Dato' Bahaman serta pahlawan<sup>2</sup> Pahang itu, bukan saja merupakan satu sokongan moral, malahan mempertegoh tarap baginda sa-bagai Sultan negeri Selangor. Baginda pada hakikatnya sekarang telah mempunyai satu angkatan perang yang bersedia menegakkan kedaulatan, dan kekuasaan baginda dalam negeri.

Tengku Kudin telah menjadi orang yang berpengaroh sa-kali dengan kemenangan yang baru di-chapai di-Kuala Lumpur mulai berasa tidak senang. Ia menyedari bahawa Sultan Abdul Samad hanya perlu mengeluarkan tiga patah perkataan, "Musnahkan Tengku Kudin", dan angkatan perang Pahang tidak akan ragu bertindak.

Tetapi Sultan Abdul Samad yang sentiasa mengikuti perkembangan perang saudara, dengan bijaksana pula tidak melakukan sa-suatu yang boleh membangkitkan persengketaan antara baginda dengan Tengku Kudin. Baginda memerlukan masa untuk menegakkan kedaulatan-nya. Ta'at setia angkatan perang Pahang itu sa-bagai satu rahmat kapada baginda. Tengku Kudin juga bijaksana tidak meralah gunakan pengaroh-nya, dan juga memerlukan masa yang sesuai sa-telah angkatan perang Pahang di-undorkan untuk menyingkirkan atau sa-kurang<sup>2</sup>-nya melimpolikan kuasa Sultan.

Sumpah taat setia dari angkatan perang Pahang itu, juga sa-umpama menyerahkan tongkat kapada si-tempang, dan Sultan Abdul Samad tidak hanya terus memenuhi harat yang di-kenakan oleh Pahang ka atas Selangor — membayar wang tunai sa-banyak \$100 sa-tahun — malah

telah menghadiahkan daerah Kuala Kubu kepada Dato' Bahaman.

Dato' Bahaman, di-sabalek-nya pula, telah menolak kurniaan Sultan Abdul Samad dengan sebab yang munasabah, dan di-persetujui oleh baginda.

Dua sebab yang di-berikan oleh Dato' Bahaman menolak kurniaan Sultan Abdul Samad ia-lah kerana perajurit<sup>2</sup> Pahang tidak berchita<sup>2</sup> untuk melebarkan kawasan negeri Pahang, dan kedua; hanya membulatkan taat setia-nya kepada satu Raja sahaja, ia-itu Sultan Ahmad Pahang.

Biar pun Sultan Abdul Samad menerima alasan<sup>2</sup> yang di-berikan oleh Dato' Bahaman menolak kurniaan-nya, malah baginda memberikan segala kebebasan kapada Dato' Bahaman yang sama sa-tarap dengan orang<sup>2</sup> besar negeri Selangor. Tegas-nya Dato' Bahaman bebas untuk berbuat apa sahaja, seperti orang<sup>2</sup> besar negeri Selangor.

## 10. ANGKATAN IMAM PERANG RASUL

Angkatan Imam Perang Rasul, yang di-tugaskan oleh Dato' Bahaman supaya menyerang pehak pemberontak di-Kuala Kubu, ia-lah angkatan yang mengalami keazaban dan penderitaan. Ini ia-lah di-sebabkan oleh angkatan itu telah di-ketahui oleh pehak Raja Mahadi.

Pehak pemberontak yang menanti serangan angkatan Imam Perang Rasul di-Kuala Kubu ada-lah di-bawah per-tadbiran To' Panglima Kutin, dan Imam Perang Berantai. Kekuatan mereka ia-lah kira<sup>2</sup> 1,000 orang. Sementara kekuatan angkatan Imam Perang Rasul hanya berjumlah 600 orang saja.

Dalam suatu pertempuran yang berlaku pada hari pertama — yang memakan masa satu hari suntok — pehak Imam Perang Rasul telah kehilangan 100 orang.

Mendapati angkatan-nya menemui tentangan baibat, dan angkatan-nya tidak dapat menembusi kubu musoh, Imam Rasul telah menukar chara perang-nya — memehahkan angkatan-nya kepada beberapa pasukan kecil. Tetapi chara ini juga telah dapat di-tentang oleh pehak musoh, hingga menyebabkan pahlawan<sup>2</sup> Pahang tidak dapat bergerak maju.

Imam Rasul telah berkubu di-Bukit Limau Nipis, dan bertahan di-situ untok beberapa waktu.

Sementara menunggu masa yang baik untok melancarkan serangan-nya, Angkatan Imam Rasul telah mengalami

kepayaahan untuk mendapat barang<sup>2</sup> makanan. Ini ia-lah di-sebabkan oleh pihak pemberontak telah niengadakan kawalan rapi.

Pihak pemberontak telah mengambil padi dan hasil pertanian raayat untuk keperluan tentera<sup>3</sup>-nya.

Untuk mengatasi kekurangan barang<sup>2</sup> makanan, maka angkatan Imam Rasul telah mengadakan gerakan mencari makanan di-sekitar kawasan Bukit Limau Nipis.

Anggota<sup>2</sup> angkatan Imam Rasul tidak sadikit yang pergi merayau ka-kebun<sup>2</sup> China mengambil sayoran, ubi, keledek dan keladi. Tetapi Imam Rasul sendiri enggan berbuat demikian. Beliau hanya bergantong dengan umbut pisang hutan.

Keadaan Imam Rasul yang sademikian itu — memakan umbut pisang dan umbut<sup>2</sup> lain — sa-lama 6 bulan bertahan di-bukit tersebut telah mendapat gelaran baru; Dato' Perang Gajah. Gelaran ini mungkin ketabahan hati beliau bertahan, tidak mahu undor kerana kekurangan makanan, atau pun kerana memakan umbut<sup>2</sup> pisang dan pokok<sup>2</sup> lain seperti kebiasaan gajah.

Bagaimana pun gelaran itu akhir-nya melekat dan Imam Perang Rasul lebih terkenal dengan gelaran baru-nya — Dato' Perang Gajah, dan pernah pula di-sebut dengan lengkas sahaja sa-bagai Dato Gajah.

Dalam keadaan keputusan barang<sup>2</sup> makanan, pada suatu hari Imam Perang Rasul atau Dato' Gajah bersiar<sup>2</sup> dengan beberapa orang pahlawan-nya di-kaki Bukit Limau Nipis. Mereka mendapati penduduk<sup>2</sup> di-kawasan itu sedang mengadakan satu majlis perkawinan.

Dato' Gajah dan anak<sup>2</sup> buahinya menyangka dalam majlis saperti itu tentu ada makanan. Tetapi alang-

kah bampa hati mereka, bila mendapati, tiada makanan di-hidangkan dalam majlis itu.

Daripada orang<sup>2</sup> yang menghadiri majlis itu-lah Dato' Gajah mendapat tahu bagaimana kejam-nya pebak pem-berontak merampas barang<sup>2</sup> makanan.

Suatu kejadian yang lucu tetapi menyedehkan telah berlaku di waktu itu, bila salah sa-orang tentera Pahang terpandang kapada sa-ketul daging kering tergantong di-jenang rumah pengantin yang sedang di-raikan itu.

Dengan berteriak kegembiraan, askar itu terus meragut daging tersebut untuk di-makan-nya.

Melihat telatah askar itu, orang<sup>2</sup> yang menghadiri majlis tersebut berteriak: "Oh!..... Enche..... janganlah Enche' ambil benda itu. Itu temuni budak...!"

Askar itu tidak menghiraukan larangan orang<sup>2</sup> tersebut. Tetapi apabila di-gigit-nya daging itu, di-dapati-nya daging itu terlalu liaf. Sementara itu beberapa orang yang menghadiri majlis itu bersumpah<sup>2</sup> mengatakan bahawa benda itu bukan-lah daging, tetapi temuni budak.

Mungkin kerana perchaya dengan keterangan orang<sup>2</sup> itu, dan mungkin terlalu liaf nya benda itu untuk di-gigit, maka askar tersebut telah menchampakkkan kembali benda tersebut.

Kejadian itu telah menyebalkan banyak rakan<sup>2</sup> angkatan Dato' Gajah ketawa, dan mengusek<sup>2</sup> askar yang raksus itu.

Dalam gelak tertawa mengusek<sup>2</sup> rakan mereka, kedengaran juga di-antara-nya yang mengatakan: "Bukan-kah satu kejadian kapada orang<sup>2</sup> Pahang kelak, apabila orang<sup>2</sup>

Selangor membuat cherita yang orang Pahang makan temuri."

"Eh, mana-lah kawan tahu, benda itu temuri? Tidak pernah terjadi pula temuri budak di-keringkan di-jenjang pintu," kata askar tersebut, yang kini sudah kemalu<sup>2</sup>an.

Melihat keazaban anggota<sup>2</sup> angkatan-nya Dato' Gajah merasa sedeh juga, tetapi beliau hanya menasihatkan supaya sabar dahulu.

Hasrat pahlawan<sup>2</sup> Pahang yang ingin berpatah balek ka-Pahang terus terpendam, apabila Dato Gajah berkata; "Kita anak<sup>2</sup> Melayu Pahang tidak harus berundor kerana kekurangan makanan. Ingat semangat keperwiraan kita — setia kepada Raja dan taat kepada perentah..... Kita nesti menggenggam bara api biar sampai jadi abu, kalau kita di-perentah oleh Raja."

## 11. ANGKATAN DATO' SHAH BANDAR JIDIN

Sa-bulan sa-telah Angkatan Perang Pahang yang di-pimpin oleh Dato' Bahaman masok ka-Negeri Selangor, maka menyusul pula satu lagi pasukan tambahan yang di-pimpin oleh Dato' Shah Bandar Jidin.

Pasukan tambahan Pahang itu tiba di-kawasan Kuala Kubu di-pertengahan bulan August 1872. Pasukan Raja Mahadi di-pimpin oleh Imam Perang Berantai telah menghalang pasukan tambahan itu dari bersekutu dengan pasukan Imam Perang Rasul yang sedang di-buru<sup>2</sup> oleh satu lagi pasukan Raja Mahadi yang di-pimpin oleh To' Panglima Kutin.

Oleh kerana perhubungan terlalu susah, tambahan pula mengalami kesusahan makanan, maka pasukan tambahan ini terpaksa berundor sa-mula ka-Pahang untuk membawa bekalan makanan kapada pasukan Imam Perang Rasul. Pengundoran ini di-lakukan dalam bulan September tahun itu juga.

Kebetulan sa-waktu pasukan tambahan itu tiba di-Pahang, Dato' Bendahara dengan persetujuan Sultan Ahmad sedang menyediakan satu pasukan lagi yang akan di-kirim ka-Selangor melalui jalan laut. Langkah ini telah di-ambil sa-telah Sultan Ahmad menerima perutusan dari Tengku Kudin, dan juga sa-puchok surat dari Gabnor Sir Harry Ord meminta bantuan askar<sup>2</sup> Pahang di-hantar melalui jalan laut untuk membinasakan kedudukan Raja Mahadi di-Kuala Selangor. Pengiriman askar<sup>2</sup> dari jalan darat

sa-makin sukar kerana pasukan Raja Mahadi bertahan kuat di-kawasan Ulu Selangor, dan di-pingir Kuala Kubu.

Sa-telah enam bulan tidak mendapat kabar tentang angkatan<sup>2</sup> Dato' Bahaman dan Dato' Gajah (Imam Perang Rasul) maka Sultan Ahmad Pahang telah mengambil keputusan membenarkan angkatan Dato' Shah Bandar Jidin untuk pergi ka-negeri Selangor melalui laut.

Sementara itu pengakap<sup>2</sup> telah di-hantar ka-Kuala Kubu, dan Kuala Langat memberitahu Dato' Bahaman mengenai pengiriman askar<sup>2</sup> tambahan itu melalui jalan laut.

Dato Bahaman kemudian memerentahkan angkatan Imam Perang Rasul di-Kuala Kubu supaya berlindong, dan menunggu ketibaan pasukan tambahan melalui jalan laut. Pasukan itu di-jadualkan tiba dalam bulan December 1873.

Dato' Shah Bandar Jidin telah berlepas dengan 30 buah perahu besar dengan kekuatan tentera sa-ramai 250 orang perwira melalui Laut China, kemudian berpusing di-Selat Teberau langsung terus mengikut pantai Tanah Melayu di-selat Melaka.

Angkatan Dato' Shah Bandar meneruskan pelayarannya terus ka-Kuala Selangor, kubu pemberontak yang terkuat sa-kali.

Kesah ketibaan angkatan Dato Shah Bandar Jidin telah di-ketahui oleh Dato' Bahaman dan Dato' Gajah.

Dato' Bahaman kemudian mengator langkah dan membawa 9 orang pahlawan<sup>2</sup>-nya; Long Jailani, Che' Long Pa' Lalat, To' Muda Yusof, To' Panglima Kedu, To' Don, Bilal Dris, Awang Satat, To' Haji Adam dan To' Bima bertolak dari Klang mengikut jalan darat menuju Kuala Selangor.

Dato' Gajah (Imam Ferang Rasui) juga telah mengator langkah angkatan-nya untuk mara dari Kuala Kubu menuju Kuala Selangor.

Pada suatu malam, hujan turun dengan lebat, Dato' Bahaman telah bertemu dengan Dato' Shah Bandar Jidin di-suatu tempat di-Kuala Selangor.

Kedua<sup>2</sup> Pahlawan handal Pahang itu telah mendapat kebulatan suara untuk melancharkan serangan-nya ka-atas pehak musoh di-waktu itu juga.

Sa-telah mengator pasukan<sup>2</sup> tentera masing<sup>2</sup>, Dato' Bahaman dan Dato' Shah Bandar Jidin melancharkan serangan mengejut ka-atas pehak pemberontak dan terus ka-markas tertinggi Raja Mahadi dan Ja Asai.

Serangan yang mengejut itu telah membuat pehak pemberontak kelamkabut. Dan dalam kelamkabut itu juga angkatan Dato' Shah Bandar Jidin tiba di-Kuala Selangor. Jadi pada malam itu pehak pemberontak telah menghadapi serangan daripada angkatan perkasa Pahang dari tiga penjuru.

Dalam pertempuran itu hanya Ja Asai sahaja yang di-ketahui handal dan dapat bertentang muka beradu kekuatan dengan Dato' Bahaman. Ja Asai akhir-nya telah dapat di-tewaskan oleh Dato' Bahaman.

Pehak pemberontak, apabila mendapat kabar ketewasan Ja Asai di-tangan Dato' Bahaman, terus berundor atau menyerah diri. Raja Mahadi sendiri lari mula<sup>2</sup> ka-Kuala Langat, kemudian ka-Lukut dengan tujuan hendak menyusun sa-mula pasukan-nya.

Sa-belum akhir bulan December 1873 seluroh kawasan Kuala Selangor, Ulu Selangor, Kuala Kubu, Kuala Lumpur

dan Klang telah jatoh ka-tangan Tengku Kudin dengan pertolongan angkatan perang Pahang.

\* \* \*

### MELAPORKAN KAPADA SULTAN PAHANG

Kehuali tiga orang besar Pahlawan Pahang yang perkasa — Dato' Bahaman, Dato' Gajah (Imam Rasul) dan Dato' Shah Bandar Jidin — pahlawan<sup>2</sup> lain telah terus balek ka-kampong masing<sup>2</sup>.

Ketiga<sup>2</sup> orang besar itu telah menghadap Sultan Ahmad untuk memberi laporan tentang kejayaan mereka.

Oleh kegembiraan, Baginda Sultan Ahmad telah mengadakan keraiuan di-ittana-nya dan telah mengurniakan pangkat<sup>2</sup> kapada Pahlawan<sup>2</sup> perkasa itu.

Imam Rasul, yang dalam peperangan saudara di-Selangor mendapat gelaran Dato' Gajah, telah mendapat gelaran baru — Imam Perang Setia Raja Gajah Pahang.

Sultan Ahmad, sa-bagai mengenang jasa yang gumiang Dato' Bahaman, telah memberi gelaran kapada beliau gelaran Orang Kaya Indra Pahlawan.

Gelaran baru Dato' Bahaman, Orang Kaya Indra Pahlawan, ada-lah sa-rupa dengan pangkat Ketua Turus Agong di-masa ini.

Gelaran itu tidak hanya sa-takat perengkat itu sahaja, tetapi membolehkan Dato' Bahaman menjadi Pemangku Sultan sa-waktu Sultan keluar negeri sa-lama dua minggu.

Pahlawan<sup>2</sup> lain yang mendapat persalinan dan pujian tertinggi ia-lah: Dato' Shah Bandar Jidin, Pahlawan Lawi, To' Panglima Ali, To' Muda Keria bin Ali Tebing Tinggi,

Imam Perang Aman, Imam Perang Yusof Pulau Tawar, Imam Perang Yusof Semantan, To' Muda Bidin dan Panglima Besar Majid.

Peperangan saudara negeri Selangor ini-lah yang memanfaatkan keharuman nama baik perwira<sup>2</sup> Pahang, sehingga menjadi buah mulut orang, kerana keagongan mereka.

## 12. DASAR PINTU TERBUKA

Sir Andrew Clarke, Gabnor baru Negeri<sup>2</sup> Selat dalam bulan November 1874 telah mengeluarkan satu peristiharan dalam warta kerajaan mengenai perlantikan<sup>2</sup> British Resident seperti berikut:

James W. Birch, British Resident di-Perak, dan penolong-nya Captain Speedy.

J.G. Davidson, British Resident di-Selangor, penolong-nya F.A. Swettenham, dan

Captain Tatham, Penolong Resident Sungai Ujong (sekarang Negeri Sembilan).

Peristiharan itu pada hakikat-nya berima<sup>1</sup>ana penjajahan Inggeris telah di-mulakan sa-chara rasmi di-Tanah Melayu. Lama sa-belum peristiharan itu di-keluarkan pegawai<sup>2</sup> Inggeris di-Negeri<sup>2</sup> Selat telah menggunakan segala kesempatan yang terbuka dari kachau bilau yang berlaku di-Perak, Selangor, dan di-Sungai Ujong untuk membelaenggu Tanah Melayu. Mula<sup>2</sup> dengan chara mengadu dombaikan orang<sup>2</sup> besar Melayu, kemudian dengan menggunakan diplomasi kapalperang untuk menakut<sup>2</sup>kan Raja<sup>2</sup> Melayu supaya menerima naungan-nya.

Inggeris telah mempergunakan satu peristiwa ka-satu peristiwa dalam rangka usaha-nya mengembangkan pengaroh-nya di-Tanah Melayu.

Tindakan kapalperang "Rinaldo" di-Kuala Selangor ketika perang saudara sedang memunchak, dan anchaman

Birch di-Jugra menunjukkan betapa licinnya diplomasi penjajahan Inggeris. Kedatangan armada Sir Andrew Clarke ka-Jugra ia-lah satu lagi helah Inggeris.

\* \* \*

Dalam bulan November 1873, sa-buah tongkang China dari Melaka telah di-rompak oleh lanun<sup>2</sup> dekat pantai Jugra. Hanya sa-orang saja anak buah tongkang itu yang selamat. Ketika perampukan itu berlaku ia telah terjut<sup>1</sup> ka-dalam laut lalu bergantong pada pendaroyong tongkang itu. Sa-telah lanun<sup>2</sup> itu milarikan diri, ia naik sa-mula ka-dalam tongkang yang berisi mayat rakan<sup>2</sup>-nya. Tidak berapa lama kemudian ia menompang sa-buah tongkang yang lalu di-situ dalam p̄jalanan-nya ka-Melaka.

Sampai di-Melaka anak buah tongkang yang selamat itu mengadukan hal perampukan tersebut kapada tawkey-nya. Ia mendakwa lanun<sup>2</sup> itu datang dari Melaka. Tidak berapa lama kemudian, beberapa orang Melaka, yang dikatakan ada bersangkutan dengan perampukan itu (hanya dengan dakwaan anak tongkang yang bersembunyi di-dalam ayer ketika kejadian itu berlaku) telah di-tangkap dan di-hukum oleh pehak berkuasa Inggeris.

Kejadian perampukan dekat pantai Jugra itu-lah yang telah di-gunakan oleh Sir Andrew Clarke dalam bulan Febuary 1874 untuk memaksa Sultan Abdul Samad menerima naungan Inggeris. Kebetulan pada masa itu armada angkatan laut Inggeris di-laut China yang dipimpin oleh laksamana Sir Charles Shadwell sedang berlabuh di-Singapura. Armada ini-lah yang di-bawa oleh Sir Andrew Clark ka-Jugra untuk menunjukkan kekuatannya kepada Sultan Abdul Samad.

Kapal perang<sup>2</sup> Inggeris itu menembak dengan haibatnya sa-bagai tanda kedatangan Sir Andrew, dan telah berjaya "mempelawa" Sultan Abdul Samad naik ka-dalam kapal-nya.

Baginda telah di-ugut tentang kejadian rompak yang berlaku dalam bulan November 1873 itu kerana tongkang yang bersangkutan ia-lah kepunyaan warga negara Inggeris. Sir Andrew menuntut Sultan membayar ganti rugi, dan menghukum orang<sup>2</sup> yang bersalah. Nama Tengku Kudin telah di-sebut<sup>2</sup> sa-kira-nya baginda engkar menerima kemahuan Inggeris.

Sultan Abdul Samad sa-makin bertambah khuatir atas keselamatan dan kedudukan-nya apabila Tengku Kudin dibawa ka-dalam kapal gabnor Inggeris itu. Gabnor Clarke terus mengugut baginda bahawa perang saudara dan serangan lariun<sup>2</sup> dari Jugra itu telah membahayakan perdagangan raayat Inggeris di-Negeri<sup>2</sup> Selat, dan ia terpaksa champor tangan menghentikan kachan bilau itu. Baginda di-ugut supaya bersetuju memberi kuasa penoh kapada Tengku Kudin untuk membolehkan keamanan di-seluruh negeri, dan hendak-lah setuju pula menerima naungan Inggeris.

Sultan Abdul Samad chuba mengelak sa-berapa yang terdaya dari terperangkap. Baginda mengulangi chadangan-nya hendak membentok sa-buah Majlis di-Raja Selangor untuk mentadbirkan seluruh negeri. Gabnor tidak mengendahkan chadangan itu kerana bila di-laksanakan kelak kuasa Tengku Kudin akan terbatas. Gabnor kemudian mengugut baginda bahawa sa-kira-nya enggan juga menurut kemahuan-nya, maka Inggeris tidak ragu<sup>2</sup> akan mengangkat salah sa-orang daripada anak<sup>2</sup> raja yang sanggup menerima kemahuan Inggeris menjadi Sultan. Sa-telah mengetahui Inggeris benar<sup>2</sup> akan melakukan apa yang telah di-sebut-

aya itu, tambahan pula Tengku Kudin telah di-sebut<sup>2</sup>, maka baginda pun setuju memberi kuasa penoh kapada Tengku Kudin.

Untuk membuktikan kuasa Tengku Kudin tiada terbatas, Sir Andrew telah mendesak baginda supaya menangkap lanun<sup>2</sup> yang bertanggong jawab dalam perampukan bulan November 1873, dan di-bicharakan di-hadapan Tengku Kudin. Sa-telah baginda setuju, maka anak tongkang yang terselamat dalam perampukan November 1873 itu di-bawa ka-darat untuk mengenali apa yang di-katakan lanun<sup>2</sup>. Kira<sup>2</sup> 12 orang Melayu Jugra telah di-tangkap lalu dibicharakán. Dengan kekuatan saksi yang sa-orang itu yang telah terjun ka-dalam laut dan bergantong di-pendayong tongkang ketika perompakan sedang berlaku, maka kedua<sup>2</sup> belis orang Melayu<sup>2</sup> Jugra itu telah di-hukum mati. Keputusan pengadilan itu telah di-sembahkan kapada Sultan, dan baginda pun menyerahkan keris-nya sendiri untuk menghukum orang<sup>2</sup> yang di-katakan bersalah itu.

Pada saat Armada Sir Andrew Clarke tiba di-Jugra, perang saudara telah berubah keadaan-nya. Bantuan askar<sup>2</sup> Pahang yang berjuang di-sabelah pehiak Tengku Kudin atas nama Sultan telah menyebabkan Raja Mahadi serta pengikut<sup>2</sup>-nya terusir dari Kuala Lumpur, Ulu Klang dan Kuala Selangor. Kedudukan Tengku Kudin terlalu amat kuat ketika itu, sa-hingga Sultan Abdul Samad sendiri sentiasa dalam ketakutan.

Sa-orang dua anak raja Selangor yang menyebelahi Tengku Kudin telah menggunakan kemenangan yang baru di-clipai itu untuk menggulingkan Sultan. Komplotan ini segera di-halangi oleh Tengku Kudin kerana bimbangkan askar<sup>2</sup> Pahang yang masih ramai di-Selangor. Kapada orang<sup>2</sup> Pahang kemenangan itu ia-iai kemenangan Sultan.

Kunjongan panglima<sup>2</sup> Pahang ka-Istana Sultan di-Jugra dengan sendiri-nya pula menjadi satu amaran kapada pehak<sup>2</sup> yang hendak merebut takhta kerajaan.

Tengku Kudin menyedari bahawa pahlawan<sup>2</sup> Pahang itu datang ka-Selangor sa-telah di-titahkan oleh Sultan Ahmad supaya membantu Sultan Selangor. Hanya kebetulan saja, rombongan Tengku Kudin yang pergi ka-Pahang menyembahkan pertolongan askar itu atas nama Sultan.

Diplomasi Inggeris (1870) mengharapkan bantuan askar<sup>2</sup> Pahang itu dapat melibatkan Sultan Abdul Samad sa-chara langsung dalam perang saudara. Tetapi sa-telah mengetahui Tengku Kudin yang mempergunakan bantuan Pahang itu, dan Sultan Abdul Samad terus menerus berkechuali, maka pehak Inggeris demni kepentingan ranchangan penjajahannya mulai memberi sokongan tegas kapada Tengku Kudin. Sokongan tegas ini di-laksanakan sejak awal tahun 1871, peristewa kapalperang Inggeris "Rinaldo" di-Kuala Selangor. Kemudian Inggeris mulai berdampingan rapat dengan Tengku Kudin. Sumber<sup>2</sup> bekalan dan bantuan Raja Mahadi di-kalangan saudagar<sup>2</sup> Negeri<sup>2</sup> Selat di-sekat sadikit demi sadikit untok melemahkan langkah perang-nya.

Sa-telah Kuala Lumpur jatoh ka-tangan askar<sup>2</sup> Pahang dalam bulan November 1872, Gabenor Sir Andrew Clarke mendapati Raja Mahadi masih kuat di-Kuala Selangor, Ulu Selangor, dan di-beberapa kawasan di-pinggir Kuala Lumpur. Pengiriman askar<sup>2</sup> Pahang ka-Kuala Selangor dan Ulu Selangor melalui jalan darat ada-lah sangat sukar. Raja Mahadi dan pasukan-nya mulai menentang askar<sup>2</sup> Pahang sa-telah Kuala Lumpur jatoh. Pehak Inggeris sa-kali lagi mendesak Sultan Pahang pada akhir bulan December 1872 supaya mengirim askar<sup>2</sup>-nya melalui jalan laut untok menolong Wakil Yam Tuan Selangor, Tengku Kudin.

Dalam Bulan December 1873 satu pesukan besar orang<sup>2</sup> Pahang tiba di-Kuala Selangor dalam berpuloh<sup>2</sup> buah kapal layar. Pertemporan<sup>2</sup> yang sengit telah berlaku, dan beberapa minggu kemudian seluruh Kuala Selangor, dan Ulu Selangor telah jatoh ka-tangan Tengku Kudin.

Raja Mahadi lari ka-Kuala Langat untuk menyusun pasukan-nya. Ia mengirim wakil<sup>2</sup>-nya ka-Melaka untuk mendapatkan bantuan<sup>2</sup> melancharkan serang balas. Mereka balek dengan tangan kosong. Saudagar<sup>2</sup> China bukan saja enggan memberi bantuan, malahan menuntut hutang dari Raja Mahadi. Inggeris rupa<sup>2</sup>-nya telah champor tangan. Dengan tiada-nya bantuan, Raja Mahadi pergi pula ka-Lukut yang pada masa itu di-kuasai oleh Raja Bot, anak mendiang Raja Jumat yang berkechuali dalam perkelahian itu. Raja Mahadi dan pengikut<sup>2</sup>-nya sa-makin tersepit di-Lukut. Bantuan<sup>2</sup> dari saudagar<sup>2</sup> negeri<sup>2</sup> Selat telah terhenti sama sa-kali.

Sa-panjang<sup>2</sup> tahun 1873 perang saudara Selangor telah mula reda. Tengku Kudin terus menerus mempertegap kekuasaan-nya, dan pehak Inggeris di-Singapura terus menerus pula menyusun rancangan mengembangkan pengaroh-nya di-Negeri<sup>2</sup> Melayu. Dan dalam seadaan ini-lah pada bulan Febrary 1874 Sir Andrew Clarke membawa kapalperang<sup>2</sup> ka-Jugra untuk memaksa Sultan Abdul Samad menerima naungan Inggeris, dan memberi kuasa penoh kepada Tengku Kudin mengusai seluruh negeri Selangor.

Sa-belum Sir Andrew Clarke meninggalkan Jugra, persetujuan telah di-chapai bahawa Sultan Abdul Samad setuju berlindong di-bawah bendera Inggeris. Dengan persetujuan ini, Tengku Kudin terus menerus memegang jawatan-nya sa-bagai Wakil Yam Tuan yang berkuasa mentadbirkan seluruh negeri dari Klang, dan baginda berse-

mayam terus di-Jugra dengan menerima wang persaraan sa-tiap bulan. Baginda juga terpaksa setuju menerima sa-orang British Resident membantu Tengku Kudin mentadbirkan negeri. Dengan ini tarap Sultan Abdul Samad telah jatoh sa-jatoh<sup>2</sup>-nya menjadi sa-bagai sa-orang Sultan yang bersara.

Kejayaan Sir Andrew Clarke di-Jugra, dan tipu mus-lihat pegawai<sup>2</sup> Inggeris yang lain di-Perak, dan Sungai Ujong telah membuka kesempatan yang paling mudah kepada Inggeris memulakan penjajahan-nya. Perlantekan British Resident di-istiharkan pada bulan November 1874 itu, pada hakikat-nya ia-lah satu madat yang telah menidor-kan Raja<sup>2</sup> dan orang<sup>2</sup> besar Melayu.

Penjajahan melalui pemerentahan British Resident itu telah di-ranchangkin lama di-London. Sa-lama kira<sup>2</sup> 50 tahun Inggeris menyediakan ranchangan itu, ia-itu sejak Pulau Singapura berjaya di-beli dengan helah Stamford Raffles. Inggeris yang datang terlewat dari Portugis dan Belanda, telah mempelajari segala kesilapan kedua<sup>2</sup> negara penjajah itu, dan tidak mahu terburu<sup>2</sup> meluaskan pengaroh-nya di-Tanah Melayu atau di-lain<sup>2</sup> kepulauan Melayu. Orang<sup>2</sup> Melayu, walau pun hidup dalam pemerentahan kaum feudal Melayu yang dalam banyak perkara dzalim, dan tidak beroperatoran di-zaman itu, maseh tetap meng-hargai maruah diri-nya sa-bagai bangsa yang merdeka. Tambahan pula sistem pemerentahan itu telah menanam-kan pula adat resam taat setia yang tidak bersharat di-antara raayat banyak Melayu kapada Raja dan orang<sup>2</sup> besar-nya, maka Inggeris dapat melihat peri merbahaya-nya menyentoh Raja<sup>2</sup> atau orang<sup>2</sup> besar Melayu. Pegawai<sup>2</sup> Inggeris yang menyiasat kebesaran Raja<sup>2</sup> Melayu mem-berikan kesimpulan ka-London bahawa Tanah Melayu tidak

mungkin dapat di-duduki dengan kekuatan senjata. Perlawanan orang<sup>2</sup> Melayu terhadap kekuasaan Portugis dan Belanda di-Melaka; betapa mudahnya Stamford Raffles membeli pulau Singapura; dan Francis Light mendapatkan Pulau Pinang telah menguatkan kesimpulan pegawai<sup>2</sup> penjajah Inggeris bahawa Tanah Melayu hanya boleh di-jajah dengan diplomasi halus, dan memberikan kebesaran palsu kepada Raja<sup>2</sup> dan Orang<sup>2</sup> Besar Melayu.

Dengan kesimpulan itu-lah, Inggeris memainkan peranan-nya mengadu dombaikan Raja<sup>2</sup> atau orang<sup>2</sup> besar yang berperang sama sendiri seperti yang terjadi di-Selangor, Perak dan Negeri Sembilan. Saudagar<sup>2</sup> Negeri<sup>2</sup> Selat pula di-galakkan berlumba<sup>2</sup> membantu pehak<sup>2</sup> yang bertentangan itu agar mereka chepat binasa. Sa-telah kedua<sup>2</sup> pehak leteh berperang, dan negeri porak peranda, baru-lah Inggeris sa-chara tegas "menolong" pehak yang boleh di-harap-nya dapat menerima pengaroh Inggeris, dan bernaung di-bawah bendera-nya.

Sa-telah pehak<sup>2</sup> yang bersangkutan setuju bernaung, Inggeris tidak sadikit pun menunjukkan belang-nya sa-bagi kuasa penjajah, malahan mendataangkan British Resident yang konon-nya khusus menasihatkan Raja<sup>2</sup> atau orang<sup>2</sup> besar mentadbirkan negeri dengan baik dan sempurna. Undang<sup>2</sup> dan segala peraturan di-buat atas nama Sultan. Raayat banyak yang telah turun temurun taat setia kapada raja, tambahan pula belum masak dalam politik kenegaraan, lantas patoh kapada undang<sup>2</sup> itu. Sultan dan orang<sup>2</sup> besar tidak di-singgong, malahan di-sanjung<sup>2</sup> oleh pehak Inggeris, dan mereka terus menerus menimati kehidupan yang lu-mayan dengan menerima penchen politik. Wang persaraan ini kalau pun tidak lebeh, tetapi tidak kurang jumlah-nya dari wang yang mereka dapati dengan memungut-nya sen-

diri melalui chukai bijeh. Mereka terus menerima wang parsaraan dengan tidak berusaha payah berdayong ka-hulu ka-hilir lagi. British Resident-lah atas nama Sultan yang menguruskan segala pemungutan chukai dan menjalankan kuatkuasa undang<sup>2</sup>. Dengan chara ini, Raja<sup>2</sup> dan orang<sup>2</sup> besar hidup bersenang lenang dengan tidak bimbang apa<sup>2</sup> terhadap komplotan anak<sup>2</sup> raja atau orang<sup>2</sup> besar. Sa-bagai kuasa "penaung", kekuatan Inggeris boleh di-harapkan untok melindungi kepentingan masing<sup>2</sup>. Dengan chara ini sadikit demi sadikit, terlena-lah Raja<sup>2</sup> sa-hingga Inggeris dapat berlaku sewenang<sup>2</sup>-nya dalam negeri.

Berkat pemerentahan fuedalis Melayu sejak zaman berzaman<sup>2</sup> telah tertanam jiwa keperwiraan di-tiap<sup>2</sup> putera puteri Melayu. Sistem pemerentahan ini juga telah me-wujudkan keadaan yang tidak tenteram dalam negeri. Per-ebutan pengaroh di-antara satu guiongan dengan gulongan yang lain, di-antara satu puak dengan puak yang lain menjadi kebiasaan. Hal keadaan yang tidak berubah<sup>2</sup> ini yang di-pusakai turun temurun telah menyemaikan, dan membentuk sifat sa-mula jadi putera puteri Melayu berjiwa perang. Keris, tombak, pedang dan senapang menjadi teman kapada orang<sup>2</sup> Melayu. Keadaan telah menjadikan sa-tiap Melayu yang telah dewasa bertemankan keris untuk mempertahankan diri, puak-nya atau kampong-nya. Mereka di-lateh pula sejak kecil di-kampong Lermain keris. Permainan ini yang di-mahirkan sa-telah mereka dewasa. Kebiasaan ini-lah yang membolehkan orang<sup>2</sup> besar negeri mempunyai askar<sup>2</sup> yang telah terlateh dengan sendiri-nya jika meletus perang, atau untok menyerang musoh.

Inggeris mengetahui untok me:nerentah orang<sup>2</sup> Melayu yang berjiwa perang yang di-tanam oleh keadaan sejak zaman berazam itu bukan-lah satu perkara yang mudah.

Penentangan tetap berlaku jika mereka di-jajah atau dipaksa mengikut perentah pegawai<sup>2</sup> Inggeris. Orang<sup>2</sup> Melayu hanya menurut perentah Raja-nya saja ketika itu. Perang kata Raja, maka berperanglah mereka. Sa-telah mengetahui sa-masak<sup>2</sup>-nya budi pekerti dan adat istiadat orang<sup>2</sup> Melayu, Inggeris pun menggunakan British Resident sa-bagai umpan kapada Raja<sup>2</sup> atau orang<sup>2</sup> besar yang berkuasa. Andai-nya umpan itu mengena, maka terjeratlah pula sakalian raayat Raja atau orang besar. Andai-nya umpan itu binasa, maka Inggeris tidak akan berasa kerugian kerana banyak lagi umpan yang boleh di-datangkan dari London sa-hingga mahu tidak mahu Raja<sup>2</sup> atau orang<sup>2</sup> besar yang berkuasa itu akhir-nya tentu terperangkap juga.

Kehualii di-Perak (Birch) semua umpan<sup>2</sup> penjajah Inggeris telah dapat memanching mangsa-nya dengan jaya-nya. British Resident mengendalikan pemerentahan negeri atas nama Sultan dengan tidak menyentoh ugama Islam, dan adat istiadat bangsa Melayu. Sa-lepas umpan-nya mengena; raja<sup>2</sup> serta orang<sup>2</sup> besar Melayu terlalai, maka Inggeris tidak bertanggoh<sup>2</sup> lagi membuka pintu Tanah Melayu sa-luas<sup>2</sup>-nya kapada orang<sup>2</sup> dagang. Mula<sup>2</sup> orang<sup>2</sup> China di-galakkan masuk ka-Malaya bekerja di-lombong<sup>2</sup>, kemudian sa-telah ladang<sup>2</sup> getah di-buka, orang<sup>2</sup> India pula di-bawa masuk beramai<sup>2</sup>.

Sa-telah raja<sup>2</sup> dan orang<sup>2</sup> besar terlena dengan kebesaran yang palsu, maka Inggeris sadikit demi sadikit berusaha melumpuhkan ekonomi orang<sup>2</sup> Melayu, dan menggalakkan raayat banyak Melayu berchuchok tanah membuka sawah<sup>2</sup>, dan hidup aman damai di-dusun<sup>2</sup> mereka. Dengan ada-nya Sultan yang "di-hormati" Inggeris yang berkuasa perih atas ugama Islam, dan adat istiadat Melayu, maka orang<sup>2</sup> Melayu tidak sadikit pun menyangka negeri

telah terbelenggu; dan sa-telah nusantara di-penohi oleh bangsa asing mereka hidup tiada ubahnya saperti menompong dalam tanah ayer sendiri yang kaya raya.

Satu demi satu lombong<sup>2</sup> Melayu terpaksa di-tutup, atau menjualkan hak melombong kepada saudagar<sup>2</sup> China. Pemodal<sup>2</sup> di-Negeri<sup>2</sup> Selat enggan menghantar bekalan<sup>2</sup>, dan kelengkapan lombong yang di-perlukan sa-kira-nya tidak di-bayar dengan wang tunai. Modal untuk hartawan<sup>2</sup> Melayu mengusahakan lombong telah tertutup sama sa-kali. Saudagar<sup>2</sup> Melayu pula terpaksa gulong tikar kerana di-himpit oleh pemodal<sup>2</sup> Negeri<sup>2</sup> Selat yang telah berlumba<sup>2</sup> masok ka-Tanah Melayu.

Penutupan lombong<sup>2</sup> Melayu, dan kehancuran saudagar<sup>2</sup> Melayu telah melenyapkan satu keimbangan Inggeris bahawa gulongan ini apabila kuat dan berpengaroh sa-mula akan bangun mengancham kuasa Inggeris apabila bangkit kesedaran kebangsaan kelak. Inggeris membunuh kesedaran itu sa-belum ia sempat tumbuh di-kalangan anak<sup>2</sup> raja. Tetapi kesedaran itu tidak mati di-kalangan rakyat Melayu, chuma terpendam hingga sekarang.

Penjajah Inggeris yakin bahawa memerentah sa-buah negeri yang terdiri dari berbagai<sup>2</sup> bangsa, dan menganut pula ugama yang berlainan, lebuh mudah di-perentah, dari menjajah satu bangsa saja di-Tanah Melayu. Negeri yang mempunyai berbilang bangsa neschaya akan mewujudkan rasa churiga menchurigai. Demi kepentingan sendiri, penduduk<sup>2</sup> yang berbilang bangsa itu terpaksa, mahu tidak mahu hidup berkaum<sup>2</sup>. Tiap<sup>2</sup> satu kaum untuk kepentingan masing<sup>2</sup> terpaksa menghendaki satu pemerentah yang bersedia memelihara faedah kaum-nya. Penjajah Inggeris tampil ka-hadapan sa-bagai pehak yang boleh melindungi kepentingan semua golongan.

Pelajaran yang di-pelajari oleh Inggeris sejak meletusnya pemberontakan rakyat jajahan di-Amerika Utara yang terdiri dari orang<sup>2</sup> keturunan Inggeris, telah meyakinkan juara<sup>2</sup> penjajah di-London bahawa penduduk<sup>2</sup> yang berbagai<sup>2</sup> bangsa di-Tanah Melayu tiada mungkin akan memberontak Hendak memerentah diri-nya sendiri. Andai-nya meletus pemberontakan, Inggeris yakin dapat memadamkan-nya dengan mudah, kerana penduduk<sup>2</sup> yang berbilang bangsa dan menganut berbagai<sup>2</sup> ugama di-Tanah Melayu terpaksa hidup mementingkan faedah kaum masing<sup>2</sup>. Keadilan ini yang telah di-wujudkan dalam masa yang singkat telah meyakinkan Inggeris bahawa ia akan dapat memerentah negeri ini berkekalan sa-lama<sup>2</sup>-nya sa-chara langsung atau tidak langsung.

### 13. YAP AH LOY

Menurut cherita-nya Yap Ah Loy, Kapitan China yang terkenal dan terkemuka di-Kuala Lumpur dalam perang saudara Selangor, lahir dalam tahun 1837 di-Tiongkok.

Yap Ah Loy telah meninggalkan tanah tumpah darahnya untuk menemui penghidupan baru di-Tanah Melayu, sa-telah umur-nya meningkat 18 tahun. Negeri yang dituju-nya ia-lah Melaka.

Di-Melaka, sa-waktu Yap Ah Loy tiba sudah terjajah oleh Inggeris. Di-sana Yap Ah Loy telah berkerja sa-bagai buroh dan menumpang tinggal dengan saudara<sup>2</sup>-nya.

Sikap Yap Ah Loy yang tekun bekerja dan berjimat dengan wang telah membolehkan ia membuat penghidupan baru — dari sa-orang buroh menjadi sa-orang ahli perniagaan.

Sa-telah mendapat kabar, Lukut ia-lah sa-buah kawasan perusahaan yang mempunyai ramai penduduk, Yap Ah Loy telah mengambil keputusan untuk merantau ka-situ membuka perniagaan.

Yap Ah Loy membuka perniagaan babi dan mendapat keuntongan besar, hingga menjadi sa-orang saudagar yang kaya di-Lukut.

Dengan tarap-nya sa-bagai sa-orang kaya, Yap Ah Loy telah dapat bergaul dengan orang<sup>2</sup> kaya daripada bangsa-nya.

Tawkey Liu Ngiam Kong, Kapitan China Kuala Lumpur di-masa itu, ia-lah salah sa-orang hartawan China yang paling rapat berdamping dengan Yap Ah Loy. <

Sa-telah mendapati bahawa Yap Ah Loy sa-orang pemuda yang mempunyai himah dan chita<sup>2</sup> tinggi, tawkey Liu Ngiam Kong telah mengajak Yap Ah Loy berpindah ka-Kuala Lumpur dan menjadi pengurus sharikat perusahaan lombong-nya.

Sa-telah menimbangkan sa-halus<sup>2</sup>-nya tentang pendapatan dan jawatan yang di-tawarkan oleh tawkey Liu Ngiam Kong kapada-nya lebeh baik daripada sa-orang saudagar babi, Yap Ah Loy telah bersetuju untuk berpindah ka-Kuala Lumpur.

Sa-telah bekerja beberapa lama di-Kuala Lumpur, Yap Ah Loy mendapati bahawa dengan pengalaman-nya dalam perusahaan lombong dan dengan wang simpanannya, dia boleh menjalankan perusahaan-nya sendiri.

Yap Ah Loy kemudian berhenti dari jawatan-nya sebagai pengurusi sharikat lombong Liu Ngiam Kong, dan membuka perusahaan-nya sendiri. Usaha-nya itu telah menyebabkan dia bertambah kaya dan berpengaroh.

Sikap-nya yang selalu tidak puas dengan pendapatan yang di-peroleh-nya itu, telah menyebabkan Yap Ah Loy membuka beberapa cabang perusahaan lain, membuka kedai dan yang paling menguntungkan sa-kali ia-lah perusahaan pelachoran.

Yap Ah Loy, dalam perusahaan pelachoran, telah membuat perhubungan dengan kaum keluarga-nya di-Tiongkok untuk menchari perempuan<sup>2</sup> jelita.

Dengan tarap-nya sa-bagai sa-orang yang terkaya sa-kali di-Kuala Lumpur, Yap Ah Loy berdamping rapat dengan pembesar<sup>2</sup> Melayu.

Yap Ah Loy seperti orang<sup>2</sup> China totok yang datang ka-Tanah Melayu semua-nya ta'alok di-bawah kongsi gelap. Perasaan berpuak<sup>2</sup> ada-lah sangat tebal, dan menjadi sifat sa-mula jadi di-kalangan orang<sup>2</sup> dagang ini. Tiap<sup>2</sup> satu puak ada mempunyai persekutuan, atau lebih tegas, kongsi gelap-nya sendiri. Kongsi<sup>2</sup> gelap ini mula-nya khusus bertujuan memberi pertolongan kebajikan, dan melindungi orang<sup>2</sup> singkeh itu dari teraniaya dalam masa perantauan di-negeri orang. Ini-lah puncha-nya kenapa kongsi gelap dapat hidup biak sampai sekarang, dan sangat mempengarohi mereka dalam serba serbi.

Kongsi<sup>2</sup> gelap ini berakar tunjang dari negeri China. Apabila orang<sup>2</sup> China yang berpuak<sup>2</sup> itu membuka atau bekerja di-lombong<sup>2</sup> di-Tanah Melayu, maka mereka membawa sakali ka-sini kongsi gelap masing<sup>2</sup>. Biasa-nya kongsi gelap ini di-pimpin lansong oleh orang<sup>2</sup> yang berpengaroh atau kaya dalam satu<sup>2</sup> puak. Chorak kongsi gelap itu dari sa-buah pertubohan kebajikan akhir-nya telah berubah menjadi alat yang terpenting sa-kali bagi saudagar<sup>2</sup> China di-Negeri<sup>2</sup> Selat yang sedang berlumba<sup>2</sup> membuka lombong<sup>2</sup>, terutama sa-kali di-negeri Perak dan Selangor.

Tiap<sup>2</sup> sa-orang China singkeh yang tiba di-pelabuhan<sup>2</sup> Negeri<sup>2</sup> Selat ia-lah dengan bawaan tawkey<sup>2</sup> China yang mengeluarkan modal membuka lombong<sup>2</sup> di-Tanah Melayu. Kesusahan dan kesangsaraan hidup di-negeri China menyebabkan berpuloh<sup>2</sup> ribu orang China menunggu<sup>2</sup> peluang hendak merantau ka-lain negeri menchari kehidupan baru. Puncta buroh murah yang berlambak<sup>2</sup> di-negeri China telah menyebabkan saudagar<sup>2</sup> China di-Negeri<sup>2</sup> Selat meng-

hantar wakil<sup>2</sup>-nya untuk membawa orang<sup>2</sup> China dari puaknya yang sengsara itu guna di-perkulikan di-lombong<sup>2</sup> Tanah Melayu. Tambang tongkang dan makanan China<sup>2</sup> singkeh itu semua-nya di-tanggong oleh wakil<sup>2</sup> saudagar<sup>2</sup> tersebut.

Sampai saja di-pelabuhan<sup>2</sup> Negeri<sup>2</sup> Selat orang<sup>2</sup> China itu telah mengangkat sumpah menjadi anggota kongsi gelap, dan talok serta patoh kapada segala hukum pertubohan itu. Tiap<sup>2</sup> sa-orang sedar bahawa engkar kapada hukum kongsi gelap yang mereka masuki itu ia-lah mati dengan tiada banyak bichara. Sa-telah bersuin-pah mereka pun dibantah bekerja di-lombong<sup>2</sup> yang di-punyal oleh saudagar yang membawa mereka ka-sini. Saudagar itu-lah juga yang menjadi ketua kongsi gelap yang di-masuki oleh orang<sup>2</sup> singkeh ini.

Dengan chara ini, tawkey<sup>2</sup> lombong bukan saja mudah memerah tenaga kuli<sup>2</sup> lombong, malahan dapat mempergunakan mereka untuk melindungi lombong<sup>2</sup> atau berjuang merebut kawasan<sup>2</sup> tanah lombong yang lebih kaya dari kongsi gelap yang lain.

Ketua<sup>2</sup> kongsi gelap itu mempunyai pengawal peribadi, dan samseng<sup>2</sup> yang berani mati, lengkap dengan senjata yang bertugas selaku orang kuat atau penglima dalam pergaduhan<sup>2</sup>. Samseng<sup>2</sup> ini-lah juga yang melaksanakan segala kuatkuasa kongsi gelap ka-atas semua kuli<sup>2</sup> dalam sa-sabuah lombong. Samseng<sup>2</sup> serta orang<sup>2</sup> kuat itu menerima upah yang lumayan dari wang yuran kuli<sup>2</sup> lombong tersebut.

Kita akan menyebut dua buah saja kongsi gelap, ia-itu kumpulan "Hai San" sa-buah pertubohan yang di-sokong oleh puak Hakka, dan "Ghi Hin" yang di-dukong oleh puak orang<sup>2</sup> Canton. Lain<sup>2</sup> kongsi gelap yang kecil berlindong di-bawah salah sa-buah daripada dua pertubohan yang terbesar ini.

Kedua<sup>2</sup> buah kongsi gelap yang berpengaroh itu tidak bersefahaman. Pertumpahan darah sering kali terjadi diantara kedua pehak kerana berasal<sup>2</sup>kn kawasan perlombongan di-Perak dan Selangor. Sa-telah terjadi perang kongsi gelap yang dahsyat di-Larut, Perak dalam tahun 1862, maka anggota<sup>2</sup> "Hai San" telah lari berlindong dengan puak-nya yang menguasai sekitar kawasan lombong<sup>2</sup> di-Kuala Lumpur. Puak ini kemudian menaroh dendam yang tidak habis<sup>2</sup> terhadap musoh-nya puak "Ghi Hin" yang menguasai tanah<sup>2</sup> lombong di-Kanching.

Saperti yang telah teradat orang<sup>2</sup> besar sa-tempat selaku wakil Sultan melantek orang<sup>2</sup> China yang berpengaroh menjadi Kapitan China untuk mengetahui pelombong<sup>2</sup> di-sa-sabuah kawasan perlombongan. Kapitan<sup>2</sup> China itu berkuasa penoh ka-atas kaum-nya, dan dia-lah juga yang bertanggong jawab atas segala urusan keamanan dalam kawasan perlombongan. Dengan chara ini memudahkan pula kerja orang<sup>2</sup> besar dalam urusan ketenteraman dan pemungutan chukai bijeh.

Kapitan China untuk sa-kitar kawasan perlombongan Kuala Lumpur pada masa itu ia-iah tawkey Liu Ngium Kong dan penolong-nya Yap Ah Loy dari puak "Hai San". Dan Kapitan China Kanching ia-lah tawkey Chong Chong dari puak "Ghi Hin".

Ketika perang saudara Selangor sedang memuncak dalam tahun 1866 permusohan di-antara kedua<sup>2</sup> buah kongsi gelap yang bertentangan itu mulai menyalah. Taukey Liu Ngium Kong, Kapitan China Kuala Lumpur telah berjaya menempatkan sa-orang tawkey dari puak-nya menjadi Kapitan China di-Kanching. Ini telah menimbulkan kemarahan di-kalangan puak "Ghi Hin" sa-hingga membunuh tawkey itu. Tidak berapa lama kemudian tawkey Liu

Ngium Kong mati, dan penolong-nya, Yap Ah Loy dengan sendiri-nya pula menjadi ketua kongsi "Hai San". Selaku ketua kumpulan itu, ia dengan sendiri-nya pula memangku jawatan Kapitan China. Hal ini telah menimbulkan kemarahan di-antara pengikut<sup>2</sup> tawkey yang telah mati itu. Pergaduhan besar di-antara puak "Hai San" hampir<sup>2</sup> terjadi. Menurut kebiasaan, salah sa-orang dari anak tawkey Liu Ngium Kong berhak menyandang jawatan Kapitan China.

Pada masa itu, Yap Ah Loy ia-lah sa-orang saudagar yang sedang naik. Ia tiada mahu kekayaan-nya yang sedang bertambah<sup>2</sup> di-musnahkan oleh persengketaan merebutkan jawatan Kapitan China. Kebetuanan ketika itu orang<sup>2</sup> besar Klang sedang berkelahhi dan Yap Ah Loy dengan bijaksana meyakinkan puak-nya bahawa dia hanya memangku jawatan itu sa-hingga orang besar Klang melantek sa-orang Kapitan China yang baru. Ini telah menenangkan perasaan puak "Hai San". Sementara menunggu orang<sup>2</sup> besar Klang selesai bergaduh (lihat chatatan perang) Yap Ah Loy dengan pengawal<sup>2</sup> peribadi-nya serta orang<sup>2</sup> kuat-nya telah mempertegap kedudukan-nya sa-bagai ketua kongsi gelap "Hai San". Bunoh membunoh menjadi<sup>2</sup> di-kawasan perlombongan di-sekitar Kuala Lumpur. Yap Ah Loy bertindak mengusir puak "Ghi Hin" dari lombong<sup>2</sup> mereka. Sa-behul akhir tahun 1868 hampir semua lombong<sup>2</sup> "Ghi Hin" telah jatoh ka-tangan Yap Ah Loy.

Sa-telah Raja Mahadi menguasai Klang, maka dalam bulan June 1869 ia telah melawat Kuala Lumpur kerana melantek sa-chara rasmi Yap Ah Loy menjadi Kapitan China. Istiadat perlantekan itu mengikut adat istiadat Melayu dan China yang beraneka warna. Yap Ah Loy memakai pakaian kebangsaan Melayu serta bertanjak sa-waktu menerima surat perlantekan dari Raja Mahadi. Surat

perlantekan itu di-bacha dalam bahasa Melayu, dan China kapada khalayak ramai. Sa-lepas itu Yap Ah Loy di-arak mengelilingi pekan Kuala Lumpur. Dengan perlantekan ini kedudukan Yap Ah Loy sa-makin bertambah kuat kerana ia telah mendapatkan sa-orang sahabat yang menguasai Klang. Raja Mahadi dan Yap Ah Loy kemudian mengikut tali persahabatan yang erat sa-kali.

Persahabatan tersebut tiada kekal. Demi kepentingan perniagaan Yap Ah Loy membuang sahabat, dan bersahabat pula dengan Tengku Kudin sa-telah Raja Mahadi terusir dari Klang (tahun March 1870). Yap Ah Loy sangat memerlukan sa-orang sahabat, tidak kira siapa saja yang menguasai Klang. Sa-telah Raja Mahadi berundor dari Klang, dan Sungai Klang tersekat — jalan terpenting sa-kali di-masa itu membawa keluar bijeh dari lombong<sup>2</sup> Kuala Lumpur — maka kedudukan Kapitan China itu sa-makin burok. Bijeh<sup>2</sup> terpaksa di-bawa keluar melalui lembah Langat. Ini menelan belanja yang besar. Sa-lain dari ini, puak "Ghi Hin" telah mula menyerang balas ka-Kuala Lumpur.

Demi mengelakkkan kebinasaan-nya, Yap Ah Loy menawarkan kesanggupan-nya kapada Tengku Kudin untuk memerangi Raja Mahadi, dan bersedia pula meletakkan pelombong<sup>2</sup> China yang di-bawah kekuasaan-nya dalam usaha peperangan Tengku Kudin yang kebetulan pula sangat memerlukan tenaga manusia. Di-masa itu Yap Ah Loy mempunyai beribu<sup>2</sup> orang pelombong<sup>2</sup> China dari puak "Hai San" yang boleh di-pergunakan dalam perang. Perikatan Kudin-Yap Ah Loy terjalin dengan kuat-nya.

Kepentingan Yap Ah Loy dalam perang saudara sa-mata<sup>2</sup> untuk meluaskan kawasan perlombongan-nya. Disamping mempersenjatai kuli<sup>2</sup> lombong untuk di-perbantu-

kan kepada tentera<sup>2</sup> Tengku Kudin, Kapitan China itu terus menerus bertindak membinasakan musoh-nya di-sekitar kawasan perlombongan Kuala Lumpur.

Darah mengalir bukan sa-takat di-lombong<sup>2</sup> Kuala Lumpur saja, malahan membanjiri Kanching apabila Yap Ah Loy membawa ahli<sup>2</sup> kongsi gelap-nya menyerang kubu puak "Ghi Hin" dalam bulan July 1870. Beratus<sup>2</sup> orang kuli lombong telah terkorban di-Kanching. Puak "Hai San" juga tidak sadikit yang mati. Hadiah<sup>2</sup> sa-banyak \$100 juga telah di-tawarkan kapada anggota<sup>2</sup> "Hai San" yang membawa kepala anggota puak "Ghi Hin". Penawaran hadiah ini telah menyebabkan tidak sadikit kuli<sup>2</sup> lombong yang telah terpenggal kepala masing<sup>2</sup> sa-mata<sup>2</sup> kerana di-shakki menjadi anggota "Ghi Hin". Pendek kata sa-tiap kepala kuli lombong yang di-longgokkan di-hadapan Kapitan China itu di-pasar Kuala Lumpur ada-lah di-anggap sa-bagai kepala musoh.

Sa-waktu Frank Swettenham, penolong British Resident melawat Kuala Lumpur, sa-jurus Selangor tertia'alok, Kapitan Yap Ah Loy telah menujukkan kepada-nya sa-buah bangku di-sabuah bangsal di-pasar Kuala Lumpur di mana dia duduk sa-tiap hari mengira wang untok membayar hadiah kapada orang<sup>2</sup> yang membawa kepala musoh-nya.

Kadang<sup>2</sup> orang<sup>2</sup> yang membawa kepala itu penoh sesak dalam bangsal itu, maka Kapitan China itu terpaksa menyuroh mereka berbaris, dan bergilir<sup>2</sup> menerima wang masing<sup>2</sup>.

Berapa-kali belanja yang telah di-keluarkan oleh Kapitan Yap Ah Loy dalam perang saudara Selangor tidaklah di-ketahui dengan jelas. Tetapi telah di-taksirkan bahawa dalam tahun 1870, ia telah berbelanja tidak kurang dari

\$100,000 membeli senjata<sup>2</sup> dan bekalan<sup>2</sup> untuk mempersenjatai pelombongan<sup>2</sup>-nya. Jumlah ini tidak termasuk bayaran hadiah kepada orang<sup>2</sup> yang membawa kepala musoh-nya.

Sa-lepas perang, British Resident telah membenarkan Kapitan Yap Ah Loy menungut chukai sa-banyak sa-ringgit bagi tiap<sup>2</sup> bahara bijeh yang di-keluarkan dari lombongan<sup>2</sup> Kuala Lumpur sa-bagai mendapatkan sa-mula wang yang telah di-keluarkan oleh-nya dalam masa perang.

Kapitan China Yap Ah Loy mati dalam tahun 1855 sa-waktu berusia 48 tahun. Dalam masa 30 tahun ia berada di-Lukut dan Kuala Lumpur, Yap Ah Loy telah memainkan satu peranan yang penting juga dalam satu babak sejarah negeri ini.

Tawkey Chong Chong, ketua kongsi gelap "Ghi Hin" sa-telah terdesak oleh penyerangan<sup>2</sup> Yap Ah Loy telah menawarkan kerjasama-nya pula kepada Raja Mahadi. Dan dengan ini dua kongsi gelap yang saling bertentangan telah turut serta dalam perang saudara di-Selangor.

#### 14. PENUTUP: SELANGOR TERBELENGGU

Sa-lepas saja armada Sir Andrew Clarke berjaya memainkan diplomasi kapalperang di-Jugra, maka seluroh kekuasaan dan kedaulatan Sultan jatoh ka-dalam tangan Tengku Kudin. Menurut persetujuan yang telah di-chapai di-Jugra Tengku Kudin, sa-laku wakil Yam Tuan, memerintah negeri dengan bantuan British Resident, dan Sultan Abdul Samad bersemayam terus bersemayam di-Jugra dan menterima sa-tiap bulan wang persaraan. Inggeris tidak mengganggu adat istiadat Melayu, dan ugama Islam.

Perang saudara telah selesai. Keadaan dalam negeri maseh huruhara. Tengku Kudin, dan British Resident J.G. Davidson (sahabat baik Tengku Kudin, dan salah sa-orang penyokong-nya dalam masa perang) sangat memerlukan keamanan untuk membuka sa-mula lombong<sup>2</sup>.

Peristiwaran<sup>2</sup> di-raja di-sebarkan di-tiap<sup>2</sup> daerah mengumumkan bahawa baginda Sultan telah mengampunkan semua pehak yang terlibat dalam perang, baik orang<sup>2</sup> Melayu, mahu pun orang<sup>2</sup> China. Sadikit demi sadikit orang<sup>2</sup> Melayu yang berlindong dalam hutan<sup>2</sup> kembali sa-mula ka-kampong atau ladang masing<sup>2</sup>, dan orang<sup>2</sup> China juga telah keluar dari tempat<sup>2</sup> persembunyian mereka lalu pergi sa-mula ka-lombong<sup>2</sup>.

Majlis Meshuarat Kerja Negeri telah di-bentok di-Klang dalam tahun 1875. Tengku Kudin menjadi Yang Di-pertua. Anggota<sup>2</sup> Majlis Meshuarat itu terdiri dari beberapa orang anak<sup>2</sup> raja, dan Kapitan China Yap Ah

Loy, Raja Mahadi serta pengikut<sup>2</sup>-nya tiada di-wakili dalam majlis itu.

British Resident Davidson yang mengetahui adat istiadat, dan kebiasaan orang<sup>2</sup> Melayu bekerja kuat memujok orang<sup>2</sup> besar Melayu supaya menerima pertadbiran baru itu. Davidson chukup berhati<sup>2</sup> menyembunyikan kekuasaan Inggeris, dan sadikit demi sadikit menyemaikan kebanggaan palsu di-kalangan orang<sup>2</sup> besar, dan raayat negeri bahawa Inggeris ia-lah hamba Sultan. Inggeris hanya melindungi baginda dan negeri dari anchaman, dan menolong baginda memajukan negeri.

Pendapatan orang<sup>2</sup> besar, dan anak<sup>2</sup> raja dari hasil chukai tidak di-sentoh, malahan menerima habuan masing<sup>2</sup>, kadang<sup>2</sup> lebih dari biasa melalui bayaran penchen politik sa-tiap bulan. Chukai<sup>2</sup> bijeh sekarang mengalir ka-perbendaharaan kerajaan. Satu pertiga dari pungutan chukai<sup>2</sup> tersebut ia-lah untok habuan kehuarga di-raja. Dengan chara bayaran ini, maka orang<sup>2</sup> besar mendapati tiada sadikit pun yang kurang, malahan mereka berasa lebih senang dari masa yang lalu kerana sekarang tidak perlu bersusah payah memungut chukai. Akhir-nya semua orang<sup>2</sup> besar menyerahkan segala urusan memungut chukai kepada Davidson. Dan lenyaplah buat sa-lama<sup>2</sup>-nya kuasa politik kenagaraan orang<sup>2</sup> besar itu.

Sa-telah melenyapkan kuasa orang<sup>2</sup> besar daerah itu dengan tidak menumpahkan darah sa-titek pun, Davidson mulai berusaha melumpohkan orang<sup>2</sup> Melayu dalam lapangan perlombongan, dan perdagangan. Satu demi satu saudagar<sup>2</sup> Melayu jatoh bengkerap. Raayat banyak Melayu di-galakkan hidup aman damai membuka kampong dan berladang di-pingir hutan. Kemudian usaha melumpohkan

kesedaran kebangsaan di-kalangan rayaat banyak Melayu di-laksanakan. Dasar pintu terbuka telah di-laksanakan. Dasar ini bermaksud supaya negeri di-penohi oleh berbagai<sup>2</sup> bangsa yang berlainan ugama supaya memudahkan Inggeris memerentah negeri.

Dalam pada itu sa-gulongan anak<sup>2</sup> raja di-Kuala Langat mulai berasa tidak senang dengan telatah British Resident yang kelihatan lebuh berkuasa dalam negeri, dan tarap Sultan telah menjadi sa-bagai patong bernyawa saja. Pehak berkuasa Inggeris kemudian mengirim Frank Swettenham, penolong Davidson ka-Jugra untuk mengawasi Sultan Abdul Samad agar tidak terpengaroh oleh gulongan<sup>2</sup> anak<sup>2</sup> raja yang gelisah itu.

Kejayaan Davidson dan Swettenham melumpohkan kuasa orang<sup>2</sup> besar, dan rayaat banyak Melayu dalam masa yang sengkat, telah menyebabkan kedua<sup>2</sup>-nya di-tukar ka-Perak yang sedang huruhara sa-telah British Residen Birch mati di-bunoh di-Pasir Salak pada 2 November 1875. Ganti Davidson ia-lah Bloomfield Douglas, sa-orang pegawai angkatan laut Inggeris. Dauglas sa-bagai sa-orang pegawai tentera terburu<sup>2</sup> hendak menjadikan negeri Selangor sa-bagai tanah jajahan Inggeris saperti Negeri<sup>2</sup> Selat.

Tengku Kudin yang telah terlena dengan kebesarannya yang palsu mulai sedar, tetapi telah terlambat. Orang<sup>2</sup> besar daerah tidak dapat di-bawa berunding kerana masing<sup>2</sup> sedang menimati penchen politik. Saudagar<sup>2</sup> dan pelombong<sup>2</sup> Melayu telah binasa, di-hanchorkan oleh saudagar<sup>2</sup> Negeri<sup>2</sup> Selat yang enggan memberi modal atau menjual membeli barang<sup>2</sup> chara bayaran hutang. Rayaat jelata telah bertaboran berpechah belah mencari kehidupan masing<sup>2</sup>. Sultan sudah tiada berkuasa lagi. Tengku Kudin bertem-

tangan faham dengan British Resident Douglas dalam banyak perkara, terutama sa-kali dasar pintu terbuka. Kuasa-nya selaku Wakil Yam Tuan sudah terbatas dalam Majlis Kerja Negeri, dan semua urusan pertadbiran di-jalankan langsung oleh British Resident dan kaki-tangan-nya.

Inggeris telah kuat bertapak dalam negeri. Kelumpahan kuasa orang<sup>2</sup> besar yang tiada berpengikut tidak memberi harapan kapada Tengku Kudin untuk menegakkan kekuasaan-nya. Ia menyedari menentang Inggeris ketika itu bererti maut, dan Tengku Kudin akhir-nya berhenti dari jawatan-nya selaku Wakil Yam Tuan lalu balek ka-Kedah, kemudian bermastautin di-Pulau Pinang.

Negeri Selangor kemudian di-kuasai lansong oleh British Resident melalui Raja Muda Musa yang bersemayam dan berkechualи dalam masa perang di-Kuala Selangor. Kapitan Yap Ah Loy dengan bantuan Inggeris terus membuka Kuala Lumpur. Inggeris telah berkuasa penoh.

Sultan Abdul Samad dengan bijaksana mensesuaikan diri-nya dengan perubahan zaman itu. Dalam tahun 1884 baginda memegang jawatan Yang Di-pertua Majlis Mesuarat Kerja, sa-lepas putera baginda, Raja Muda Musa meninggal dunia. Baginda telah berusia kira<sup>2</sup> 80 tahun. Inggeris terpaksa berbuat demikian kerana tidak sanggup menyentoh adat istiadat Melayu. Baginda maseh tetap bertarap Sultan. Dua tahun kemudian baginda dengan bijaksana sendiri telah meninggalkan Jugra kerana melawat Kuala Lumpur dan lain<sup>2</sup> daerah. Inggeris tidak berbuat apa<sup>2</sup> demi kepentingan penjajahan-nya. Sultan Abdul Samad mengerusikan semua persidangan Majlis Kerja yang di-adakan di-Jugra, dan menggunakan scgala kesempatan yang terbuka untuk membaiki kehidupan raayat baginda. Pena-

sihat baginda yang bijak sa-kali ia-lah chuchunda baginda  
Raja Muda Sulaiman yang akhir-nya menggantikan baginda  
sa-bagai Sultan. Sultan Abdul Samad mangkat dalam tahun  
1898.

S E L E S A I

22 MAY 1984